

LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA

MESYUARAT KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

TARIKH : 10 November 2010 (Rabu)
TEMPAT : (Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)
JAM : 9.30 Pagi.

HADIR

| Bil. | Nama | Jawatan/Ahli Kawasan |
|------|--|-----------------------------------|
| 1. | Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain | Speaker |
| 2. | Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng | Ketua Menteri / Air Putih |
| 3. | Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman | Setiausaha Kerajaan Negeri |
| 4. | Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli | Penasihat Undang-undang Negeri |
| 5. | Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus | Pegawai Kewangan Negeri |
| 6. | Y.B. Dato' Mansor bin Haji Othman | Timbalan Ketua Menteri I /Penanti |
| 7. | Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy | Timbalan Ketua Menteri II / Perai |
| 8. | Y.B. Tuan Chow Kon Yeow | Padang Kota |
| 9. | Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim | Batu Maung |
| 10. | Y.B. Tuan Lim Hock Seng | Bagan Jermal |
| 11. | Y.B. Tuan Law Heng Kiang | Batu Lancang |
| 12. | Y.B. Tuan Phee Boon Poh | Sungai Puyu |
| 13. | Y.B. Tuan Law Choo Kiang | Bukit Tambun |
| 14. | Y.B. Tuan Wong Hon Wai | Air Itam |
| 15. | Y.B. Puan Ong Kok Fook | Berapit |
| 16. | Y.B. Dato' Tan Hock Leong | Timbalan Speaker/Machang Bubuk |
| 17. | Y.B. Tuan Koay Teng Hai | Pulau Tikus |
| 18. | Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN | Sungai Bakap |
| 19. | Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady | Bagan Dalam |
| 20. | Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man | Permatang Pasir |

| | |
|--|--------------------|
| 21. Y.B. Tuan Ng Wei Aik | Komtar |
| 22. Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin | Paya Terubong |
| 23. Y.B. Tuan Teh Yee Cheu | Tanjong Bunga |
| 24. Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh | Datuk Keramat |
| 25. Y.B. Tuan Tan Cheong Heng | Padang Lalang |
| 26. Y.B. Tuan Ong Khan Lee | Kebun Bunga |
| 27. Y.B. Tuan Ong Chin Wen | Bukit Tengah |
| 28. Y.B. Tuan Sim Tze Tzin | Pantai Jerejak |
| 29. Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji | Seri Delima |
| 30. Y.B. Tuan Koid Teng Guan | Sungai Pinang |
| 31. Y.B. Tuan Lau Keng Ee | Pengkalan Kota |
| 32. Y.B. Tuan Tan Beng Huat | Jawi |
| 33. Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam | Batu Uban |
| 34. Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya | Telok Bahang |
| 35. Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid | Telok Ayer Tawar |
| 36. Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad | Bayan Lepas |
| 37. Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed | Sungai Dua |
| 38. Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin | Pinang Tunggai |
| 39. Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah | Seberang Jaya |
| 40. Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya | Permatang Berangan |
| 41. Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad | Pulau Betong |
| 42. Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria | Sungai Acheh |
| 43. Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab | Bertam |

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim - Ahli Kawasan Penaga (Digantung)

TURUT HADIR

Encik Md Puat bin Romli - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

Dewan mula bersidang jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Doa.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersambung untuk sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab):

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato' speaker yang memberi peluang kepada saya untuk bangun dan sama-sama mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2011 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 2 November lalu.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin merujuk kepada beberapa perancangan Kerajaan Negeri sebelum ini yang dilihat begitu gah tetapi hingga sekarang belum menampakkan hasilnya. Rakyat tertanya-tanya apa telah terjadi kepada projek yang dirancangkan itu.

Pertama ialah projek inisiatif Wi-Fi percuma yang diumumkan oleh Ketua Menteri pada penghujung tahun 2008. Ketika itu, Kerajaan Negeri berkata projek itu dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Pulau Pinang dalam tempoh satu hingga dua tahun secara percuma. Ketika itu, projek ini sentiasa disebut oleh pemimpin negeri, kononnya akan menjadi negeri pertama di Malaysia yang menawarkan Wi-Fi percuma untuk rakyat jelata. Perkara ini telah saya bangkitkan sebelum ini. Tetapi hingga sekarang, tidak tahu apa yang terjadi kepada projek ini. Kalau tidak silap saya, beberapa kawasan Bandar telah disediakan kemudahan ini seperti Komtar dan Bandar Seberang Jaya. Kawasan lain tidak pernah disebut. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberi penjelasan mengenai perkembangan projek Wi-Fi ini agar rakyat tidak terus tertunggu-tunggu untuk melayari internet secara percuma.

Saya juga ada menerima rungutan rakyat mengenai kenyataan Kerajaan Negeri ketika itu yang menyebut kononnya rakyat Pulau Pinang juga dilengkapi dengan kemudahan jalur lebar P1 WiMax yang pertama di negara ini. Untuk mendapat kemudahan ini, pengguna akan dikenakan sedikit bayaran berbanding Wi-Fi yang berikan secara percuma.

Y.B. Dato' Speaker, perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah projek percubaan menguji landasan dan koc seumpama Sistem Aliran Transit Ringan yang dikelolakan oleh syarikat swasta di Batu Kawan. Projek percubaan itu adalah untuk mengkaji kesesuaiannya sebelum syarikat terlibat membuat keputusan sama ada mahu membina kilang mengeluarkan koc di negeri ini. Saya faham projek percubaan ini adalah usaha swasta tetapi menggunakan tanah Kerajaan Negeri yang dikatakan disewakan kepada syarikat ini.

Ketika projek percubaan ini diumumkan oleh Kerajaan Negeri, ia nampak begitu gah jugalah dan menarik perhatian semua orang. Sehingga dua pemimpin Kerajaan Negeri mengeluarkan kenyataan mengenainya. Mula-mula diumumkan oleh Timbalan Ketua Menteri II (wakil dari Perai) dan selepas itu diulas lebih mendalam oleh EXCO Kerja Raya (wakil dari Bagan Jermal) Tetapi hampir setahun berlalu, tiada apa berita dan perkembangan mengenainya. Oleh itu, saya mohon agar Kerajaan Negeri dapat memberitahu status atau kedudukan projek ini untuk pengetahuan semua rakyat. Saya nak jimat masa, nanti jawab sekali.

Perkara ketiga yang ingin saya sentuh ialah kenyataan beberapa syarikat terkemuka untuk membuat pelaburan yang mencecah ratusan juta dalam projek Halal Hab yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri pada pertengahan tahun 2009. Beberapa syarikat diumumkan bersetuju membuat pelaburan termasuk Syarikat Halal Gel. Perkara ini diumumkan melalui majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) antara Kerajaan Negeri dengan syarikat yang terlibat. Ia turut disiarkan dalam media massa. Tetapi sehingga kini, kita tidak dengar lagi perkembangannya. Adakah syarikat terlibat telah membuat pelaburan atau membatalkannya.

Saya juga mohon mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri mengenai cadangannya untuk menjadikan pelabuhan Pulau Pinang iaitu *Port Swettenham* sebagai pelabuhan halal kedua yang terbesar di dunia selepas Pelabuhan Rotterdam di Belanda. Apa kedudukan cadangan itu sekarang ini? Adakah ia mendapat kelulusan Penang Port Sdn. Bhd. dan Kerajaan Persekutuan? Apakah persediaan Kerajaan Negeri ke arah itu? Kerana jika mengikut perancangan yang diumumkan sebelum ini, ia sepatutnya telah dilaksanakan.

Saya juga mohon mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri mengenai hasil rundingan dengan syarikat terkemuka di Asia Barat iaitu Kumpulan Al-Jawhara untuk melabur dalam pelbagai bidang perkhidmatan berasaskan syariah di Pulau Pinang. Adakah mereka masih berminat atau membatalkan hasratnya itu? Setakat ini, apakah bentuk pelaburan yang diterima oleh Kerajaan Negeri untuk menjayakan matlamatnya menjadikan Pulau Pinang sebagai Halal Hab yang terkenal di seluruh dunia?

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin memetik kembali kenyataan EXCO Hal Ehwal Agama Islam iaitu wakil dari Batu Maung ketika mula-mula mengambil alih jawatan itu dan selepas mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Beliau ada menyebut akan berusaha memperkasakan Jabatan itu dengan pelbagai perancangan dan perubahan termasuk memperkasakan bahagian penguatkuasaan.

Tetapi sehingga sekarang ini tidak nampak apa-apa perubahan atau tindakan ke arah memperkasakan Jabatan itu secara keseluruhannya. Saya difahamkan anggota unit Penguat Kuasa masih belum ditambah dan bilangannya masih kecil berbanding dengan bidang tugasnya untuk mencegah pelbagai kemungkaran yang dilakukan oleh orang Islam. Sebagai contoh, sesetengah daerah hanya ditempatkan seorang atau dua orang anggota Penguat Kuasa. Apa yang boleh mereka lakukan dengan bilangan yang kecil seperti itu.

Pernah terjadi orang awam datang mengadu kes khalwat kepada Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Utara tetapi dimaklumkan tidak dapat mengambil tindakan kerana anggota penguatkuasaannya sedang bercuti bersalin. Perkara seperti ini perlu dikaji semula dan jika boleh tambahlah bilangan anggota. Kalau dia cuti gantilah dengan orang lain, hanya dok harap dia seorang sahaja. Sehubungan itu, saya berharap Kerajaan Negeri lebih serius melihat isu ini. Oleh itu, peruntukan lebih besar perlu diberikan kepada jabatan ini untuk memperkemaskan jenteranya bagi memastikan tugas penguatkuasaan dapat dilakukan dengan lebih sempurna dan sistematik.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menyentuh mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang masih menimbulkan rungutan di kalangan pengguna atau pembayar cukai di kawasan Seberang Perai. Sesetengah perkhidmatannya seperti mengangkut sampah di kawasan perumahan masih tidak memuaskan. Kadang-kadang mereka tidak mengutip sampah mengikut jadual yang ditetapkan. Kalau dahulu pekerja MPSP datang tiga kali seminggu tetapi sekarang dua kali sahaja. Pernah saya menerima rungutan, mereka hanya datang sekali seminggu mengutip sampah tanpa alasan yang munasabah walaupun ia hanya berlaku sekali dua sahaja. Perkara seperti ini mesti dielakkan kerana orang ramai membayar cukai bagi perkhidmatan yang ditawarkan.

Orang ramai merungut cara kutipan sampah yang dilakukan pada waktu pagi bermula kira-kira jam 8.00 atau 9.00 pagi. Mereka akan mengumpul semua sampah yang dikutip dari setiap lorong di belakang rumah tertentu sebelum diambil oleh lori kira-kira jam 10.00 atau 11.00 pagi, kadang-kadangnya sampah-sampah ini sementara menunggu lori sampah sampai, anjing liar akan menyelongkar sampah sarap itu untuk mencari sisa makanan. Keadaan itu menyebabkan sampah bertaburan atas jalan raya dan ia jarang dikutip oleh pekerja yang datang dengan lori. Pemandu lori sampah ini juga kadang-kadang suka *compress* sampah di belakang rumah penduduk menyebabkan air lecet bertakung di situ. Ini menimbulkan bau busuk yang berlarutan beberapa hari. Sepatutnya mereka melakukan kerja itu di tempat lain dan bukan di belakang rumah. Pekerja MPSP perlulah mengambil kira sensitiviti penghuni taman perumahan ketika menjalankan tugas dan tidak melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan kemarahan mereka. Saya harap perhatian serius perlu diambil bagi mengatasi masalah ini.

Selain itu, saya juga menerima rungutan mengenai sesetengah kemudahan awam seperti jalan bandaran, longkang dan padang permainan yang tidak diselenggara sehingga menimbulkan masalah. Tarlah semula jalan yang berlopak atau berlubang, bersihkan longkang yang tersumbat dan menggantikan peralatan atau permainan yang rosak di taman-taman permainan. Saya amat yakin MPSP mampu melakukan semua tugas ini kerana kita pemerintahan Barisan Nasional, semua tanggungjawab ini dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Tambahan pula sekarang ini, MPSP mempunyai lebih pendapatan melebihi RM30 juta pada tahun lalu. Lebih itu wajarlah digunakan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pembayar cukai untuk keselesaan orang ramai dan dapat menikmati kemudahan asas dan keadaannya yang selesa.

Y.B. Dato' Speaker, perkhidmatan bekalan air paip bersih atau air dirawat oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang juga nampaknya masih kurang memuaskan. Keadaan airnya masih berkeladak jika disimpan dalam kolah atau kolam di bilik mandi. Walaupun sering dibangkitkan, namun masalah ini masih berlarutan. Untuk kepastian, sesiapa sahaja boleh mencuba sendiri menguji keadaan air paip. Simpan dua atau tiga hari dalam botol dan kita boleh lihat hasilnya kemudian. Memang masih banyak keladak. Cuba bayangkan jika keladak ini tersimpan dalam perut kita dan apa akan jadi jika ia berterusan. Saya rasa semua Y.B. tahu jawapannya.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin beralih pula kepada usaha Kerajaan Negeri melahirkan lebih ramai atlet yang cemerlang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Usaha ini memang wajar dipuji tetapi kemudahan sukan sedia ada perlulah dinaikkan taraf kerana sesetengah kemudahannya berada dalam keadaan daif dan tidak sesuai digunakan lagi. Oleh itu tambahlah peruntukan. Saya ambil contoh padang hoki *Astro Turf* di Kompleks Sukan Bertam di Kepala Batas. Keadaannya agak uzur dan terpaksa digunakan walaupun dianggap tidak layak untuk digunakan. Sepatutnya, ia diganti baru untuk membolehkan pemain hoki, terutama peringkat sekolah dan belia menjalani latihan dan mengadakan pertandingan dengan lebih selesa.

Begitu juga dengan gelanggang boling padang yang terletak bersebelahan dengan padang hoki itu. Keadaannya juga memerlukan perhatian segera. Lakukanlah sesuatu untuk menjamin mutu sukan Pulau Pinang terus berada dalam kedudukan yang memberangsangkan. Selain atlet atau pemain yang baik, kita perlu juga mempunyai gelanggang atau kemudahan sukan yang baik. Gabungan kedua-duanya baru dapat melahirkan bintang sukan yang cemerlang. Jadi saya harap ini akan mendapat perhatian.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri mengenai usaha yang dilakukan untuk memperkasakan belia dan remaja dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran untuk membolehkan mereka bersaing dan bersedia menghadapi cabaran semasa yang semakin rumit. Saya tidak nampak banyak program yang dilakukan untuk membimbing remaja, terutama lepasan sekolah agar mendapat manfaat untuk diri sendiri dan seterusnya mampu menjana pendapatan. Jika tidak, gejala sosial akan terus berlarutan tanpa ada penyelesaiannya.

Saya juga mahu mendapat penjelasan mengenai program yang dilakukan untuk membantu golongan wanita termasuk ibu tunggal yang kurang mendapat pembelaan sekarang ini. Perlu diingatkan bahawa golongan wanita adalah penduduk majoriti negeri ini dan peranan mereka tidak harus dipandang ringan. Bak kata pepatah "Tangan yang menghayun buaian, boleh menggoncang dunia".

Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu memberi perhatian kepada nasib golongan wanita, terutama ibu tunggal dan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Sediakan lebih banyak peruntukan untuk mereka termasuk menawarkan pelbagai projek ekonomi yang dapat meningkatkan sumber pendapatan mereka sebab kita mahu 2010, miskin dan miskin tegar dihapuskan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan, khususnya Kerajaan Persekutuan yang banyak membantu menyalurkan pelbagai bantuan bagi melancarkan tugas saya sebagai wakil rakyat di Bertam. Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2011 dan Usul Anggaran Pembangunan 2011 telah pun tamat. Sidang dibuka untuk sesi penggulungan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2011 dan Usul Anggaran Pembangunan 2011. Silakan.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Y.B. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang membentangkan Bajet 2011 yang menyentuh kesemua pembangunan aspek sosio-ekonomi Negeri Pulau Pinang terutamanya pembangunan belia dan sukan serta pembangunan wanita, keluarga dan komoditi.

Y.B. Dato' Speaker, berbekalkan kejayaan penganjuran sukan untuk semua untuk tahun 2011 seperti yang terkandung dalam *Penang Calender of Event 2010* ini, Kerajaan Negeri sekali lagi telah melancarkan *Penang Calender of Event* untuk tahun 2011 dengan mengekalkan tema *Penang Participative Sport Be Amazed*. Untuk makluman Y.B. Dato' Speaker dan juga untuk Ahli-ahli Yang Berhormat melalui program *Penang Participative Sport* yang diperkenalkan ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga sekali lagi telah memenangi anugerah *Award of Best Twin Advertisement* untuk *Penang Calendar of Event 2011* semasa *Forum Tourism Promotion Organisation For ASEAN Pacific City di Bolevor, Rusia* pada 27 Ogos 2010. Anugerah ini merupakan anugerah yang kedua yang dimenangi oleh Kerajaan Negeri di peringkat antarabangsa selepas kejayaan yang sama dikecapi untuk *calendar of event 2010* yang diperolehi pada 29 September 2009 semasa *General Assembly Tourism Promotion Organisation For Asia Pacific City* di Kota Kinabalu, Sabah.

Untuk menjawab Y.B. Bertam tadi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana merancang meningkatkan peruntukan di negeri untuk Belia dan Sukan dan saya juga harap kalau Pengerusi Jabatan Belia dan Sukan iaitu Y.B. Seberang Jaya tolonglah minta Menteri Belia dan Sukan untuk menyalurkan wang yang cukup untuk membantu negeri kita untuk memajukan sukan terutamanya *venue-venue* sukan kita yang sekarang merunsingkan seperti padang hoki *Astro Turf* di Bertam dan *lawn ball* di Bertam dan juga seperti *achery* yang sekarang menjalankan latihan di Batu Uban di Jabatan Belia dan Sukan kena pindah kerana mereka menggunakan tempat itu dan peruntukan untuk bajet 2011 di Kerajaan Pusat kepada sukan ialah RM360 juta. Saya harap Pengerusi Jabatan Belia dan Sukan dapat sedikit saya harap pengerusi Belia dan Sukan dapat sedikit wang untuk menolong sukan kita.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Jadi selain daripada nak minta tolong itu dah buat permohonan, selain daripada itu, demi untuk rakyat Negeri Pulau Pinang kita boleh usaha. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri tambah la pula duit pasal apa golongan belia ini adalah golongan pelapis yang bakal jadi pengundi juga oleh kerana fokus nampaknya kepimpinan DAP ini lebih fokus kepada pilihan raya jadi sepatutnya tambah lebih, *the mean time* kita akan usaha, demi untuk sukan kita akan usaha walaupun saya gemuk, saya pun nak bersukan juga nak bagi kurus sikit.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya, sememangnya peruntukan itu sudah diadakan pada tahun 2008 sebelum Mac 2008 itu peruntukan kepada JKM dan Jabatan Khidmat Masyarakat MPSP untuk Bertam Hokiter RM3.5 million dan satu lagi RM3.5 million kepada MPPP Jabatan Khidmat Masyarakat untuk trigen di akuatik PISA tetapi sudah ditarik balik. Saya sampai hari ini masih tulis surat untuk Menteri Belia dan Sukan minta balik duit itu, tapi sampai hari pun tak ada, jadi saya minta Y.B. Seberang Jaya dan dari Kerajaan Negeri peruntukan yang beri kepada saya RM3.5 million untuk tahun 2011 sememangnya cukup pun tak cukup tapi kita menggunakan dengan cerdiklah *value for money*, untuk memajukan sukan dan saya berterima kasih kepada persatuan-persatuan sukan sampai hari ini sudi bekerjasama dengan saya dan kepada.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Minta penjelasan. Kita kalau kita tengok dalam bajet 2008 perbelanjaan Majlis Sukan Negeri membelanjakan RM5.64 juta 2008 sehingga 31 Disember 2008 tapi peruntukan yang disediakan hanya RM4.5 juta, tidakkah Kerajaan Negeri mencadangkan menambahkan peruntukan kepada MSN kerana kita nampak MSN terpaksa menanggung RM 1.13 juta kerana perbelanjaan daripada peruntukan yang kuat jadi saya ingat kawan saya Arif dia cuma boleh main *bowling* saja. Saya yang lain boleh main.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Peruntukan RM3.3 million yang lalu untuk MSN setengah daripada peruntukan itu untuk kita guna membayar gaji untuk kakitangan MSN dan juga pengarah dan juga pelatih yang tinggal satu (1) million itu hanya untuk kemajuan sukan yang ini ialah hanya kesukaran untuk EXCO Belia dan Sukan terutama untuk MSN untuk memajukan sukan di sini. Saya harap tak kira Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat ka kita mesti tolong-menolong untuk meningkatkan prestasi sukan untuk Negeri Pulau Pinang dan juga untuk Negara Malaysia.

Untuk menjawab Y.B. Bertam mengenai wanita saya banyak terima kasih kepada Y.B. Bertam kerana sudi menghantar wakil Yang Berhormat, lapan (8) orang ke seminar *Gender Equality* di Seberang Perai Kepala Batas pada tahun yang lepas dan kita akan mengadakan lagi forum-forum sedemikian dan saya

harap dua-dua Yang Berhormat datang daripada Telok Ayer Tawar dan Bertam datang mengambil tempat dalam forum untuk meningkatkan memperkasakan wanita di Negeri Pulau Pinang dan menjawab kepada soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Pulau Betong, suka saya memaklumkan bahawa MSN Pulau Pinang telah pun mengenal pasti kawasan Balik Pulau sebagai pusat untuk sukan memanah. Yang tadi sudah cakap yang Batu Uban itu sudah dihalau so kita kena guna Balik Pulau sebagai sukan memanah untuk pelatih dan juga angkat berat dan sepak takraw di mana jurulatih bagi sepak takraw ditempatkan di Balik Pulau. MSN Pulau Pinang akan mengarahkan semua persatuan-persatuan sukan peringkat daerah Barat Daya untuk membangunkan sukan-sukan berkenaan. Di samping itu MSN Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Penjelasan. Boleh saya tahu Balik Pulau memanah di mana itu?

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Di Kompleks Stadium Balik Pulau dan kita akan mengenalpastikan tempat yang sesuai untuk tempat pelatih untuk memanah sebab memanah ialah *sport* yang *quite dangerous we need the bigger place*. Di samping itu juga MSN.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Saya nak minta pertimbangan semua sebab padang itu digunakan oleh orang bersukan *lawn ball* semak semula dan sebagainya mungkin ada tempat lain yang lebih sesuai daripada itu.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Kita akan beritahu Pulau Betong di mana kita punya tempat untuk berlatih memanah. Di samping itu Negeri Pulau Pinang akan menubuhkan sebuah Ahli Jawatankuasa Pengurus Sukan di peringkat daerah yang juga Ahli-ahli Majlis Sukan di semua peringkat daerah bagi memperkasakan sukan di peringkat daerah saya mengucapkan terima kasih kepada D.O-D.O yang sudi menolong kita.

Y.B. Dato' Speaker, menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Permatang Pasir saya ingin memaklumkan di sini bahawa Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian dan Sekolah Kebangsaan Guar Perahu merupakan sekolah yang terpilih untuk pembangunan sukan bola sepak di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yakin masa depan bola sepak negeri akan lebih terserlah melalui kerjasama di antara MSN Pulau Pinang dan sekolah-sekolah tersebut, justeru MSN Pulau Pinang memberi bantuan dan sokongan sepenuhnya kepada persatuan dan sekolah yang terlibat seperti kepakaran sains sukan oleh Institusi Sukan Negara latihan mental oleh pakar psikologi dan khidmat jurulatih kecergasan.

Untuk makluman Y.B. Permatang Pasir, terdapat bekas pelajar dari sekolah Kebangsaan Guar Perahu dipilih untuk mewakili Skuad Bola Sepak Negeri Pulau Pinang semasa Sukan Malaysia ke-13 Melaka 2010 baru-baru ini. Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian selain berperanan untuk pembangunan untuk sukan bola sepak, sekolah ini turut sama membangunkan sepak takraw dan sukan olahraga. Untuk sukan sepak takraw, sekolah ini telah berjaya menghasilkan atlet sukan sepak takraw wanita yang telah memenangi pingat Perak semasa Sukan Malaysia ke-13 Melaka. Kerajaan Negeri juga menempatkan jurulatih olahraga sepenuh masa untuk membantu mengendalikan sukan olahraga di Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian.

Selain itu, MSN Pulau Pinang turut mengenal pasti Stadium Negeri Batu Kawan sebagai stadium yang digunakan untuk menggilap bakat-bakat baru di bidang bola sepak dan olahraga terutamanya untuk murid-murid sekolah di kawasan Seberang Perai Selatan di mana stadium Negeri Batu Kawan akan dijadikan sebagai Hub Sukan Bola Sepak Negeri. Seperti tadi Y.B. Bertam yang membangkitkan gejala-gejala sosial belia di Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri di bawah MMK Belia dan Sukan ada hasrat untuk membentuk Stadium Batu Kawan sebagai Hub untuk *Motor Sport* dan *Akademi Motor Sport* di sana. Kita kelmarin ada perbincangan dengan Sim Ain saya ingat Y.B. Telok Ayer Tawar pun tau *company* ini yang pernah mencadangkan menggunakan Stadium Batu Kawan untuk menjadi *Motor Sport Hub* dan ini akan menjadi ternyata di tahun 2011 atau 2012 yang akan datang dan saya harap pemuda-pemudi di Pulau Pinang dapat mengguna tempat yang *legal* bermotosikalnya dan jangan menjadi mat rempit di merata-rata tempat. Y.B. Dato' Speaker, saya ingin tekankan di sini bahawa Kerajaan Negeri tidak hanya memberi fokus kepada sukan bola sepak semata-mata sebaliknya sukan tidak perlu diberikan kepada 33 jenis sukan yang terlibat dalam sukan Malaysia.

Bagi menjawab persoalan Y.B. Sungai Acheh untuk memperkasakan lagi Majlis Sukan Daerah, MSN Pulau Pinang akan berpotensi di daerah masing-masing. MSN Pulau Pinang menempatkan seorang penyelar sukan sepenuh masa dan dua (2) orang jurulatih sukan di daerah masing-masing. Sukan-sukan yang menjadi fokus di setiap daerah menjadikan kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada di daerah masing-masing. Dengan adanya program *talent* dan program-program pembangunan sukan di daerah masing-masing dan ditambah dengan program SUKPEN maka hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebagai *Power House* akan tercapai. Kerajaan Negeri yakin akan tercapai program *talent* ID ini yang akan dirancang dan *plan birodisasi* atlet pelapis dan atlet peringkat negeri yang tersusun maka bakat serta prestasi murid-murid dapat digilap dan dipertingkatkan dan seterusnya membawa Pulau Pinang ke *ranking* yang lebih baik ke Sukan Malaysia yang akan datang.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Tanjung Bunga telah mencadangkan penubuhan Jawatankuasa *Transgender* Pulau Pinang dan mengambil tindakan untuk mengurangkan diskriminasi terhadap *Transgender* agar mendapat peluang yang sama rata. Kerajaan Negeri sememangnya adil kepada semua rakyat Pulau Pinang. Sebagai Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti telah menubuhkan

Persatuan untuk tadbir urus baik dan kesaksamaan tadbir urus Pulau Pinang iaitu 3G bagi melaksanakan program-program dan memperjuangkan isu-isu berkaitan kesaksamaan gender. Ahli Jawatan 3G adalah terdiri daripada Y.B. Chong Eng, Parlimen Bukit Mertajam selaku pengerusi, Dr. Cecelia Ng selaku naib Pengerusi iaitu *member* dari KANITA di USM, Dr. Prima Divaras selaku Setiausaha, Puan Carolyn selaku Penolong Setiausaha, Dr. Liliy Surianti Abdul Talib, Pengerusi Jemaah Islah Malaysia selaku Bendahari dan juga banyak lagi wanita-wanita yang ingin bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menolong melintasi *Gender Equality*. Justeru itu, pertubuhan Jawatankuasa *transgender* Pulau Pinang pada masa ini adalah tidak perlu membandingkan 3G juga melaksanakan program-program yang berbentuk kesaksamaan *gender*, Kerajaan Negeri akan membantu persatuan-persatuan melalui pelaksanaan program dan aktiviti yang bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat Pulau Pinang. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri akan terus memperkasakan Persatuan 3G untuk membantu Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program-program wanita dan kesaksamaan *gender* di Negeri ini.

Y.B. Dato' Speaker, semenjak merdeka nasib golongan wanita masih belum terbela lebih-lebih lagi mencapai kesaksamaan *gender* yang selalu dilayangkan. Demi memperkasakan golongan hawa yang terpinggir sekian lama ini Kerajaan Negeri telah mengambil langkah drastik untuk menganjurkan pelbagai forum, ceramah bengkel dan lain-lain untuk memberikan peluang kepada golongan hawa untuk mempergiatkan diri mereka supaya tidak terpinggir dari arus pembangunan negara.

Y.B. Dato' Speaker, untuk menjawab Y.B. Telok Ayer Tawar yang membangkitkan isu persidangan kesaksamaan *gender* dan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan perkara ini, suka saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya komited dalam memastikan perkara-perkara berkaitan kesaksamaan *gender* menjadi fokus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti. Justeru itu adalah penting bagi Y.B. Telok Ayer Tawar untuk memahami penubuhan Persatuan untuk tadbir urus baik dan kesaksamaan 3G merupakan langkah awal Kerajaan Negeri dalam usaha ke arah memperkasakan kaum hawa di Negeri Pulau Pinang.

Sebagai maklum Y.B. Telok Ayer Tawar juga persidangan antarabangsa *Gender Mainstreaming Justice for All* yang telah dianjurkan pada 31 Julai 2010 hingga 1 Ogos 2010 dengan penyertaan lebih 200 peserta dari seluruh negara kita dan pelbagai kaum dan jantina tak kira latar belakang, penceramah-penceramah terkenal telah diundang untuk memberikan ceramah. Penceramah-penceramah yang masyhur itu ialah Puan Judy Cheng Hoskins, dia ialah Pembantu Setiausaha Agong *Peace Building Support* di United Nation di New York dan Dato' Latifah Marican Cheong, Penasihat kepada Pejabat Pengarah Suruhanjaya Keselamatan Malaysia dan pernah menyandang jawatan tinggi di dalam World Bank di Washington dan juga Dr. Khoo Hoon Eng dia ialah seorang *Penangnites* yang menjadi Associate Professor, National University of Singapore and former rector Asian University for women Bangladesh dan juga Profesor Datin Dr. Rashidah Shuib dari KANITA dan juga Profesor Dr. Lesley Clark, Director at Equity and Diversity at James Cook university di Australia, ramai lagi penceramah-

penceramah yang terkenal di kalangan wanita pada hari itu dan saya percaya pada suatu hari yang dulu saya pernah minta Y.B. Telok Ayer Tawar sama-sama mengambil tempat di forum-forum tapi Y.B. Telok Ayer Tawar kata tak ada masa kena pergi Kuala Lumpur tapi Y.B. Telok Ayer Tawar tak datang. Kalau boleh kita akan mendapat satu kefahaman untuk menolong wanita di Negeri Pulau Pinang untuk menjayakan kesaksamaan gender di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bin Hamid):

Terima kasih Dato' Speaker. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Y.B. Berapit yang telah menubuhkan jawatankuasa 3G. Tadi yang seminar gender yang disebutkan oleh Y.B. Berapit tadi ialah inisiatif yang dibuat di peringkat kebangsaan. Kita mengharap supaya jawatankuasa 3G ini akan menjadi satu *at focus se group* yang akan meneliti terutama sekali dalam bentuk dasar, di mana kita boleh mencadangkan atau memberi nasihat, pandangan kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan agenda *gender mainstream* ini supaya ianya benar-benar dapat dilaksanakan dari erti kata yang sebenar dan bukan sekadar bercakap hendak buat tapi tidak buat supaya kita dapat melihat hasilnya nanti dalam beberapa tahun akan datang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Terima kasih Y.B. Telok Ayer Tawar. Sememangnya seminar ialah satu seminar yang penting untuk Kerajaan Negeri sebab NGO-NGO yang datang dan pejabat ternama ini datang untuk memberi buah fikiran dan *session-session* yang dibincangkan pada hari itu kita sudah buat satu *grouping* untuk Negeri Pulau Pinang kita. Di sini saya harap Y.B. Telok Ayer Tawar boleh juga menolong kita sebab Y.B. Telok Ayer Tawar ini Pengerusi Jabatan Pembangunan Wanita Dan Keluarga Komuniti di Negeri Pulau Pinang. Saluran dari Kerajaan Pusat kepada Menteri Wanita ialah 1.2 bilion dan saya harap Y.B. Telok Ayer Tawar dapatkan sedikit peruntukan kepada Negeri Pulau Pinang untuk menolong satu sama lain untuk menjayakan lagi seminar-seminar dan program-program untuk kesaksamaan gender ekuiti.

Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada NGO-NGO yang sepanjang tahun dua tahun lapan bulan ini bekerjasama dengan EXCO Wanita Keluarga dan Komuniti sebab saya EXCO Portfolio saya tidak ada *missionary* langsung selepas Jabatan Pembangunan Wanita Keluarga Dan Komuniti tidak bekerjasama dengan Kerajaan Negeri. Saya hanya bergantung kepada jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dan jabatan-jabatan tempatan dan juga NGO-NGO seperti WCC, NCWO, Jemaah Islam Malaysia, YWCA, Optimis, KANITA dan suara untuk menolong saya menjalankan semua aktiviti dan membuat polisi-polisi yang betul dan yang mantap untuk Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Bagan Dalam telah mencadangkan *one stop Centre* untuk ibu tunggal di negeri ini. Sebagai makluman Y.B. Jawatankuasa Pembangunan Keluarga dan Komuniti telah menubuhkan pusat perkhidmatan yang bertindak sebagai pusat sehati kepada golongan wanita di Seberang Perai untuk memberikan khidmat kaunseling kepada wanita-wanita yang menghadapi masalah termasuk golongan ibu tunggal.

Semenjak dari Januari 2009 sehingga September 2010 sebanyak 590 kes kaunseling telah ditangani. Bukan itu saja, Kerajaan Negeri juga bekerjasama rapat dengan badan bukan kerajaan seperti WCC, Jemaah Islam Malaysia, NCWO, YWCA dan lain-lain untuk membantu golongan wanita dan ibu tunggal dalam aspek permasalahan berkaitan agama, undang-undang dan lain lagi bantuan yang bersesuaian. Namun adalah tidak adil untuk membandingkan pengurusan rumah-rumah Nur dengan Pusat Perkhidmatan Wanita Pulau Pinang yang masih hijau dan berusia dua tahun tetapi telah berbakti kepada ramai penduduk di Seberang Perai. Saya nampak adalah permintaan yang tinggi dari golongan wanita di Seberang Perai di Midlands. Kita perlu lagi kerjasama bukan dari NGO dan *private sector* dan juga Yang Berhormat yang datang dari Barisan Nasional menolong wanita-wanita golongan di Seberang sebab kes-kes yang kita sudah tangani memang banyak dalam setahun ini. Saya nampak tidak boleh lagi berasing sama lain di atas untuk menangani masalah-masalah *domestic violent* di kalangan wanita dan juga ibu-ibu tunggal.

Saya ingin lagi sekali memberitahu Y.B. Bagan Dalam yang direktori-direktori wanita komuniti ada saya bagi kepada semua NGO kalau boleh dapatkan direktori ini dan dapatkan informasi untuk mendapat pertolongan dan pusat wanita Seberang adalah di 67A Tingkat 1, Jalan Prai Jaya 4, di belakang Megamall Bandar Perai Jaya, Seberang Perai. Y.B. Dato' Speaker, saya juga amat berharap agar usaha-usaha murni yang telah Kerajaan Negeri laksanakan terutamanya dalam konteks Pembangunan Belia Sukan Wanita Keluarga dan Komuniti akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat Pulau Pinang. Dengan itu, Y.B. Dato' Speaker saya pohon menyokong.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Y.B. Dato' Speaker, saya pohon penjelasan. Sebelum itu *last comment* saya ingin bagi, sungguhpun semua pihak terutamanya menjalankan kempen *gender mainstream* ini saya fikir penolakan permohonan penubuhan JK TG Pulau Pinang berdasarkan *Universal Human Rights* itu sangat menyesalkan dan saya masih harap penubuhan JK itu dipertimbangkan oleh mana-mana pihak kerajaan iaitu Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Terima kasih Y.B. Tanjung Bunga, sebagai EXCO Wanita Keluarga dan Komuniti saya tidak pernah menolak untuk apa-apa permintaan daripada golongan NGO, golongan yang memerlukan bantuan. Di sini saya akan memberi bantuan yang secukupnya untuk FHDA, Persatuan FHDA yang menolong *transgender* ini. Satu lagi saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang di negeri kita. Ianya adalah satu-satunya Majlis Belia di negara Malaysia ini sanggup bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tak kira bangsa, tak kira agama, tak kira *back ground politic* dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Seberang Jaya kerana sudi menolong kita di Karnival Belia di *Auto City* pada bulan Jun yang lalu dan kita mendapat sambutan yang bagus lebih daripada 15 pertubuhan belia yang datang ke karnival itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Saya hadir ialah kerana saya sebagai Naib Pengerusi PEMADAM Kebangsaan dan kita ada program bersama.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Sebab itu kalau kita di arena politik kita sebagai orang politik, kalau sebagai NGO kita *acting* sebagai NGO.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Dia kata kenapa perlu jelas. Kita maknanya kita NGO pun kita buat kerja juga. Sebagai Yang Berhormat kita hadir biasalah itu.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Ini ialah satu cara yang bagus untuk rakyat seluruh Negeri Pulau Pinang, kalau kerajaan, wakil-wakil rakyat boleh bekerjasama untuk kebaikan rakyat inilah kita yang disanjung. Di sini saya meminta Y.B. Dato' Speaker, saya memohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya ADUN Kawasan

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Penjelasan, sikit je, tadi Y.B. Berapit ada sentuh *Domestic Violence Act*, tadi di dalam isu ini kita ada *Gender Equality*, bukan sahaja si suami pukul isteri, tergolong dalam *domestic violence* si suami pukul isteri lah dan kalau si isteri pukul suami pun dikategori di dalam *domestic violence* juga. Setuju dengan saya tak?

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Saya akan tolong si mangsa itu membuat laporan Polis dan kaunseling untuk si mangsa itu. Sekian, terima kasih, saya minta, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya Ahli Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Dato' Speaker, saya bangun untuk memberikan penggulungan pada portfolio yang saya tanggungjawab iaitu Rancangan Bandar Desa, Perumahan dan Kesenian.

Y.B. Dato' Speaker, semasa sesi penulisan saya telah jawab secara panjang lebar tentang isu-isu seperti *property bubble*, bekalan rumah, strategi Kerajaan Negeri dalam perumahan urusan pentadbiran oleh itu saya tidak ingin mengulangi apa yang telah saya huraikan pada jawab lisan minggu lalu. Untuk soalan-soalan spesifik yang dibangkitkan Yang Berhormat di dalam Dewan ini saya akan jawab. Y.B. Datok Keramat telah membangkitkan isu berkenaan *strata title* Taman Free School dan ini telah saya dapat liputan surat khabar yang sangat luas dan saya rasa ingin memperbetulkan dan memberikan maklumat yang lebih jitu kepada Dewan ini dan juga penduduk-penduduk di sana. Penduduk di Taman Free School, projek ini adalah projek rumah kos rendah Kerajaan Negeri dengan jumlah 655 unit yang telah siap dibina pada tahun 1981. Projek ini dibina oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan selepas Y.B. Datok Keramat tidak hadir, beliau telah meminta supaya isu-isu *strata title* dipercepatkan untuk Taman Free School itu dan beliau telah membuka fail semula lihat apa yang berlaku kenapa begitu lama selepas 1991 sampai sekarang belum ada *strata title*.

Oleh itu kita telah cuba menyemak balik fail dan kita dapati bahawa isu-isu seperti dalam fail tiada plan pembangunan kerana untuk memenuhi syarat permohonan terdapat beberapa *basic requirement* antaranya ialah *building*, pelan-pelan bangunan yang perlu dikemukakan sebelum suatu strategi diluluskan. Arkitek lesen telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja penyediaan pelan bangunan *as built plan* dan sebelum kerja-kerja ukur sebelum dapat dijalankan arkitek telah mengemukakan *as built plan* kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan kita sedang berusaha untuk membolehkan satu OC iaitu sijil layak menduduki yang khas dapat dikeluarkan dan selepas itu baru permohonan hak milik strata dapat dikemukakan pada Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian, selepas OC khas ini diluluskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Saya ingin mengambil kesempatan ini kerana dalam surat khabar telah mengatakan bahawa ada pemberita telah menemuramah penduduk-penduduk dan penduduk-penduduk telah mengatakan kegelisahan kenapa satu bangunan lagi 81 tidak dapat OC sudah tinggal 29 tahun. Saya cuba menerangkan sedikit tentang senario OC itu untuk *benefit* penduduk-penduduk sana. Projek ini adalah projek JKR 1981 dan pada masa lalu kebanyakan *technical expertise* kebanyakannya berkhidmat di sektor awam dalam era 60-an dan 70-an. Dalam *council*, JKR mempunyai lebih ramai kepakaran, di pihak swasta kita mempunyai *technical expertise* seperti yang belum lagi begitu matang. Oleh itu pada masa itu pihak PBT telah pertanggungjawaban untuk mengeluarkan sijil lain menduduki mengikut *uniform building by law 1884* dan ini senarai 1984 supaya *regulate* pengeluaran OC, *regulate* sijil layak menduduki bagi projek perumahan ataupun bangunan-bangunan berkenaan dan memandangkan jika JKR, PBT, MPPP, MPSP mempunyai kepakaran ini bukan saja berlaku di Pulau Pinang tetapi di seluruh negara mempunyai kepakaran *engineering* dalaman. Oleh itu mereka keperluan tentang sijil layak menduduki ini tidak timbul. Keperluan sijil layak menduduki ini tidak timbul kerana *in-house technical expertise* boleh mengesahkan keselamatan dan juga kesesuaian kediaman. Ini juga berlaku pada hari ini sampai sekarang.

Sekarang berlaku pada hari ini sampai sekarang *building-building* yang dibina oleh JKR, *building-building* yang dibina oleh MPPP akan disahkan oleh *in-house technical expertise* alam PBT dalam JKR. Ini bukan sejak 1981 sampai sekarang masih sama kerana waktu dulu 1970 seorang jurutera yang cerdik pandai menyertai sektor awam, *they join the civil service*, sekarang mereka jadi Pengarah atau YDP, waktu itu 1970, jadi waktu itu di pihak swasta ada *quality professional* ada yang baik ada yang kurang baik, jadi kita berikan MPPP untuk membuat kawalan untuk membuat kawalan sijil layak menduduki dan ini berlaku sepanjang 90-an sampai kepada tahun 2007 terdapat satu perubahan iaitu pada tahun 2007 konsep OC telah ditukar menjadi CCC iaitu *certificate of complision and compliance* iaitu konsep kita memulang balik kuasa untuk *certify* satu *building* itu selamat, *certify* sesuatu *building* itu untuk layak menduduki kembali kepada profesional, kembali kepada arkitek, so kerana sudah ramai arkitek yang berkhidmat di pihak swasta yang mempunyai kepakaran begini. Oleh itu adalah satu transformasi *from the OC to the CCC*. Waktu itu 1981 bangunan itu adalah dibina oleh JKR dan disahkan oleh *in-house technical experties*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan Yang Berhormat

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Terima kasih Yang Berhormat, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, jika sekiranya bangunan itu direka oleh JKR ataupun agensi-agensi daripada Kementerian-kementerian Persekutuan adakah ianya perlu juga mendapatkan OC atau CCC dan sebagainya, projek-projek kerajaan termasuk projek Kerajaan Negeri sekali?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Projek-projek yang dikawal selia dibina oleh JKR dipertanggungjawab oleh JKR pada masa ini tidak seperti amalan terdahulu adalah disahkan oleh *in-house engineer*, berkenaan dengan projek-projek swasta lain melibatkan profesional luar baru sahaja perlu OC atau CCC pada masa ini, *this is* amalan yang....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Penjelasan, penjelasan

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Soalan saya, kenapakah semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, OC begitu lambat dikeluarkan dan mengambil masa yang lama?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ini tidak *relevan* dengan topik yang kita bincang kerana kita bincang sama ada OC dikeluarkan atau tidak, bukannya, *I dont want to go to it, no end to it*, saya tidak mahu buang masa bercakap pasal itu. So ini adalah

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya percaya ini pasal OC di Taman Free School. Saya ingin mendapat pengesahan fakta dan hakikat bahawa sehingga sekarang tiada OC kepada pembangunan tersebut, nombor satu dan nombor dua saya difahamkan salah satu sebab bahawa tiada OC ialah kerana sewaktu dibina bangunan tersebut tidak ada keperluan kerana ia dibina oleh JKR dan Cuma setelah satu peringkat masa yang tertentu baru isu pengeluaran OC kepada bangunan timbul. Saya ingin tahu selain daripada soalan satu saya.

Soalan dua saya, bilakah tarikh yang terawal proses untuk mengeluarkan OC boleh dibuat untuk projek tersebut, nombor dua dan nombor tiga sekiranya ada tarikh tersebut adakah apa-apa langkah yang diambil oleh Pihak Kerajaan Negeri walaupun sekarang ataupun dahulu untuk melaksanakan memulakan proses untuk dikeluarkan OC tersebut kerana apa yang perlu untuk hak milik strata dikeluarkan adalah *foundation-foundation* ini iaitu OC, *building plan* dan sebagainya. *I just want some clarification ...*(dengan izin) dan *time line* terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Datok Keramat. Setelah Datok Keramat menjadi ADUN Datok Keramat beliau telah mengemukakan permohonan supaya kita cepatkan, oleh itu Bahagian Perumahan bersama dengan Pejabat Tanah dan juga PBT telah mengupah Juruukur berlesen untuk berbuat demikian. Saya rasa MPPP telah menerima permohonan tersebut dan membuat pertimbangan dan saya harap ini dibuat dengan cepat kerana projek lain iaitu projek perumahan Batu Lancang telah

dikeluarkan OC khas beberapa bulan lalu dan saya harap dalam masa beberapa bulan lagi kita dapat satu OC khas dapat diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. *So the important thing* bukan OC sebab mereka telah diami lebih 20 tahun. *The most important thing is strata title* kerana dengan mempunyai *strata title* memudahkan mereka membuat transaksi jual beli. *That is the whole purpose of.*

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Terima kasih, penjelasan yang diberikan oleh Ahli daripada Air Itam memang jelas. Cuma saya hendak dapat penjelasan lanjut tentang selepas, masalahnya saya setuju tentang *title*. Bila dapat *title* ini macam Taman Free School ini ia bawah penjagaan Kerajaan Negeri. Bila dapat *title* mereka *on their own, they have to form* GMB, bila *form* GMB tentang wang untuk penyelenggaraan sama ada Kerajaan Negeri hendak bagi bentuk *grant* untuk jaga kuasa GMB ini untuk melaksanakan penjagaan bangunan itu secara sendiri atau biarkan mereka ini tanpa ada kewangan untuk menguruskan bangunan itu sendiri?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Yang Berhormat Bayan Lepas berfikir panjang, bukan sahaja dahulu, sekarang berfikir lebih panjang. *Strata title* yang masih belum dikeluarkan untuk Batu Lanchang, Free School dan Taman Tun Sardon, dalam proses pelbagai peringkat untuk pengeluaran *strata title*. Untuk projek-projek yang telah dikeluarkan *strata title* antaranya Rumah Pangsa Padang Tembak, Rumah Pangsa Kampung Melayu. Projek-projek ini Kerajaan Negeri masih *committed* untuk menjaga, menyelenggara infrastruktur dan pelbagai. Walaupun OC telah dikeluarkan dan melalui bajet tahun lalu dan tahun ini kita juga terus memberikan peruntukan kerja-kerja naik taraf dan apabila hanya sampai masa yang sesuai apabila keadaan-keadaan bila kerana *Strata Title Act* ini kerana *COB Act* ini satu perkara baru lagi bukan terlalu lama untuk penduduk-penduduk dan saya rasa ini Kerajaan Negeri masih *committed* untuk kerja-kerja penyelenggaraan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya minta laluan, Yang Berhormat *actually* tadi soalan saya adalah berkenaan *strata title* dan keperluan adanya OC sebelum *strata title* dikeluarkan dan saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa yang pentingnya isu pengeluaran *strata title* tetapi soalnya ialah pengeluaran *strata title* ini bermula tadi saya tanya satu soalan berkenaan *time line*, titik permulaannya ialah tahun 1988 apabila Akta Strata Title dikeluarkan, *1985 is it? I see to be corrected, yes 1985 even earlier. Now* soalnya ialah sejak 1985 adakah apa-apa tindakan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri terdahulu untuk memulakan proses pengeluaran *strata title* termasuk mengisui atau menangani isu pengisuan OC khas sepertimana yang dibuat setelah baru-baru ini saya membuat pertanyaan *because if* dari titik permulaan tersebut sudah ada keperluan ataupun ada peruntukan di sisi undang-undang untuk *strata title* dikeluarkan *then step should have been taken because* ia adalah Kerajaan Negeri punya projek dan Kerajaan Negeri selalu melaungkan kita mesti *lead by example* dan selalu mengkehendaki pemaju-pemaju swasta mengeluarkan *strata title* walhal dalam kes ini projeknya sendiri tidak ada apa-apa tindakan diambil untuk mengeluarkan *strata title*. Itu adalah satu Kerajaan Negeri yang cakap tidak serupa bikinlah yang Kerajaan Negeri yang lama langsung tidak ambil peduli tentang pemilik-pemilik di Taman Free School yang merupakan pemilik-pemilik flat-flat kos rendah, orang-orang yang susah orang bawahan. *Was there any attempt before I made the request* supaya *strata title* ini dikeluarkan dan kalau ada *then therefore automatically* mereka akan minta OC khas dan sebagaimana sepertimana yang kita buat sekarang. *So that is the question*, ada atau tidak? Kerana banyak orang di Taman Free School ini mereka hendak tahu adakah ADUN dulu tidur? Adakah Kerajaan Negeri dulu tidur tidak buat kerja mereka? Langsung tidak peduli, kalau ada *then at least* kita tahulah mungkin ada masalah. Ada atau tidak ada? Itu soalan saya.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Datok Keramat, tadi saya telah puji Datok Keramat kerana selepas Datok Keramat dipilih jadi ADUN dia telah buka balik fail *you know* dan waktu dulu saya tidak mengetahui sebab musabab dan ini tidak dijadikan *priority* kalau dijadikan *priority* tentu sudah dapat *strata title*. Dulu tidak jadi *priority* dan sebab musabab saya tidak ingin membuat komen dan saya tadi kerana usaha Yang Berhormat Datok Keramat telah membuka fail balik kita akan menjurus ke arah itu supaya penduduk-penduduk di rumah-rumah kos rendah di Taman Free School ini dapat memudahkan proses.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta laluan, satu soalan akhir.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada EXCO Y.B. yang telah mengambil banyak usaha dan masa untuk menangani isu ini dan sekarang kita ada di dalam Dewan ini dinyatakan mereka dalam proses pengeluaran OC khas supaya proses pengeluaran hak milik strata dapat dibuat. Soalan saya yang akhir berapa lama ini akan ambil? Kerana mereka ini tahu sudah 30 tahun mereka tiada *strata title*, berapa lama Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Kerana pengeluaran semua ini mengikut Akta Strata Title, keperluan-keperluan teknikal semua perlu dipatuhi dan saya rasa Bahagian Perumahan bersama dengan agensi-agensi berkenaan akan memastikan keperluan-keperluan teknikal itu dipatuhi supaya pengeluaran *strata title* ini dapat disempurnakan dan kita akan ikut keperluan *strata title* akta ini. Kita akan cuba memastikan bahawa ini dapat dikeluarkan secepat mungkin, okay.

Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat Telok Bahang telah membangkitkan isu-isu pembinaan rumah kos rendah dan juga beberapa orang Yang Berhormat telah membangkitkan isu pembinaan rumah kos rendah atau sederhana rendah. Untuk tahun 2008 jumlah OC yang dikeluarkan oleh kedua-dua PBT, MPPP dan MPSP ialah 13,816 unit dan di antara 13,816 unit ini 3,870 unit atau 27.56% daripada jumlah OC yang dikeluarkan dalam tahun 2008 adalah rumah kategori kos rendah dan sederhana rendah, itu 27% adalah LC dan MMC. Bagi tahun 2009 jumlah OC yang dikeluarkan ialah 12,175 unit dan daripada jumlah itu 3,768 unit merupakan rumah kos rendah dan sederhana rendah iaitu merupakan 30.95% daripada jumlah OC tahun 2009. Sehingga September 2010 jumlah OC yang dikeluarkan kedua-dua PBT ialah 6,213 unit dan daripada itu 1,358 unit atau 21.86% merupakan rumah kos rendah dan sederhana rendah. Daripada statistik ini boleh dibuat satu rumusan bekalan rumah kos rendah dan sederhana rendah adalah lebih kurang dalam julat 20 hingga 30% dan ia *far trade* bergantung kepada bekalan ataupun *schedule* pembinaan sesetengah setiap tahun dan penawaran rumah kos rendah dan sederhana rendah dijalankan bukan sahaja oleh sektor swasta dan juga agensi-agensi kerajaan seperti PDC.

Pembangunan perumahan yang sedang dijalankan agensi PDC termasuk projek kos rendah serta sederhana rendah Halaman Kenanga di Sungai Nibong yang dijangka siap hujung tahun ini dan projek rumah kos sederhana rendah Halaman Seroja di Bandar Cassia yang dijangka siap pada tahun hadapan. Pembangunan perumahan yang dirancang melalui PDC untuk tempoh lima tahun antaranya termasuk pembangunan *six point blocks* Parcel Mahsuri, kedua-dua tempat di Bayan Baru, Desa Cempaka di Bandar Cassia dan juga pihak PDC sedang membuat perancangan untuk pembinaan rumah kos sederhana rendah di Lebuh Cecil, George Town. ADUN Seberang Jaya menanyakan *time line*, *progress* dan sesetengah projek ini seperti Lebuh Cecil kita tidak dapat

bermula dengan segera kerana isu-isu penempatan penduduk yang perlu diselesaikan sebelum

satu-satu projek boleh berjalan dan memang saya faham soalan tersebut, tetapi kita perlu apabila kita membuat satu pembangunan projek Kerajaan Negeri telah menetapkan pemaju swasta untuk menyelesaikan isu-isu setinggan sebelum projek itu bermula dan pihak kerajaan sebagai melalui PDC juga itu adalah keperluan lebih tinggi lagi, mereka perlu menyelesaikan isu-isu berkenaan sebelum suatu projek boleh dijalankan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan Yang Berhormat, seperti dengar beberapa projek perumahan kos sederhana yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri terdapat penduduk-penduduk Hindu di kawasan perkampungan Pondok Upeh dan Kongsi yang perlu pada India yang tinggal di perkampungan Pondok Upeh dan juga Kongsi yang tinggal di atas tanah milik orang dan mereka ini mengharap sangat kalau ada Kerajaan Negeri membuat rumah kos rendah di kawasan Balik Pulau, begitu juga dengan beberapa daripada 10 orang Cina yang mahukan rumah kos rendah di Balik Pulau, saya minta pihak Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian kepada perkara ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

ADUN Pulau Betong telah membangkitkan isu-isu ataupun tentang rakyat kita akan mengkaji dan juga melihat kesesuaian tanah dan juga untuk projek-projek yang dibangkitkan itu dan

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan sikit, tadi ada menjawab soalan saya yang lalu iaitu berkenaan beberapa projek di Halaman Kenanga, Halaman Seroja di Bayan Lepas dan Lebu Cecil boleh beri satu lebih kurang *target defined date* sebab ini pun dalam Dewan yang lalu pun kita kata hendak buat, hendak buat bagi jawapan, tetapi tidak ada kalau ada *target date* baru dia ada *modus operandy* dengan dia punya *time table* bila hendak buat *evacuation of the squatters* dan sebagainya dan soalan tadi juga berkenaan dengan Y.B. sudah sebut jawatankuasa pengurusan konsep baru perumahan bertingkat ini. Jawatankuasa itu ada beri garis panduan tak dan macam mana garis panduan terutamanya berkenaan juga penglibatan swasta di situ dan juga berkenaan dengan peruntukan-peruntukan untuk Bumiputera dan sebagainya.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Saya rasa yang berkenaan PDC akan jawab, yang soalan lain akan dijawab kemudian kerana dalam teks ucapan memang ada. Berkenaan dengan Halaman Kenanga, projek-projek yang sedang dijalankan Halaman Kenanga saya telah nyatakan bahawa hujung tahun, ini untuk Halaman Seroja ialah dijangkakan tahun hadapan, untuk projek-projek di Bayan Baru kita perlu mendapat kelulusan kebenaran merancang dan juga *building plan* dan ini adalah memang dalam

perancangan kita, Lebuh Cecil perlu penempatan penduduk dan dalam masa *time frame* ini adalah satu *time frame* yang kita telah rancang untuk supaya projek-projek ini dapat, kerana apabila suatu projek dia perlu masuk beberapa tahun penyerapan tiga tahun *submit plan*, so kita tidak mempunyai satu *definite date*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Jadi Y.B. jangka projek ini boleh siap sebelum kerajaan itu boleh berubah kepada sinilah, boleh siap?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Memang kita akan siap, kita tidak akan berubah kerajaan. Semua usaha projek ini akan dipastikan dua terminal. Okey Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk membaik pulih dan menaik taraf rumah pangsa Kerajaan Negeri pada tahun 2010 dan kita telah komited menyediakan peruntukan setiap tahun untuk tujuan membaik pulih dan menaik taraf rumah-rumah pangsa Kerajaan Negeri dan keutamaan diberikan kepada projek-projek lama yang sangat uzur mengalami kerosakan yang besar dan ADUN Seri Delima telah membangkitkan isu-isu tentang projek di Taman Tun Sardon kerana kita telah memberikan *priority* juga kepada projek-projek di Tun Sardon seperti, saya bacakan senarai dia, untuk melalui Bajet Pembangunan 2010 kita telah memperuntukkan RM1.4 juta telah membaik pulih Taman Tun Sardon antara lainnya menggantikan *rain gutter*, *rain down pipe*, corong sampah, membaiki pintu bilik sampah dan akan dijalankan juga membekalkan tong sampah menggantikan pelapik tangki air, membekal memasang lampu *street light*, kerja-kerja menyenggara dan membersihkan tangki najis, menaik taraf pusat pengumpulan sampah. Projek-projek lain juga kita turut akan memberikan perhatian khasnya projek-projek perumahan kerajaan.

Y.B. Telok Bahang telah bertanyakan tentang projek yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri iaitu Kerajaan Negeri telah.. (gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Sedikit penjelasan, sebelum kita meneruskan kepada Telok Bahang, tadi ada dinyatakan berkenaan Taman Tun Sardon. Ada peruntukan yang akan disalurkan kepada Taman Tun Sardon untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan dan sebagainya dan saya rujuk kepada ucapan bajet di mana dikatakan bahawa sejumlah RM13.5 juta akan diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan tetapi dinyatakan cara am untuk semua flat-flat kos rendah Kerajaan Negeri, jadi saya ingin tahu bagi projek flat Taman Free School berapa yang akan diperuntukkan kepadanya dan saya harap adalah peruntukan yang akan disalurkan kepada Taman Free School juga kerana sebelum bajet tahun ini, tahun dahulu pun ada dinyatakan peruntukan untuk sebab ini, tetapi untuk tahun dahulu Taman Free School setahu saya tidak menerima sesen pun, jadi saya

haraplah daripada RM13.5 juta untuk tahun yang akan datang akan disalurkan, kalau ada pun saya tidak nampak apa yang dibuat itu, mungkin Yang Berhormat dapat menjelaskan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. minta penjelasan, saya memang begitu minatlah tentang perumahan ini. Yang Berhormat kata hendak baiki di Taman Sardon itu alhamdulillah lah kita berasa syukurlah, tetapi cuma yang sebut *rain gutter* ini, selalunya *rain gutter* dia tidak tahan lama tapi apa yang berlaku *rain gutter* ini kadang-kadang di flat Taman Sardon ini jadi pembiakan nyamuk aedes, memang ketara sangat *I think one of the highest in* Penang melalui *rain gutter* yang telah roboh kalau kita tidak jaga *rain gutter* itu bila daun-daun jadi takungan air di situ banyak nyamuk aedes kalau tidak percaya tanya dan rujuk kepada Kesihatan, jadi dalam hendak *repair rain gutter* kita kena tengok kawasan-kawasan yang atas itu ada pokok kalau tidak akan jadi nyamuk aedes, *especially* di Taman Sardon.

Tadi ada Y.B. Datok Keramat sebut pasal yang dulu tidak buat apa, jadi saya bukan saya tidak mahu jawab tetapi saya, yang sebenarnya semasa saya mengambil alih EXCO Perumahan dari tahun 2004 hingga 2008 kita beri keutamaan kepada rumah terbengkalai, rumah terbengkalai ada 17 buah di Pulau Pinang dan apabila kita kalah pada 2008 diambil alih oleh Y.B. Air Itam ingat projek terbengkalai tidak banyak *problem* ingat satu dua sahaja, yang lain kebanyakan semua sudah *settle* kita memang bagi *title* tapi *title* kita utamakan kepada rumah *landed property low cost* di kawasan Yang Berhormat juga di kawasan Sungai Pinang ada satu *landed property* dan kita dalam proses untuk mereka itu mendapatkan *title* dan kita beri *priority* mengikut *landed property* dulu masa itu dan kita *priority* kepada projek-projek terbengkalai jadi tidak salah kot sudah tumpu projek terbengkalai itu, orang dah gaji kena potong, rumah tiada jadi kita kena tumpu kepada perkara itu, terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih, dan saya ingin menjawab soalan dari Y.B. Datok Keramat. Tahun 2010 kita telah dalam satu projek mengganti *railing* di bahagian *corridor* yang telah reput dan membahayakan kanak-kanak dan kerja ini masih dijalankan, mungkin apabila siap nanti kita akan menghubungi Yang Berhormat untuk sama-sama untuk memantau penyempurnaan projek ini dan diharap pada tahun 2011 kita akan dapat juga menyalurkan dana untuk baik pulih ataupun menyelenggarakan projek-projek di Taman Free School.

Merujuk kepada pertanyaan Y.B. Telok Bahang berhubung rumah kos rendah yang telah dibina di Daerah Barat Daya (DBD) dan terdapat lima projek perumahan kos rendah di DBD yang dalam berbagai peringkat pembangunan antaranya 1 hingga 5 iaitu, Setia Pearl Island, kedua Zantalite Sungai Ara, Pangsapuri Bayan Indah, Bandar Baru Air Putih, Taman Tunas Damai Fasa 1 sejumlah 786 unit.

Y.B. Pantai Jerejak dan Y.B. Pulau Tikus telah membangkitkan isu berhubung keperluan pembinaan rumah kos rendah di Negeri Pulau Pinang dan untuk makluman semua senarai penuh jumlah pemohon rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang masih tidak memperolehi tawaran perumahan adalah sebanyak 13,518 bagi kedua-dua rumah kos rendah dan kos sederhana rendah dan usaha untuk menambahkan bilangan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah maka Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa inisiatif antaranya ialah menetapkan hak-hak petempatan melalui garis panduan yang baru kita luluskan pada tahun 28 Jun dan juga kita telah meminta pemaju untuk yang membina melebihi 150 unit di kawasan pembangunan dan melebihi 100 unit untuk menyediakan rumah kos rendah pada kadar minimum 30% tambahan kepada unit yang dibenarkan melalui inisiatif OSC di PBT juga berusaha untuk memproses dan mempercepatkan proses tuan-tuan permohonan tanpa lesen kad supaya untuk menggalakkan lebih banyak rumah dibina dalam waktu.. (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Penjelasan, terima kasih Y.B. Air Itam. Saya difahamkan tadi Y.B. kata ada 13 ribu lebihkan yang masih tunggu dalam kelulusan permohonan untuk rumah kos rendah ini, so apakah tindakan yang akan diambil atau langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah-masalah yang rumah LMC yang telah didapati oleh penduduk tempatan dan disewa pula kepada pendatang asing atau pekerja asing yang telah berlaku pada masa kini. Apakah tindakan yang boleh Kerajaan Negeri mengambil tindakan terhadap masalah tersebut untuk mengurangkan kes-kes yang masih tertinggal permohonan tersebut, terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya rasa kita mempunyai satu stigma terhadap pendatang asing kerana bukan semua warga asing berperangai buruk. Ada warga asing yang merupakan *professional* yang duduk di tempat-tempat yang mewah. Oleh itu, kategori saya akui bahawa terdapat satu fenomena di beberapa *flat* tertentu di mana pemilik-pemilik telah menyewakan kepada orang asing. Kita lihat kita perlu mencari satu cara penyelesaian secara undang-undang untuk mengatasi masalah ini dan saya rasa kita perlu membuat kajian yang mendalam mencari satu *legislative solution* kepada soalan masalah-masalah

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih Y.B. Air Itam, saya rasa Kerajaan Negeri atau Kerajaan selama ini selalu *believe in low cost house*. Kita terlalu ghairah membina *low cost house* tetapi saya rasa sekarang *its time to us move a bit up the level change ..* (dengan izin). Kenapa? Okey, *low cost house* kita masih perlu *low cost house* untuk yang betul-betul susah tetapi masalah kita tidak mempunyai cukup LMC atau MC yang boleh *attract* orang membelinya. Oleh sebab itu, ramai yang lebih kurang berkemampuan yang boleh membeli LMC dan MC, mereka semua pergi rebut *low cost house*. Jadi *low cost house* sememangnya tidak akan cukup *supply* kerana orang yang macam profesional yang baru keluar universiti dengan gaji RM2,000 mereka pergi beli *low cost house*. Jadi memang orang yang susah akan

continue tidak dapat membeli *low cost house* yang betul-betul susah kerana *supply* nya memang tidak cukup.

Jadi saya rasa Kerajaan Negeri harus *move out the level of value change*, kita mungkin daripada 30% yang ditetapkan untuk membina *low cost house* mungkin kita boleh minta *developer* bina 10% MC atau LMC supaya kita mempunyai cukup *supply for* LMC dan MC supaya orang profesional yang baru keluar universiti boleh beli. *Another thing is as low cost house* selalunya dia menjadi usang dalam 5 hingga 10 tahun dan kita terpaksa belanja banyak *maintenance*, tukar tangki, tukar *gutter* dan sebagainya. Kos ini akan ditanggung oleh kerajaan. Jadi saya rasa kita kena *move up, I think its time for Penang to move up the value change*. Maksudnya kita kena ada *affordable apartment* dengan *livable environment*, harga jualan mungkin naikkan sedikit tetapi ia lebih sesuai untuk pegawai-pegawai kerajaan *junior, professional junior* dan sebagainya untuk membelinya. Seperti yang dalam ucapan saya, saya harap kita boleh ada 1,000 *square feet of* LMC atau MC. Harga jualan RM100,000 sehingga RM200,000 *then we can take out the demand on low cost house* kepada MC dan juga LMC. Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hong Wai):

Ya, terima kasih ADUN Pantai Jerejak. Kerajaan Negeri memang menyedari tentang masalah yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pantai Jerejak. Kita telah membuat semakan terhadap garis panduan-garis panduan densiti MPPP di mana kita telah membuat fleksibiliti dengan membolehkan dalam satu blok dengan terdapat pelbagai kombinasi, kombinasi keluasan lantai semua. Saya rasa Yang Berhormat Pantai Jerejak boleh merujuk kepada garis panduan bertarikh 28 Jun 2010. Sekiranya tiada salinan itu saya boleh bekalkan salinan itu kerana garis panduan ini baru disemak selepas sekian banyak tahun tidak membuat semakan dan saya rasa kita perlu memberikan masa kepada sektor hartanah, kepada pemaju, kepada arkitek supaya mereka *use to the new* garis panduan, mereka boleh mengemukakan pelan-pelan baru mengikut garis panduan baru pada 28 Jun 2010. Saya jangkakan pada masa-masa datang ada lebih ramai pemaju yang ingin berbuat demikian menyahut seruan Kerajaan Negeri kerana pada masa lalu terdapat kekangan, mereka hanya bina *low cost* ataupun mewah, tiada *supply* yang mencukupi di peringkat *medium cost* dan saya telah jawab secara panjang lebar pada minggu lalu dan jawapannya adalah pada garis panduan bertarikh 28 Jun 2010. Saya teruskan dengan ucapan saya ... (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee)

Minta penjelasan sedikit. Balik kepada tadi soalan saya kerana saya difahamkan daripada *form-form* yang semua permohonan kena isi sebelum memohon itu rumah LMC Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sebelum mereka tandatangani ada satu pengakuan yang mereka kena isi dan izinkan saya baca dari pengakuan Bahagian D.

Saya juga berjanji bahawa saya dan keluarga akan menduduki unit yang diperuntukkan itu. Sekiranya didapati saya dan keluarga tidak menduduki unit yang diperuntukkan itu melebihi dua bulan tanpa apa-apa sebab yang munasabah atau disewa atau diduduki orang lain maka Bahagian Perumahan, Pejabat

Setiausaha Kerajaan Negeri berhak membatalkan tawaran dan menarik balik unit yang diperuntukkan tanpa membayar sebarang ganti rugi. So, oleh itu, saya ingat kerajaan ini sepatutnya boleh mengambil tindakan terhadap kes-kes macam ini. Jika tidak, apa gunanya.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hong Wai):

ADUN Pengkalan Kota, terima kasih membangkitkan isu ini dan saya rasa ini kita kena kaji dari segi undang-undang. Bukan begitu *straight forward* sahaja dan saya tadi katakan kita perlu mempunyai satu *legislative* ataupun *solution* pada soalan-soalan yang dibangkitkan. Bukan sahaja berdasarkan kepada borang itu. Di bawah Artikel 13, Lembaga Persekutuan. Artikel 13, Lembaga Persekutuan menyatakan bahawa kerajaan ingin melucutkan *property* mana-mana pihak perlu diberi pampasan yang secukupnya. *You know, of course* saya faham apa yang dibangkitkan oleh ADUN Pengkalan Kota tetapi *within the legal frame work* kita perlu membuat kajian yang lebih mendalam penguatkuasaan. Ini perlu satu *legislative solution*.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Y.B. Dato' Speaker, saya hendak tambah sedikit *fact* kepada Yang Berhormat Pengkalan Kota. Sepatutnya perkara ini saya *fikir* dia berasal dari mula. Pada mulanya pada awal-awal kalau sesiapa hendak mengambil MC atau LMC hendaklah diluluskan oleh Kerajaan Negeri tetapi ia ada satu *condition* ... (dengan izin), seorang yang memohon tidak boleh memiliki rumah yang sedia ada. Dia mesti rumah yang pertama untuk mereka yang ingin memohon MC atau LMC tetapi masalah untuk sesiapa yang sewa keluar rumah ini tetapi mereka selalu dalam makluman saya kebanyakan mereka ada rumah yang lain. So, saya ingat ada rumah yang lain. So, saya ingat ini bukanlah Polisi-Polisi yang salah. Ini adalah *administrative*. So, saya harap Kerajaan Negeri boleh menguatkuasakan *administrative* dengan ketat sedikit sesiapa yang ada milik rumah tidak boleh lagi memberi lagi memberikan rumah LMC atau MC tersebut.

Satu lagi masalah iaitu yang pemaju sekarang dia menaikkan harga dengan menggunakan alasan-alasan mengubah suai rumah tersebut. Sebuah rumah RM72,000.00, LMC boleh dijual sampai RM130,000.00, so masalah ini sudah difikirkan tetapi sampai sekarang tiada jawapan lagi. So, yang saya sudah bangkit di ucapan saya, saya harap EXCO Perumahan boleh memberikan ulasan pada masa itu.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Yang Berhormat Air Itam, ada banyak lagi.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hong Wai):

Banyak lagi, saya akan percepatkan.

Y.B. Dato' Speaker:

Banyak lagi kita hendak tangguhkan dan kita akan berhenti rehat dan Dewan akan disambung semula pada jam 11.45 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 11.45 pagi.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.B. Dato' Timbalan Speaker.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Dewan disambung semula, dipersilakan Ahli Y.B. Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Y.B. Dato' Timbalan Speaker, berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Pulau Tikus tentang harga rumah kos rendah dan kos sederhana rendah adalah seperti ditetapkan di garis panduan pelaksanaan harga baru rumah kos rendah dan juga garis panduan harga baru daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan kita telah menetapkan harga maksimum mengikut kategori mengikut lokasi sebagainya. Sebarang penyimpangan yang serius terhadap garis panduan ini telah kita rujuk kes-kes tersebut kepada *Controller of Housing* mengikut *Housing Developers Control and Liscencing Act 1966* kerana Menteri melalui *Controller Housing* mempunyai kuasa yang lebih komprehensif untuk memberikan apa-apa tindakan penguatkuasaan adalah berdasarkan Akta Parlimen, ini kita telah rujuk kes-kes ini kepada KPKT untuk tindakan lanjut dan untuk soalan-soalan dari...(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta penjelasan. Saya ingin tanya Y.B. Air Itam, berapakah kes yang telah dirujuk kepada *Controller of Housing* dan berapakah kes yang telah diambil tindakan dan macam mana dengan kes-kes yang belum diambil tindakan di mana kes-kes menimbulkan kerisauan di antara mereka yang telah ditawarkan rumah tapi mereka tidak berupaya untuk membelinya.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Untuk keupayaan ini sebenarnya adalah sangat subjektif kerana pengalaman kita projek-projek kita telah meneliti *visi property* juga sendiri kita juga telah mendapat maklumat bahawa kita menawarkan rumah tersebut ada sesetengah mereka kurang mampu tidak dapat mendapatkan pinjaman bank kerana mungkin tak ada *salary slip* tak ada *you know so* untuk kategori ini mungkin mereka ada alternatif lain, perlu menyewa rumah untuk meningkatkan taraf ekonomi sebelum memiliki rumah kerana *you have to be qualified* untuk melayak mendapatkan satu *bank loan* perlu kriteria-kriteria tertentu yang ditentukan institusi kewangan dan untuk jawapan spesifik daripada ADUN Komtar, ini kita akan bekalkan secara bertulis.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta penjelasan. Y.B. Air Itam saya ingin dapat tau iaitu berkenaan ini tadi ada dinyatakan oleh Y.B. bahawa keupayaan itu adalah satu perkara yang subjektif dan saya setuju dengan keseluruhan pernyataan yang tersebut. Oleh yang demikian sukar untuk dikawal, siapa yang upaya supaya siapa yang tidak tetapi saya difahamkan berkenaan projek-projek *low cost* oleh pemaju-pemaju swasta daripada dahulu apa yang dinyatakan ataupun syarat yang wujud untuk pembelian sekiranya saya beli satu, contoh *low cost* yang berjumlah RM42,000.00 ialah lain-lain duit yang berjumlah di bahagian di Daerah Timur Laut is RM72,000.00.

Saya difahamkan kalau itu adalah jumlah harga unit apa yang perlu dibayar ialah 10% iaitu RM7,200 so itu adalah apa jumlah yang perlu didapati melalui pinjaman oleh seseorang yang ingin membeli satu unit seperti itu tetapi fakta dia yang menyebabkan banyak orang yang tidak mampu membeli rumah kos tinggi ialah pemaju-pemaju swasta mempunyai satu ruang *they have loop hole ...* (dengan izin) iaitu di mana selain daripada kos unit kos rendah tersebut ada *hidden cost* iaitu seperti kos-kos renovasi dan saya dipercayai juga seperti kos selain daripada unit mesti membeli *car park*. Ini semua tidak *difactor in cost* jumlah unit kos rendah tersebut dan seperti *car park* dan *renovation* saya difahamkan ada kes-kes ia di dalam lingkungan RM20,000 dan *your car park is another* RM10,000 so it is a lot RM30,000 dan *hidden cost* itu kita tak boleh ambil *loan* itu mesti bayar *cash*, so kita ada RM7,200 yang kita boleh dapat *loan*, then you have come out RM30,000 until RM40,000 itu banyak golongan miskin yang tak boleh berupaya membiayai kos tinggi rumah juga tidak dapat beli unit kos rendah tersebut. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengawal dan *monitor* semua pemaju-pemaju swasta ini supaya keadaan ini tidak berulang supaya kita boleh benar-benar menolong supaya yang miskin untuk membeli unit-unit kos rumah rendah tersebut.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Y.B. Datok Keramat dan kita akan membentangkan *Housing Board tomorrow*, esok dan saya rasa ini bukan saja ada banyak masalah perumahan semua orang bangkitkan masalah-masalah ini, kita perlu bukan saja setiap masalah perlu mencari penyelesaian dan itu adalah satu percubaan, satu kita menggunakan *legislative* walaupun *legislative* ini kita perlu dimasukkan diberi

kuat kuasa undang-undang dan semua ini perlu memulakan langkah supaya memastikan perumahan ini di tahap yang lebih mantap kerana contoh-contoh di negara lain kawalan lebih ketat di Singapura, Hong Kong di mana perumahan adalah dibina oleh kerajaan kerana Kerajaan Hong Konglah ialah pemilik tanah

yang paling besar di Hong Kong. Kerajaan Singapura ialah pemilik tanah yang paling besar di Singapura dan kita tidak menghadapi kekangan kita yang warisi dari zaman British lagi, ini yang kita warisi ini adalah *internal constrain* yang kita warisi dan kita perlu mencari jalan penyelesaian kepada *constrain* ini. Ini adalah punca semua kawalan swasta ini dan berpunca daripada itu dan kita perlu mencari satu model pembangunan perumahan yang sesuai dengan keadaan sini sekadar sosioekonomi keadaan perundangan dan kita akan apabila kita membentangkan isu perumahan, ini bukan *perfect*, masih perlu lagi *from time to time* semasa kita perlu membuat semakan untuk mendapatkan satu penyelesaian lebih lengkap terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan Y.B. tadi. Saya rasa isu-isu perumahan yang saya sambung kepada isu yang dibangkitkan oleh JPBD...(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Isu-isu perumahan boleh kita *continue* esok semasa pembentangan enakmen, kalau ada isu-isu yang spesifik yang berkenaan. Saya rasa saya nak sambung kepada isu JPBD...(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta laluan. Saya nak jawapan kepada soalan saya dijawab, berapakah kes yang telah dirujuk kepada Pengawal Perumahan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Telah saya katakan bahawa jawapan akan diberikan secara bertulis kepada ADUN Komtar, saya telah katakan begitu dan berkenaan dengan JPBD isu yang dibangkitkan ADUN Bayan Lepas tentang proses berlingkungan semula proses berlingkungan semula telah dilaksanakan bagi memberi peluang kepada pemaju-pemaju yang ingin membangunkan tanah mereka yang terletak tidak selaras dengan *zoning* pembangunan. Pemohon boleh mengemukakan permohonan pembangunan berlingkungan semula oleh SPC terhadap proses berlingkungan semula adalah kerana pelan dasar MPPP telah diluluskan di peringkat SPC dan sebarang perubahan dan pindaan terhadap pelan dasar MPPP perlu dimajukan kepada SPC untuk pertimbangan dan kelulusan.

Walau bagaimanapun, di peringkat kelulusan SPC kelulusan permohonan berlingkungan semula tertakluk kepada sumbangan peningkatan nilai tanah sebanyak 50% daripada beza nilai zon asal zon baru sebagai satu syarat kelulusan kebenaran merancang. Sumbangan penilaian nilai tanah bergantung kepada pemohon berdasarkan rasional sesuatu lot tanah yang dimiliki atau dibeli

oleh pemaju yang tidak mempunyai nilai yang tinggi ditukar kepada sesuatu zon yang lebih bernilai yang mana memberi faedah kepada pemaju apabila ia membangunkan kelak. So, rezoning ini adalah umpamanya zon pertanian ataupun yang zon perumahan yang dizonkan sebagai perumahan atau komersial

dan kita telah mengenakan sumbangan peningkatan nilai tanah ini untuk kerana akibat nilai ekonomi lebih tinggi daripada perumahan atau komersial kita akan nilai sumbangan ini supaya kita dapat menggunakan wang sumbangan ini untuk meningkatkan infrastruktur khususnya di kawasan-kawasan luar bandar, okey. Berkenaan soalan Y.B. Bayan Lepas tentang isu berlingkungan semula hak pendidikan Balik Pulau dan isu tanah perlu diselesaikan terlebih dahulu apa-apa isu pelan isu tanah perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum apa-apa pertimbangan terhadap *zoning structure plan* itu dalam proses isu tanah perlu diselesaikan dahulu dan baru dikemukakan isu-isu yang lain, okey...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta penjelasan sedikit. Adakah dengan kita, Y.B. Dato' Timbalan Speaker adakah dengan kita mengenakan nilai sumbangan ini akan menyebabkan kenaikan harga rumah yang ditentukan oleh pemaju. Kalau kita tengok di Pulau Pinang sekarang ini harga rumah di Pulau Pinang adalah jauh lebih tinggi daripada harga rumah di Kuala Lumpur, saya tengok baru ini iklan untuk rumah teres saja RM700,000.00 lebih, semi D RM1,000,000.00 juta lebih jadi adakah kerana nilai-nilai sumbangan ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya, saya rasa ini tidak berkaitan langsung, oleh kerana apabila satu tempat maksudnya kalau ia zon pertanian kita akan memberikan pertimbangan dia bukan aktif pertanian dia mungkin belukar saja tak ada aktiviti pertanian dijalankan langsung untuk satu tempoh yang sangat panjang. Ia mungkin satu tanah belukar saya rasa yang telah diminta untuk dinaikkan taraf kepada perumahan ya dan dia tidak akan dia sebenarnya membantu menjana nilai ekonomi di kawasan-kawasan berkenaan kerana waktu itu belukar sekarang ada perumahan dan ini akan membawa keuntungan besar kepada tuan punya tanah dan kita harap keuntungan itu dapat dikongsi dengan sumbangan peningkatan nilai tanah ini kepada untuk Pihak Berkuasa Tempatan untuk menaikkan taraf infrastruktur jalan, parit di kawasan-kawasan tersebut. Saya teruskan portfolio saya berkenaan dengan muzium, ya silakan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Apa ni, hab pendidikan tadi Y.B. kata perlu diselesaikan masalah tanah tapi yang saya bangkitkan semalam tentang pengambilan tanah di Kampung Genting di mana saya katakan di Kampung Genting ini di bawah *structure plan* dia di bawah zon bukan kawasan pendidikan *hub and structure plan* ini dia telah diwartakan bila kita wartakan adakah kita perlu digazet kan dahulu sebelum kita mengeluarkan warta pengambilan tanah kepada tuan punya tanah yang itu satu, yang kedua dalam *structure plan* juga mengatakan kawasan yang pengambilan

untuk di kawasan Kampung Genting ini dia kawasan sensitif alam sekitar. Yang Berhormat *refer structure plan* tengok dia ada jadi, saya nak katakan Yang Berhormat tadi adakah kita perlu digazet kan semula dan lepas itu kita tengok

masalah tanah pasal kalau kita tak digazet kita telah melanggar warta yang kita telah persetujui di dalam Dewan ini. Jadi kawasan itu, memang bukan kawasan hab pendidikan, ini soalan yang saya tanya semalam.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Yang Berhormat saya sambung sikit saja lagi. Dan juga saya dapati bahawa tanah itu diambil atas Seksyen 31(a), itu untuk tujuan maksud awam dan universiti itu sepatutnya dibuat oleh kerajaan, tetapi sekiranya diambil untuk swasta. dia kena diambil di bawah 31(b) atau (c). Itu saya nak minta klasifikasi daripada Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Saya hanya clarify dari segi *structure plan* saja, kerana *issue national code I think EXCO* Tanah mungkin lebih dan perlu menjawab soalan itu. Tanah *zoning* semua ini, pada amalan biasa kita perlu selesaikan isu tanah dulu. Dan *zoning, of course structure plan*, bukan satu dokumen ...(dengan izin), *the cast of the stone* yang tak boleh ubah dia perlu perubahan perlu melalui proses-proses pindaan seperti yang ditetapkan...(gangguan) bukan, maksud saya kena selesaikan isu tanah dulu, kalau kes-kes tanah, bukan notis, dia mengambil masa yang lama untuk selesaikan, dan saya rasa ingatan Bayan Lepas, tentang *structure plan* ini kita perlu lihat juga mengikut apa-apa yang diperlukan mengikut peruntukan undang-undang.

Okey seterusnya saya ingin membuat penggulungan isu-isu muzium. ADUN Komtar, ADUN Pulau Tikus dan juga ADUN Bayan Lepas, masing-masing membangkit tentang soalan-soalan berkenaan muzium. Perkembangan yang sangat bagus kerana sepanjang dua (2) tahun tak ada orang nak bangkit isu muzium dan saya satu perkembangan yang amat positif kerana Muzium dan Balai Seni Pulau Pinang ditubuhkan pada tahun 1964 di Lebuhr Farquhar dan dibuka secara rasmi pada tahun 1965, sejak itu, 1984, 1954 sampai kepada 1994 kita baru ada Balai Seni Lukis yang dipindah kepada Dewan Sri Pinang manakala Muzium Negeri kekal operasi di Lebuhr Farquhar dan apabila saya dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang dan portfolio kesenian pada Jun 2009.

Saya telah meneruskan usaha penambahbaikan dari segi infrastruktur Muzium dan Balai Seni Lukis bersama dengan Ahli Lembaga Muzium dan sokongan daripada pentadbiran Majlis Perbandaran Pulau Pinang serta Ahli Majlis Pulau Pinang, Perbadanan Pulau Pinang. Pihak muzium telah berjaya menggariskan terma penggunaan dan juga pajakan bangunan No. 57, Jalan Macalister dan usaha penyerahan bangunan disusuli pada 18 September 2010, telah berlangsungnya majlis ringkas penyerahan bangunan dari MPPP kepada Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang dan No. 57, Jalan Macalister

akan menjadi cawangan baru Muzium Pulau Pinang ini adalah satu perkembangan yang positif sejak 1994.

Bangunan No. 57, Jalan Macalister ini telah beroperasi sebagai premis bagi pameran seni visual, sejarah warisan Pulau Pinang, satu pameran *Penang International Print Exhibition* telah berlangsung dari 15 September hingga 15 Oktober 2010, dan No. 57, Jalan Macalister akan makan masa beberapa tahun akan menjadi mampat dengan koleksinya, dan dengan kata pepatah Bandar Rome bukan dibina dalam satu hari, begitu juga dengan muzium yang perlu memakan masa untuk menjadi *presentable* kepada orang-orang awam. Muzium-muzium terkenal di British Muzium telah melebihi masa 100 tahun untuk menjadi matang dan terkenal dengan koleksinya. Oleh itu, kita akan teruskan usaha untuk memperkasakan Muzium dan Balai Seni Lukis di Pulau Pinang. Agar diharapkan dan saya kurang bersetuju dengan ADUN Komtar bahawa ia dibangunkan seperti *Shanghai Planning Convention* kerana kita tak ingin mempamerkan hutan konkrit No. 57, tapi apa yang kita utamakan adalah seni visual, warisan, sejarah dan bukan pameran terhadap *planning* seperti di *Shanghai Planning Convention*.

Statistik kita telah menunjukkan jumlah pengunjung ke Balai Seni Lukis Pulau Pinang meningkat dari 5,917 tahun 2005, Oktober 2010 8,725 iaitu peningkatan 47.5% dari tahun 2005 hingga 2010. Kita banyak mengadakan pameran dan sebagainya dan kita telah memberikan pengiktirafan kepada pelukis-pelukis kita bermula dengan pelukis Khoo Sui Ho, pada tahun 2007 satu pameran retrospektif diikuti dengan pameran Lee Joo Foo pada tahun 2008, pada tahun 2009 Teh Mok Leong dan pada tahun ini pelukis terkenal Ismail Hashim bersempena dengan pameran ini kita telah mendokumentasikan perjalanan karya seni pelukis Pulau Pinang yang diterbitkan sebagai bahan rujukan dan koleksi himpunan Balai Seni Lukis Pulau Pinang.

Pada tahun 2005 Muzium Negeri Pulau Pinang menerima pelawat 30,281 sehingga Oktober, 2010 tahun ini kita mencecah daripada 58,850 dan saya rasa akan mencecah angka 65,000. Ini telah menunjukkan angka 94.3% pada tahun 2005 hingga 2010 dan setelah George Town dinobatkan sebagai tapak warisan dunia UNESCO. Usaha Kerajaan Negeri dari segi penonjolan kekuatan kebudayaan, warisan dan kesenian, telah dirancarkan kita telah menubuhkan antaranya *George Town World Heritage Incorporated* dan berbagai inisiatif seperti *George Town Festival* telah dirayakan dengan meriahnya pada bulan Julai 2010. Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis akan terus berusaha dengan semua pihak sama ada awam dan swasta untuk terus memainkan peranan aktif untuk menonjolkan kekuatan George Town sebagai tapak warisan dunia UNESCO. Di samping itu, di penggal lalu, ADUN Pulau Tikus telah membangkitkan isu tentang PESSOC penggal ini beliau tidak membangkitkan isu itu, dan saya ingin melaporkan, sukacita saya ingin melaporkan mendapat satu transformasi.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Yang Berhormat pasal Muzium ni.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Silakan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Terima kasih. Muzium ini saya ucap tahniah kerana berjaya asingkan kepada Balai Seni, cuma apabila kita ada dua bangunan yang berasingan berfungsi yang berbeza, satu Muzium satu Balai Seni. Jadi adakah Yang Berhormat nak cadangkan lembaga yang mentadbirkan Muzium dan Balai Seni jadikan dua lembaga la ni, *so most specialize most focus*. Adakah cadangan untuk menjadikan lembaga dipecah kepada dua (2) lembaga, Lembaga Muzium asing, Lembaga Balai Seni asing. Yang kedua soalan saya yang konsep Muzium itu, Yang Berhormat kena cerita sikit tentang konsep yang akan dikemukakan di Muzium itu.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Pihak Lembaga Muzium kita telah memulakan usaha untuk melihat kepada Enakmen Lembaga Muzium kerana Lembaga Muzium adalah produk Enakmen Lembaga Muzium, *so* kita sedang mengkaji melihat enakmen tersebut yang ditubuhkan saya rasa tahun 70-an yang kita lihat bagaimana kita mendapat lihat kembali enakmen itu sekiranya perlu kita perlu membuat semakan terhadap Enakmen itu. Tentang konsep, ini ada banyak bergantung kepada peruntukan. Seperti Yang Berhormat Bayan Lepas sedia maklum, ini banyak bergantung, kita ada banyak idea, kita telah banyak terima banyak idea dalam *Board Members*, kita mempunyai ahli sejarah, mempunyai seniman, mempunyai kurator, peminat seni, arkitek, peguam mereka telah menggunakan banyak idea. Tetapi apa yang penting sekali, kita mengemukakan permohonan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan kita juga kemukakan permohonan dalam Bajet 2011 ini. Kita akan memastikan bahawa kita cuba mendapatkan peruntukan tersebut, kerana apa-apa perkembangan adalah bergantung kepada peruntukan dan juga kewangan semasa Lembaga Muzium.

Seterusnya saya beralih kepada PESSOC, ADUN Pulau Tikus telah membangkit PESSOC, penggal lalu tetapi tidak membangkitkan penggal ini tapi saya masih ingin melaporkan kerana ini adalah berkenaan dengan reputasi dan juga status *Penang State Symphony Orchestra and Chorus* dan saya sukacita melaporkan bahawa kita telah berusaha membuat satu transformasi daripada PESSOC kepada *Penang Hill Harmonic* dan kita telah membuat banyak perancangan melalui pengerusi baru yang kita lantik iaitu Datin Sri Irene Yap bahawa PESSOC berbagai aktiviti kita rancang pada tahun 2010 dan 2011 dan kita harap ini akan membawa gandingan yang baru dan dapat memotivasikan pertubuhan ahli muzik untuk menaik taraf muzik negeri kita. Itu sahaja penggulangan saya. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya memohon menyokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Dipersilakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya mohon untuk menjawab kerana ADUN daripada Bayan Lepas esok tak ada, dan juga oleh kerana ada beberapa mesyuarat yang saya terpaksa hadirkan. Dengan ini saya mohon izin. Yang Berhormat Dato' Speaker terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2011. Belanjawan 2011 berhasrat memartabatkan rakyat dan seterusnya memberikan harapan baru kepada rakyat. Adalah penting dan jaminan dan peluang yang saksama dalam sektor ekonomi pendidikan, pekerjaan, sosial, nilai-nilai murni, alam sekitar demi memastikan rakyat Pulau Pinang dapat hidup dengan penuh bermaruah. Di antara 20 teras utama memartabatkan rakyat adalah:-

- (1) Meneruskan program penghargaan warga emas sebanyak RM100.00 setahun dan RM1,000.00 sekali sahaja kepada warisnya dan memperluaskan pemberian RM100.00 setahun kepada ibu tunggal dan OKU yang akan memakan perbelanjaan RM20 juta;
- (2) Memastikan pencapaian bersejarah miskin tegar sifar dikekalkan dengan menjamin sekurang-kurangnya RM500.00 sebulan kepada setiap keluarga yang makan lebih RM3 juta setahun dan menghapuskan deposit meter air RM70 bagi keluarga termiskin;
- (3) Memelihara alam sekitar dan mengurangkan *carbon full print* dan inisiatif tak nak beg plastik sepanjang tahun mulai 1 Januari 2011 demi mengurangkan beg plastik;
- (4) Memperluaskan pemberian bantuan bangunan sekolah bantuan Cina, Tamil, Mubaligh, sekolah persendirian Cina, dan Sekolah Agama Rakyat sebanyak RM12 juta;
- (5) Menambahkan bantuan hal ehwal agama Islam baik dalam bentuk *ex- gratia*, kepada guru kafa, huffaz mahupun kepada projek-projek sebanyak RM63 juta;
- (6) Membina dan mengekalkan modal insan dengan menubuhkan Majlis Sains Negeri Pulau Pinang dan *Penang State Centre* melebihi RM100 juta demi menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan sains dan teknologi;
- (7) Mengambil tanah di Balik Pulau sebanyak RM165 juta untuk mendirikan pusat kecemerlangan pendidikan;

- (8) Melindungi dan memelihara warisan dengan RM2.65 juta;
- (9) Membantu meleraikan kesesakan trafik dengan menaikkan taraf sistem jalan dengan peruntukan RM63.75 juta berbanding dengan RM42.73 juta tahun ini untuk JKR dan RM27 juta oleh MPPP untuk kesesakan dari *roundabout* atau Jalan Udini ke Jalan Masjid Negeri;
- (10) Menangani bilangan kenderaan meningkat sebanyak 1.8 juta kenderaan berbanding dengan 1.5 juta orang atau *ratio* 1:25 kenderaan untuk setiap orang Pulau Pinang dengan memperkenalkan sistem *park and ride*, projek perintis dari Seberang Jaya ke Bayan Lepas sebanyak RM600,000.00 setahun, maaf setengah tahun;
- (11) Peruntukan RM5 juta untuk pembangunan pelancongan;
- (12) Mengurangkan ancaman banjir dengan RM39.42 juta untuk JPS berbanding RM33.13 juta tahun ini;
- (13) Meningkatkan kebersihan Pulau Pinang dengan kempen *Cleaner Greener Penang* dengan memperkenalkan satu bekas sampah setiap 100 langkah atau *100 steps for Cleanliness*;
- (14) Meneruskan projek perintis akan dimulakan di tapak UNESCO George Town, Seberang Jaya dan Bukit Mertajam;
- (15) Meneruskan usaha menarik pelaburan dengan Penang *Blue Prints* dan urus tadbir bersih menuju ke arah Rasuah Sifar dengan urus tadbir C.A.T, Cekap, Akauntabiliti, Telus;
- (16) Menaikkan kadar biasiswa sekali ganda kepada RM480.00 setahun bagi pelajar Tingkatan 1 hingga 3 dan RM720.00 setahun bagi pelajar Tingkatan 4 hingga 5 yang akan memakan belanja sebanyak RM2 juta;
- (17) Memperuntukkan RM7.5 juta untuk tujuan perpustakaan dan menjalinkan hubungan dengan negara asing demi mewujudkan masyarakat berpengetahuan dan berilmu;
- (18) Mengurangkan lesen penjaja dan nelayan sebanyak 50%;
- (19) Membiayai kerja-kerja menaik taraf rumah awam kerajaan sebanyak RM13.5 juta; dan
- (20) Memperuntukkan RM60 juta bersama dengan PDC untuk membina sekurang-kurangnya 400 unit rumah mampu milik di kepulauan, dan

- (21) Menaikkan peruntukan kepada RM5 juta untuk sukan, belia, wanita dan juga komuniti.

Ini adalah di antara teras utama dalam bajet atau belanjawan 2011 yang diketengahkan pada minggu lepas, sungguhpun peralihan telah ditarik oleh demonstrasi yang dibuat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Di sini, kita hendak tujukan kepada bajet 2011 dan di antara hujah yang dibangkitkan adalah di antaranya pembangunan keusahawanan Bumiputera. Salah satu langkah yang paling berkesan untuk memartabatkan usahawan Bumiputera adalah melalui tender terbuka. Melalui sistem e-perolehan di mana kabel politik tidak lagi diperlukan sebaliknya hanya perlu kabel komputer.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.A.B. Ketua Menteri, atas isu peraturan. Peraturan 51(5) berkenaan dengan kelakuan Y.B. Pinang Tunggal kelmarin, bila prosiding telah selesai kita telah melihat dan menyaksikan di sini Y.B. Pinang Tunggal telah mengeluarkan perkataan pengecut dan perkara ini telah disahkan oleh beberapa orang Yang Berhormat yang hadir di Dewan selepas Dewan Undangan bersurai. Perkara itu telah didengar oleh Y.B. Dato' Speaker sendiri, saya ...(dengan izin), sebagai salah seorang *back bencher* percaya beliau perlu menunjukkan hormat kepada Dewan terutamanya kepada Speaker. Apabila beliau diperintah keluar, beliau tidak keluar dan terus bertikam lidah dengan Y.B. Dato' Speaker dan bila kita ingin bersurai, perkataan pengecut telah dikeluarkan oleh Y.B. Pinang Tunggal. Semua Ahli yang hadir telah mendengar dan ini saya percaya boleh disifatkan sebagai kelakuan yang sangat-sangat tidak senonoh,...(dengan izin). Saya pohon perkara ini dibawa kepada perhatian Y.B. Dato' Speaker dan tindakan sepatutnya diambil. Yang Berhormat yang mendengar boleh mengesahkan perkara ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Pinang Tunggal, adakah sebut perkataan pengecut masa itu, jika ada sila tarik balik dan minta maaf.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, terima kasih. Apa yang saya ingat kejadian semalam, saya mengeluarkan perkataan pengecut di luar waktu persidangan, maksudnya selepas Y.B. Dato' Speaker sudah tutup persidangan ini. Itulah apa yang saya hendak sebutkan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Tetapi adalah sebut perkataan itu, pengecut.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Ya, memang saya ada sebut.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Dan masa itu adakah Y.B. Dato' Speaker memang masih berada dalam Dewan?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya tidak pasti Y.B. Dato' Speaker ada atau tidak tetapi oleh kerana apa yang telah saya sebutkan kelmarin, saya keluarkan pendapat, pandangan dan buah fikiran saya yang bersangkutan-paut dengan Perbadanan Bukit Bendera, Y.B. Dato' Speaker bantah dan kata tidak boleh sebut. Adakah tidak boleh sebut perkataan Perbadanan...(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Adakah Y.B. Pinang Tunggal sebut perkataan itu dan bolehkah tarik balik.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Ya saya ada sebut perkataan itu, saya rasa tidak perlu nak tarik balik sebab ianya berlaku di luar Dewan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Bagi saya ini memang bila *you* sebut perkataan itu dan tujukan kepada Y.B. Dato' Speaker, ini memang tidak menghormati kerusi itu.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya hendak maklumkan kalau benda itu berlaku di luar umpamanya atau perkara itu berlaku di dalam Dewan ini juga oleh orang lain, selain daripada saya, adakah dia perlu tarik balik? Perkara ini berlaku di luar, selepas waktu Persidangan Dewan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Bagi saya memang di dalam Dewan ini dan masa itu(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Kalau Y.B. Dato' Speaker tidak puas hati dengan saya, boleh bincang di luar, saya boleh tarik di luar. Saya tidak ada masalah dengan dia, ianya sudah berlaku di luar, bukan ada dalam Peraturan Dewan pun. Kalau mengikut hak saya, saya rasa terkilan juga dengan tindakan Y.B. Dato' Speaker buat, takkan dia tak faham peraturan. Saya mewakili rakyat, saya boleh sebutkan apa yang saya hendak sebutkan di bumi Pulau Pinang ini, saya sebut pasal Perbadanan Bukit Bendera dia minta saya hentikan, saya sebutkan pasal kerajaan DAP, dia minta saya sebutkan Kerajaan Pakatan Rakyat, saya sebut balik Kerajaan Ketua

Menteri DAP, adakah salah? Y.A.B. Ketua Menteri ada bersama-sama dan dia senyum sahaja, tak ulas apa pun. Lepas itu dia minta saya keluar Dewan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Pinang Tunggal, saya sudah buat keputusan, saya minta Y.B. Pinang Tunggal untuk tarik balik perkataan itu.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Tak perlu saya tarik balik perkataan itu, untuk apa saya nak tarik balik perkataan sebab ianya berlaku di luar Dewan, selepas persidangan dah pun tamat.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Okey saya sudah buat keputusan minta tarik balik. Jika Y.B. Pinang Tunggal tidak ingin menarik balik, saya dengan ini memerintahkan bahawa Y.B. Pinang Tunggal keluar daripada Dewan ini sehingga selesai persidangan pada hari ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Dato' Speaker, saya nak sembang sikit...(dengan izin).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Saya sudah buat keputusan. Jika Y.B. Pinang Tunggal tidak ingin tarik balik perkataan itu, saya sudah buat keputusan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Nanti dulu. Saya ada bersama, nantilah, ini hendak bincang tentang keadilan, perkara ini berlaku selepas mesyuarat ini ditangguhkan. Pada waktu itu Y.B. Dato' Speaker telah bergerak ke sana, saya berada di belakang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Perkataan itu telah diarah kepada Y.B. Dato' Speaker, itu tidak menghormati.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sila duduk, sila duduk semua.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya boleh hormat Y.B. Dato' Speaker, 10 kali boleh hormatlah kerana Y.B. Dato' Speaker pun tahu hormat kita, tidak ada masalah bagi saya, Seri Delima. Saya tahu perangai Seri Delima macam mana.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, arahan telah dikeluarkan. Sila keluar.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sila duduk semua. Saya nak jawab kepada Y.B. Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Dalam Dewan yang mulia ini semua dah boleh melihat siapa Seri Delima ini, daripada hari mula, bukan hari mula penggal ini, hari mula penggal yang dahulu-dahulu, perangai dia macam binatang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya minta dia tarik balik perkataan itu dan keluar daripada Dewan.

Ahli-ahli Kerajaan:

Tarik balik perkataan binatang itu....(bising, banyak suara).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Pinang Tunggal tidak mahu keluar dari Dewan ini, saya minta Bentara menjalankan tugas.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, tadi hendak jawab kepada Y.B. Sungai Aceh, sila jawab dulu, saya hendak dengar.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Saya hendak jawab, betul, tapi saya cuba hendak jawab soalan Y.B. Sungai Aceh. Semasa Y.B. Pinang Tunggal menyebut perkataan itu memang saya berada dalam Dewan ini juga dan saya nampak dengan mata saya sendiri, masa itu Y.B. Dato' Speaker, memang masih berada di sini lagi, masih ada, ada. Dia baru sebut sahaja Dewan ditangguhkan sehingga hari esok.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Saya dah bergerak ke sana, di sana saya kata pengecut, takkan dia masih ada di meja dia.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Memang bagi saya nampak Y.B. Dato' Speaker masih belum undur dan keluar, memang masih ada berada di sini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menjelaskan. Saya ada di sini semalam, memang berlaku perdebatan hebat antara Y.B. Dato' Speaker dan Y.B. Pinang Tunggal, kemudian diarah keluar dan ditamatkan persidangan dan selepas itu baru timbul keadaan tersebut, persidangan sudah selesai.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Satu keputusan telah dibuat, selain dari itu saya ingin memohon kepada Y.B. Pinang Tunggal untuk menarik balik perkataan binatang yang disebut terhadap Seri Delima dan memohon maaf kepadanya di dalam Dewan ini. Selain daripada itu sebelum Bentara *escort* minta dia keluar kerana dia sebut di hadapan semua dan itu tidak boleh diterima, binatang itu *is very unparliamentary*.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Saya minta Y.B. Pinang Tunggal tarik balik juga perkataan binatang. Sila duduk. Saya minta Bentara untuk menjalankan tugas untuk menjemput Y.B. Pinang Tunggal untuk keluar dari Dewan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta maaf kepada Seri Delima juga, mesti buat sebab itu telah dinyatakan, ada dalam *hansard* dan kita semua dengar. Itu pun perlu dibuat sebelum di *escort* keluar oleh Bentara. Binatang *is unparliamentary word*, Y.B. Dato' Speaker. Selesaikan isu binatang juga.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Setiausaha, sila jalankan tugas dan minta semua Bentara berada.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Itu hak saya untuk bercakap dalam Dewan ini, di bumi Pulau Pinang ini.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Betul boleh cakap tetapi perkataan *you* guna pengecut bagi saya tidak boleh, bagi apa-apa situasi pun, apa keadaan pun. Kalau tidak puas hati pun apa-

apa di luar Dewan tapi kalau di dalam Dewan ini perkataan itu dituju kepada Y.B. Dato' Speaker dan bagi saya ini tidak hormat pada kerusi ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Dato' Speaker, saya harap dapat minta diperintahkan juga isu binatang ini, minta tarik balik dan kalau tidak mahu tarik balik kedua-dua ini minta *escort*.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Yalah. Y.B. Pinang Tunggal tidak mahu tarik balik walaupun saya sudah minta. Setiausaha menjalankan tugas minta Bentara semua. Betul! Boleh cakap tetapi perkataan tu mengejut. Perkataan itu bagi saya pun ..(gangguan), ialah tak kira apa pun, apa situasi pun, apa kedudukan itu jika apa-apa tak puas hati macam Ahli Yang Berhormat Pinang Tunggal katalah di dalam Dewan ini perkataan itu ditujukan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan bagi saya tidak menghormat kepada kerusi itulah (Gangguan.)

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker saya harap dapat diperintahkan juga berkenaan dengan binatang diminta tarik balik, kalau tak mahu tarik balik berkenaan dua-dua ini minta *escort*.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Yalah Dia sudah tak mahu tarik balik. Dia tak mahu tarik balik, Yang Berhormat Ahli Pinang Tunggal tidak mahu tarik balik saya sudah minta Setiausaha menjalankan tugas.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Monyet siapa bawa keluar?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kalau nak cakap berdirilah! Cakap ikut peraturan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Monyet tu siapa dia? UMNO ka sapa dia? Mai tiga (3) orang bukan larat panggil lima (5) orang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dato' Speaker saya rasa kita panggil pihak Polis untuk bantu kita untuk keluarkan dia daripada dewan ini. Ini berkaitan kelakuan kita berkaitan menghormati prosiding Dewan. Menunjukkan sikap Yang Berhormat yang tidak boleh beradab ini mengganggu prosiding Dewan, *contempt of the Dewan!* semua rakyat sedang lihat kelakuan dia

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Rakyat lihat kau, hang punya perangai, rakyat lihat perangai hang, rakyat lihat perangai hang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Terima kasih kerana beri kerjasama.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya rasa kelakuan itu, kelakuan Y.B. Pinang Tunggal tidak mengikut perintah Y.B. Dato' Speaker ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat telah pun menghina Dewan memanggil Y.B. Dato' Speaker pengecut. Tidak?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Hang lebih hina daripada itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya tidak pernah melakukan perkara itu, betul, Yang Berhormat telah mengeluarkan perkataan pengecut kepada Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Monyet sapa bawa keluar?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tanya diri sendiri.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya mohon supaya tindakan juga diambil di bawah Peraturan Mesyuarat 51 (5) di mana Ahli Y.B. Pinang Tunggal digantung sampai habis Persidangan Dewan ini, kerana perintah yang dikeluarkan oleh Speaker di bawah Peraturan Mesyuarat 51 (5) tidak diikuti. Ini adalah satu keingkaran perintah.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Saya tetap dengan keputusan yang telah saya buat tadi dan saya sedang menunggu Setiausaha menjalankan tugas dia. Saya telah beri arahan supaya Setiausaha Dewan memanggil Pengawal Keselamatan dan Polis. Saya tidak akan menangguhkan. Saya tunggu Setiausaha menjalankan tugas, kerana sekarang bukan isu pengecut tau, perkataan itu. Sekarang saya sudah arahkan keluar, perintah saya, arahan saya dan sekarang dia ingkar perintah, ingkar arahan itu.

(Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya berbisik sesuatu kepada Y.B. Dato' Haji Roslan).

(Y.B. Dato' Haji Roslan beredar keluar dari Dewan Persidangan diiringi oleh Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed dan Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Terima kasih kerana memberi kerjasama. Dipersilakan Ahli...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya minta sedikit laluan, kalau tadi wakil daripada Y.B. Datok Keramat, Y.B. Datok Keramat ada menyebutkan tentang permohonan minta maaf kerana menyebutkan perkataan-perkataan yang *unparliamentary*. Saya pada dan saat ketika ini juga ingin meminta kepada Ahli daripada Seri Delima dan juga Komtar untuk memohon maaf kepada seluruh orang UMNO di Malaysia di atas perkataan *unparliamentary* yang menyebutkan orang UMNO sebagai monyet. Pada hari ini saya nak buktikan bahawa apa yang disebutkan oleh kedua-dua Ahli daripada Komtar dan Seri Delima sebenarnya meludah ke langit jatuh ke atas batang hidung sendiri kerana yang sebenarnya yang dimaksudkan oleh Ahli daripada Komtar dan juga Seri Delima bukan orang UMNO, hari ini ada kenyataan yang jelas daripada seorang Ahli Pas dan dia kata saya bukan monyet UMNO dan dialah yang memegang dan mengikat diri dia ke pagar dan kita ada bukti dia dan dia sendiri mengaku dialah orang yang bernama Mohamad Arif bin Ibrahim dan dia sebenarnya juga adalah pembantu kepada Y.B. Komtar.

Saya boleh buktikan daripada satu surat yang dikeluarkan pada 8 September 2009 daripada Yang Berhormat Komtar minta semua Pengurus-pengurus Masjid untuk hadir ke Masjid Pakistan Jalan Macalister, Pulau Pinang pada 11 September 2009, jam 2 petang, sebelum Majlis Sumbangan Hari Raya Aidilfitri dan minta supaya Pengurus-pengurus Masjid ini berhubung dengan Encik Arif mengenai urusan pengurusan penyampaian sumbangan ini dengan nombor telefon Encik Arif (016-4589364), jelas membuktikan bahawa nama ini adalah orang yang sama dengan melakukan perbuatan di hadapan sana dan dia mengaku bahawa dia adalah ahli Pas dan bukan UMNO. Jadi ini adalah bukti yang cukup jelas dan dia juga mengaku orang yang melompat di atas kereta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di Masjid Kampong Rawa pada bulan Ramadhan

dulu dan ini bukan orang UMNO. Oleh yang demikian tuduhan-tuduhan yang di keluar dengan perkataan-perkataan *unparliamentary* saya mohon maaf untuk menyebut semula iaitu perkataan monyet kepada orang-orang UMNO minta di tarik balik dan minta maaf kepada seluruh Orang UMNO di Malaysia ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya ingin jawab, satu tuduhan terhadap saya, pada masa saya kenal siapanya Arif bin Ibrahim tak ada masalah pada masa itu dia membantu saya untuk menguruskan satu Majlis Sumbangan Hari Raya Aidilfitri semasa bulan Puasa di atas kapasitinya sebagai seorang pemimpin Pas Tanjung dan sekarang dia bukan lagi Ahli Pas kerana saya telah mendapat kepastian daripada Pas dan saya tidak pernah menyebut dia menyebut itu pemimpin-pemimpin UMNO itu monyet, tetapi saya cakap pemimpin-pemimpin UMNO itu membawa monyet tapi walau bagaimanapun, saya telah diminta untuk menarik balik perkataan tersebut... (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya memohon meminta maaf kepada orang UMNO, kerana orang UMNO tidak pernah bawa monyet ke situ.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Siapa Norman Zahalan? Siapa?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Kita tidak....(gangguan, tidak jelas bising).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Norman Zahalan itu orang UMNO.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Hendak cakap berdiri bercakap.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sesiapa yang hendak bercakap sila minta kebenaran dulu ya..(celahan). sila duduk Ahli Permatang Pasir, tentang hal ini Ahli Kawasan Bagan Dalam dia Ahli yang pertama yang sebutkan perkataan monyet itu jika tak silap sayalah kerana pada masa itu saya pun berada dalam Dewan ini dan monyet itu sejenis binatang lah kan? Dan bagi saya masa itu dia sebut monyet itu dia merujuk atau

tujukan kepada orang yang memanjat pagar itu dia punya perangai macam monyet, monyet suka panjat kan?...(celahan), bagi saya dia memang merujuk kepada orang yang memanjat pagar itu ...(celahan), so tentang hal ini saya buat keputusan...(celahan), saya okey.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya nak Y.B. Dato' Timbalan Speaker berlaku adil! Dia merujuk kepada orang yang merantai di situ. Itu Orang UMNO telah dibuat seperti Yang Amat berhormat Permatang Berangan minta supaya dia minta maaf balik kepada semua orang UMNO.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Jika dia kata orang itu, dia merujuk kepada orang itu sajalah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhammad Farid bin Saad)

Sebab dia membabitkan Orang UMNO...(gangguan), saya mahu Y.B. Dato' Timbalan Speaker berlaku adil dalam perkara ini, berlaku adil dalam perkara ini.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli Komtar sudah bagi tahu, dia kata dia merujuk kepada orang UMNO yang membawa.....(gangguan). Ahli Permatang Pasir.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya minta laluan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Saya bagi dia.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd Salleh bin Man):

Saya pun tak mahu sentuh sangat sebab saya baru dengar berita berkenaan dengan seorang hamba Allah tu yang dikatakan sebagai seorang Ahli Pas. Dia mengakulah, dia orang yang sama yang pernah membawa batu nisan tak silap saya semasa Ahli Permatang Berangan menjadi YDP Majlis Agama Islam. Orang yang sama juga yang mungkin digambarkan di situ yang bawa rantai yang saya difahamkanlah, saya pun tak tengok lagi sebenarnya di sudut Parti Pas, kita tidak pernah mengarahkan untuk mengadakan demonstrasi pada hari tersebut dan yang nampak pelik sedikit ialah sebab dia seorang kemudian kalau Pas biasanya buat demonstrasi ini puluh ribu orang, ribuan orang! Ini seorang ni... (gangguan). Saya juga difahamkan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Komtar, bahawa yang bernama Arif bin Ibrahim ini dia sudah tidak berminat lagi dengan Pas selama ini dan lebih tumpu kepada NGO bahkan dia dalam Pas dia

tidak sudah lama tidak membayar yuran sebagai Ahli Pas di segi Perlembagaan Parti secara automatiknya dia bukan Ahli Pas terbatal dengan segeranya... (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya yang bawa isu ini Y.B. Dato' Timbalan Speaker saya nak jelaskan. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, masalah penafian dia orang Pas atau tidak orang Pas itu terpulanglah kepada Parti Pas. Tetapi di dalam surat khabar ini yang empunya diri, dia kata saya Ahli Pas, itu kami tak tahulah yang empunya diri sendiri mengaku dia Ahli Pas. Persoalan di sini, saya bukan nak mempertikaikan bukan Ahli Pas atau tidak! Itu biarlah rakyat di luar sana yang pertimbangkan. Tetapi isu yang saya timbulkan di sini ialah minta supaya, sekarang kita tambah lagi seorang ni Ahli Yang Berhormat daripada Bagan Dalam, tadi saya sebut Ahli Yang terhormat daripada Seri Delima, Komtar dan Y.B. Dato' Timbalan Speaker sendiri pun telah menjelaskan bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Bagan Dalam, saya minta tarik balik kepada orang UMNO, minta maaf kepada orang UMNO kerana tadi sendiri Ahli Yang Berhormat daripada Komtar menyebutkan orang UMNO membawa monyet, orang UMNO membawa monyet itu pun sudah merupakan satu penghinaan yang cukup-cukup dalam dan mengguris hati dan perasaan kerana Orang UMNO tidak bawa ini semua dia datang sendiri dan dia mengaku dia Ahli PAS! Jadi kenapa dituduh UMNO? UMNO monyet, UMNO bawa monyet dan sebagainya. Kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada tiga kawasan berkenaan tadi faham dan ada hati budi dan beramal dengan konsep kejujuran dalam saat, ini oleh kerana kebenaran telah terbukti bahawa bukan UMNO yang mengikat pagar, yang bukan bawa mereka ini maka sila minta maaf kepada seluruh UMNO di Malaysia ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B Tuan Haji Mohd Salleh bin Man):

Sebab saya sudah sebut tadi sikit sebahagian kronologi berkaitan dengan Arif bin Ibrahim ini, yang lebih membimbangkan kemungkinan atau sebab dia ada *something wrong* di situ ialah kemungkinan besar mungkin dia dijadikan alat oleh UMNO. Sebab dia seorang.. (gangguan). Saya sebagai Ketua Parti Pas akan membuat satu penyiasatan lah sama ada betul ataupun tidak apa yang telah berlaku, yang telah dibuat...(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker.

Sila duduk, sila duduklah, setelah...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Saya masih ingat Yang Berhormat-Yang Berhormat ini telah menyebut yang ikat dan panjat pagar macam monyet itu UMNO, lebih kurang macam itu, boleh buka *hansard* balik, buka *hansard* kita buktikan tak apa. Kalau salah, salah, kita mengaku salah, tapi itu yang dikatakan tapi itu yang dikatakan kita tak usah kiralah Pas ke apa, tapi dia Ahli Pas bukan UMNO dah mengaku dan yang panjat pagar

dan ikat itu dia cakap dia bukan Ahli UMNO maka terbatal perkataan disebut yang mencaci Ahli UMNO yang memanjat dan mengikat badan di pagar itu. Buka *hansard* kita buktikan, kalau kami salah, kami minta maaf tapi kalau mereka yang salah harus minta maaf di dalam Dewan yang maha mulia ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Sim):

Ahli-ahli Yang Berhormat, tugas kita di sini adalah untuk mengurus negeri sekarang, kalau ada satu demonstrasi yang kecil dan jangan kita *lost focus* kepada isu yang lebih besar iaitu membela rakyat, memberi khidmat kepada rakyat. Saya rasa mesyuarat harus diteruskan supaya kita *focus* kepada isu yang lebih penting iaitu membantu rakyat menyelesaikan masalah mereka, terima kasih Y.B. Dato' Timbalan Speaker.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sekarang saya buat keputusan ..(gangguan), sila duduk, saya buat keputusanlah bagi saya perkataan monyet itu merujuk kepada atau tuju kepada orang yang memanjat ..(gangguan), jika dia berperangai macam ini, bagi saya perangan macam ini orang itu memang dia seorang manusia, tetapi dia berperangai macam ini dia panjat pagar dan diikat dengan rantai semua itu memanglah perangai dia macam monyetlah. Bagi saya tidak silap, jika dia menyifatkan orang itu sebagai monyet, bagi saya tidak silap dan saya buat keputusan(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya mahu penjelasan. Kalau macam ini lebih baik kami keluar dari Dewan tidak guna kami berada di sini. Sebagai pemimpin Pas menafikan(gangguan). Macam mana jadi seorang pemimpin.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Saya minta Ahli Berhormat Paya Terubong teruskan dengan penggulungan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, keputusan Y.B. Dato' Timbalan Speaker, tidak mahu minta daripada yang dituduh tadi minta maaf kepada UMNO.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Tidak perlu, tidak perlu kerana monyet itu dia tuju kepada orang yang memanjat itu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, keputusan Y.B. Dato' Timbalan Speaker, kalau tidak minta maaf cakap tidak mahu minta maaf, kalau tidak mahu minta daripada yang dituduh tadi minta maaf kepada UMNO.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Saya tidak setuju itu ...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Salah satu langkah yang paling berkesan untuk memartabatkan usahawan Bumiputera adalah tender terbuka melalui e-Perolehan di mana kabel politik tidak diperlukan lagi sebab ini hanya perlu kabel komputer..... (gangguan).

(Semua Ahli Parti Pembangkang keluar daripada Dewan persidangan).

Yang Berhormat Bayan Lepas balik awal kerana anda hendak balik esok, apa ini. Ini budi tidak dikenang....(gangguan).

Kesungguhan kontraktor Bumiputera dengan menangi sebahagian besar kontrak Kerajaan Negeri sungguhpun melalui tender terbuka membuktikan bukan kontraktor Melayu yang tidak mahu bersaing hanya kontraktor UMNO yang lembik dan dayus. Itulah sebabnya apabila tender terbuka dijalankan kita boleh lihat bahawa betapa ramai yang mendapat kontrak terdiri sendiri daripada kontraktor Bumiputera dan Melayu sungguhpun dibuat secara tender terbuka.

Di samping itu, pelaksanaan program Titian Saksama Rakyat sebanyak RM3 juta membiayai Program Perniagaan Ekonomi Kecil yang melibatkan kumpulan sasaran golongan ibu tunggal, orang kurang upaya, miskin tegar dan pengusaha industri kecil sederhana. Program pinjaman *micro credit* tanpa faedah ini telah memberi manfaat kepada 356 peminjam dan 81% daripada jumlah tersebut atau 287 orang adalah Bumiputera dengan purata pinjaman sebanyak RM3,683.00 seorang. Usaha-usaha ini akan diteruskan pada tahun 2011 di mana satu kajian impak akan disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menilai keberkesanan program ini.

Mengenai sumbangan kepada NGO, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat akan keperluan peruntukan NGO bagi membolehkan program dan aktiviti yang dirancang oleh pihaknya dapat dilaksanakan dengan sempurna. Untuk itu, sejumlah RM928,000.00 telah disalurkan kepada di seluruh Negeri Pulau Pinang pada tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 32% berbanding RM 703,000.00 pada tahun 2009. Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri juga akan berusaha untuk membantu Badan Bukan Kerajaan mengikut kemampuan kewangan Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat daripada Tanjong Bunga telah menyarankan Enakmen Warisan digubal bagi memelihara kampung tradisional dan kawasan *geolical* yang

terdapat di dalam kawasan zon warisan. Untuk makluman Yang Berhormat Tanjong Bunga, pada masa ini draf Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang sedang digubal merangkumi peruntukan-peruntukan pengurusan, pemuliharaan dan peningkatan warisan dalam negeri yang melibatkan warisan ketara dan tidak ketara dan warisan hidup dan warisan semula jadi. Enakmen tersebut akan

menjadi perundangan yang akan diguna pakai bagi seluruh negeri setelah diluluskan oleh Dewan yang mulia yang kita harap dapat dilakukan pada tahun depan. Pemuliharaan warisan melibatkan pemuliharaan kampung tradisional yang dinyatakan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 di bawah Dasar DS 33 yang berkaitan dengan perkampungan tradisional dan perkampungan dalam bandar yang akan dikekalkan dan prasarannya akan dinaik taraf. Bagi tujuan tersebut, beberapa buah kampung telah dikenal pasti untuk dibangunkan secara bersepadu tanpa menjejaskan penduduk asal.

Dalam aspek ini, saya ingin mengumumkan bahawa Kampung Melayu Tanjong Tokong yang telah dikeluarkan daripada senarai kampung warisan telah pun dimasukkan semula sebagai Kampung Tradisional Warisan. So, kita betulkan satu penganiayaan yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Kawalan pembangunan di kawasan zon warisan adalah terkandung di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang di bawah Dasar Khusus atau DK1. Selain daripada itu, pembangunan di kawasan zon warisan adalah tertakluk kepada peraturan untuk kawasan pemuliharaan dan bangunan-bangunan warisan yang telah diguna pakai dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri. Peraturan ini lebih menyeluruh yang digubal selaras dengan garis panduan dan piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh UNESCO manakala Jabatan Bomba dan Penyelamat mula menggunakan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan lain-lain peraturan mencegah kebakaran secara seragam yang diguna pakai untuk semua jenis pembangunan tetapi tidak ada undang-undang yang khusus kepada bangunan warisan. Walaupun kelihatan tidak seragam di antara dua agensi ini disebabkan pemakaian dua perundangan yang berbeza akan tetapi semasa membuat penelitian sebarang pembangunan yang diputuskan dalam zon warisan perlu memenuhi piawaian syarat-syarat warisan dan ciri-ciri keselamatan bangunan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Datok Keramat telah meminta penjelasan mengenai sebarang perancangan pembangunan di sebahagian tanah *Penang Turf Club*. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini tanah di *Penang Turf Club* masih digunakan sebagai Padang Lumba Kuda. Walau bagaimanapun, melalui Rancangan Struktur Negeri yang diwartakan pada 28 Jun 2007 kawasan tersebut telah dizonkan sebagai kawasan pertumbuhan baru. Oleh yang demikian, tuan tanah berkenaan berhak untuk merancang pembangunan ke atas tanah miliknya selaras dengan pengezonan baru yang telah ditetapkan bagi tanah berkenaan oleh kerajaan yang lepas tetapi Y.B. Dato' Timbalan Speaker, ia tidak semestinya diluluskan kerana sebarang pelan perancangan yang dicadangkan masih perlu mematuhi ketetapan dan garis panduan perancangan yang ditetapkan oleh MPPP dan Pihak Berkuasa Negeri dan tentulah dalam aspek ini sebagai sebuah kerajaan yang mesra alam sekitar dan juga berjiwa rakyat kita akan pastikan kepentingan awam selalu dijaga.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Sungai Dua berkaitan dengan Polisi serta syarat-syarat Kerajaan Negeri berkenaan dengan perlombongan pasir. Pasir merupakan bahan batuan tidak dikenakan permit 4C untuk tanah-tanah yang syarat nyatanya *first grade* atau *condition A* dan B ataupun *condition 1* dengan 2.

Walau bagaimanapun, sebarang pengoperasian kuari pasir bagi tanah-tanah sedemikian adalah memerlukan kebenaran kerja tanah dan kebenaran merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MPSP disebabkan tanah yang sedemikian maka tidak dikenakan bayaran royalti sebaliknya permit 4C dikenakan untuk tanah yang berstatuskan geran mukim pertanian yang dikenakan bayaran royalti mengikut *Penang Land Rules 2005*. Setiap permohonan bahan batuan adalah tertakluk kepada Seksyen 71, Kanun Tanah Negara dan kesemua permohonan bahan batuan perlu dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Setiap permohonan untuk mengeluarkan bahan batuan untuk tanah yang berstatus geran mukim bersyarat nyata pertanian perlu dikemukakan jumlah bahan keluaran yang akan dikeluarkan untuk menentukan kadar bayaran royalti atau bayaran khas. Penyata ini disediakan dalam bentuk akuan bersumpah bagi memastikan setiap pemohon bertanggungjawab atas pengisytiharan pengeluaran tersebut di mana kadar bayaran royalti atau bayaran khas ditentukan berdasarkan kepada akuan bersumpah tersebut. Akuan bersumpah ini merupakan satu *standard Procedure* yang dipersetujui dalam mesyuarat antara Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah sejak tahun 2008. Bagi pengeluaran bahan batuan atas Lot 262 Mukim 3, SPS tidak dikenakan permit 4C kerana syarat nyatanya adalah *condition 1* dengan 2 tetapi pemohon tidak boleh mengeluarkan bahan batuan selagi tidak diluluskan pengeluaran dari warta tanah bukit seperti yang tercatat dalam hak milik maka tindakan telah diambil untuk mengutip balik dan mengenakan denda sekiranya ada. Saya harap Yang Berhormat Sungai Dua yang nampaknya macam agen syarikat berkenaan boleh memaklumkan kepada mereka bahawa permit akan diluluskan bila semua pembayaran dibuat dan peraturan dipatuhi.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, hasil inisiatif Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah penduduk dengan pihak pemaju projek Kampung Buah Pala iaitu Tetuan *Youth Metro Ventures Sdn. Bhd.* Pemaju telah akhirnya bersetuju membina 24 buah unit rumah teres dua tingkat untuk penempatan penduduk mereka yang menerimanya. Rumah kini dalam pembinaan. Kerajaan Negeri juga bersetuju pemaju membina jalan laluan 40 kaki untuk 24 unit perumahan di mana jalan tersebut tidak berkongsi dengan komponen projek yang lain. Berdasarkan kepada inisiatif tersebut isu penempatan penduduk projek Kampung Buah Pala dapat diselesaikan. Perlu diingatkan bahawa pada asalnya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Seri Delima, penduduk yang tinggal sekian lama memiliki TOL atau LPS tetapi tanah ini dirampas oleh Kerajaan Barisan Nasional khususnya UMNO untuk diswastakan demi meraih keuntungan. Malah upacara kontrak penswastaaan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang UMNO sendiri. Janganlah jadi hero bila PR yang selesaikannya apa yang sebenarnya datang dan angkara daripada UMNO. Ingatlah yang ambil tindakan

adalah pemaju menerusi perintah mahkamah dan bukannya Kerajaan Negeri yang sehingga sekarang tidak usir seorang rakyat Pulau Pinang pun. Keadaan yang sama wujud dalam isu penduduk Kampung Pokok Asam di mana pihak pemaju telah memperolehi perintah mahkamah. Pembangunan ini di kawasan ini merupakan pembangunan di atas tanah swasta yang turut melibatkan rundingan dan pemindahan setinggan.

Kerajaan Negeri sangat prihatin terhadap perkara ini dan sentiasa mengadakan rundingan yang berterusan dengan pemaju dan juga penduduk bagi mendapatkan penyelesaian yang akan menguntungkan semua pihak. Sehingga kini tiada seorang pun yang diusir sungguhpun ada perintah mahkamah yang diperolehi daripada pihak pemaju Kerajaan Negeri giat menguruskannya. Kita harus mencari satu penyelesaian mana-mana yang boleh diterima oleh semua pihak dan bukannya membuat tuntutan melampau seperti UMNO yang dahulu tidak buat dan sekarang pula berkokok dan berkuyuk-kuyuk akan tetapi saya juga kesal bahawa ada satu dua penduduk yang cuba ambil kesempatan kerana berdolak-dalik dalam surat khabar dengan kenyataan yang jauh berbeza dengan apa yang diputuskan secara bersama dalam perbincangan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, bantuan rebat air RM100.00 yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2008 kepada rakyat yang miskin dan berpendapatan rendah. Bukannya rebat air tetapi berupa bantuan wang ehsan RM100.00 yang dikreditkan ke dalam akaun Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang. Bantuan ini diberikan ekoran kenaikan harga petrol secara mendadak yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan pada bulan Jun 2008. bantuan wang ihsan ini bertujuan untuk meringankan sedikit sebanyak beban yang ditanggung oleh rakyat khususnya mereka yang miskin dan berpendapatan rendah akibat kenaikan harga bahan api tersebut yang diberikan sekali sahaja dan *one off*. Di samping itu, keuntungan PBAPP pada tahun 2008 adalah sebanyak RM31 juta iaitu keuntungan selepas cukai. Pada tahun 2009, keuntungan selepas cukai adalah sebanyak RM15 juta di mana terdapat penurunan sebanyak 53%. Keuntungan ini boleh dibandingkan dengan banyak syarikat yang mengalami kerugian selaras dengan keadaan krisis ekonomi kewangan yang melanda dunia pada tahun tersebut.

Penurunan ini juga disebabkan beberapa faktor penyumbang utama seperti berikut:-

- (i) Pemberian subsidi sebanyak RM41 juta untuk mengekalkan kadar air pada tahap yang paling rendah di Malaysia;
- (ii) Kelembapan ekonomi pada tahun 2009 yang telah menyebabkan penurunan terhadap pengguna kategori perniagaan;
- (iii) Pendapatan operasi lain berkurang pada tahun 2009 dan juga kelembapan projek pembangunan;
- (iv) Peningkatan kos operasi akibat penyelarasan gaji dan kenaikan kadar TNB. Namun demikian, untuk tahun 2010, Kerajaan Negeri

mengharapkan prestasi PBAPP yang lebih baik iaitu peningkatan keuntungan sebanyak 50% berbanding tahun 2009.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Saya percaya Yang Amat Berhormat masih perlukan masa yang panjang lagi. Saya ingat boleh sambung selepas pukul 1.00 petang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Setengah jam sahaja cukup selepas ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Dewan berehat sekarang dan akan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan bersambung semula pada jam 2.30 petang.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersambung untuk penggulungan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Pulau Tikus bertanyakan mengenai pembangunan Bukit Bendera perlulah bersifat *eco-friendly*. Kerajaan Negeri juga wajar perkenalkan penggunaan beca, kereta solar dan lain-lainnya di Bukit Bendera. Untuk makluman Yang terhormat, Kerajaan Negeri telah merancang beberapa program bagi membangunkan semula Bukit Bendera. Pembangunan ini sememangnya berkonsepkan *eco-friendly*. Terdapat dua (2) projek yang telah dikenal pasti ketika ini sedang ditawarkan secara (RFT) atau *Request For Tender*.

Projek pembangunan tersebut, adalah Hotel Crag di Bukit Bendera, *Canopy Walk* atau Titian Silara di dalam RFT tersebut pemaju dicadangkan untuk menggabungkan unsur-unsur pemeliharaan dan pemuliharaan warisan. Dengan menggunakan kemahiran *Green Building Index* untuk Hotel Crag. Manakala untuk Titian Silara pula akan mengutamakan unsur-unsur alam semula jadi dan pendidikan berteraskan persekitaran. Selain itu, kerajaan dan MPPP sedang dalam tindakan membaik pulih pusat penjaja kepada *flat hills centre*. Konsep pusat penjaja ini adalah berteraskan mesra alam sekitar atau *eco-friendly*. Cadangan Yang Berhormat Pulau Tikus pula untuk menubuhkan satu *great institute* dan ada kawasan khas untuk menjalankan kempen tanpa beg plastik adalah satu cadangan yang baik yang boleh dipertimbangkan sekiranya kewangan mengizinkan.

Untuk Yang Berhormat Pemangku Ketua Pembangkang, saya kesal dengan sikap tidak bertanggungjawab beliau yang buat tuduhan palsu dan fitnah wujudnya transaksi rasuah oleh Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri yang berlaku di luar negara atau ditaja oleh pemaju semasa melawat Australia. Mujurlah beliau menarik balik tuduhan beliau kerana pasti beliau akan dikenakan tindakan.

Saya rasa kecewa dengan contoh Yang Berhormat tarik balik ini diikuti ramai dari Yang Berhormat Pembangkang yang buat tuduhan tanpa bukti dan memfitnah serta enggan mengakui kesilapan. Kerajaan Negeri sentiasa memegang teguh amalan prinsip CAT yang telah diterapkan semenjak pengambilalihan kuasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Setiap perancangan dan inisiatif Kerajaan Negeri adalah berdasarkan amanah dilaksanakan dengan penuh integriti. Kerajaan Negeri beriltizam untuk memerangi rasuah demi dengan kesemua kesungguhan kerja dan semua bekalan dengan *integrity fact*.

Untuk makluman Yang Berhormat *integrity fact* adalah aku janji untuk tidak menerima rasuah dan menerima rasuah daripada mana-mana pihak sebelum dan selepas ditawarkan projek yang dikandungkan di dalam dokumen tawaran dan *document contract*. Sekiranya ada keraguan yang terbukti maka *contract* ini boleh dibatalkan dengan bayaran ganti rugi. Perlu diingatkan urus tadbir yang bersih dan anti rasuah CAT bukan sahaja dipuji oleh Laporan Ketua Audit Negara untuk dua (2) tahun berturut-turut pada 2008 dan 2009 maka buat pertama kalinya di Malaysia kita disanjung oleh Badan Antarabangsa Anti Rasuah Terunggul *Transparency International*. Oleh itu dakwaan yang dibuat memanglah tidak berasas dan hanyalah bermotifkan politik. Sungguhpun mendapat taraf antarabangsa memerangi rasuah tetapi pihak Pembangkang masih ungkit tentang perkara yang tidak berasas seperti mengapa saya tidak masuk ke kediaman rasmi saya? Sebelum ini bila saya sewa pun jadi isu walau ia hanyalah rumah sewa. Rumah sewa biasa, kolam renang pun tak ada dan bukan macam istana pemimpin Barisan Nasional. Mahligai yang berpuluh-puluh juta ringgit, tapi sewa pun jadi isu.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Permatang Berangan, keseluruhan jumlah kos penyelenggaraan bagi Rumah Tetamu Seri Teratai. Bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah sebanyak RM211,360.46 ini hanya untuk tiga (3) tahun, hanya *maintenance* sahaja. Sebahagian besar peruntukkan ini disediakan termasuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan. Memanglah kerana kawasan ini agak luas kalau ini dibandingkan dengan kos pembaikan untuk kediaman rasmi Perdana Menteri yang RM211 ribu untuk tiga (3) tahun tetapi untuk kediaman rasmi Perdana Menteri pembaikan setahun sahaja RM65 juta. Ia adalah satu perbezaan besar di antara bumi dan langit. Ini betul-betul bumi dan langit, yang maha besar perbezaan dan jurangnya dan bila kita buat secara berhemah dan ini pula diperkotak-katikkan oleh pihak pembangkang.

Tapi RM65 juta setahun itu kediaman rasmi itu Yang Berhormat Perdana Menteri sunyi dan sepi. So, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kediaman rasmi ketika ini masih tidak boleh diduduki kerana bangunan tersebut masih dalam tempoh pengawasan oleh JKR dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri khususnya bagi rawatan anai-anai dan beberapa pembaikan kecil yang lain. Memandangkan bangunan ini merupakan bangunan yang sensitif dari segi

pemuliharaannya maka sudah pasti kos yang terlibat memerlukan sedikit perbelanjaan lagi.

Kos bagi pembaikan dan pengubahsuaian seharusnya digunakan untuk kepentingan rakyat dan saya rasa bukannya pada masa sekarang perbelanjaan ini dilaksanakan. Kalau nak belanjakan wang biarlah ianya dibelanjakan untuk kepentingan rakyat bukan ke atas kediaman rasmi dan saya rasa akan jadi isu dan bila kita tak pindah kita dipersalahkan bila kita pindah keluar kita pun dipersalahkan. Buat pun tak betul tak buat pun tak betul, dan saya rasa itu menunjukkan itu kejahatan UMNO dan bila kita nak jimatkan wang kerana tak mahu belanjakan wang untuk pengubahsuaian atau memperbaiki rumah kediaman rasmi oleh Perdana Menteri ini tidak diambil kira sebaliknya digunakan terus untuk hentam kromo Kerajaan Negeri. Atas usaha kita nak jalankan perbelanjaan berhemah dan berjimat cermat.

So dalam aspek ini Kerajaan Negeri tidak akan ikut amalan atau mencontohi apa yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di negeri lain atau di peringkat Persekutuan. Berpuluh-puluh juta dibelanjakan untuk kemudahan pemimpin-pemimpin negeri. Kalau kita nak buat ialah pada waktu yang lebih mengizinkan iaitu jika keadaan ekonomi telah baik pulih 100%. So, justerunya ianya bukan projek keutamaan atau yang perlu disegerakan maka pihak JKR perlu tempoh masa yang mencukupi untuk mengawasi keadaan bangunan tersebut.

Maka dengan ini dakwaan Yang Berhormat wujudnya *redundancy* dari segi penyediaan peruntukan tidaklah berlaku kerana rumah yang didiami oleh saya sekarang adalah disewa dan dibiayai oleh kewangan saya sendiri tanpa melibatkan wang Kerajaan Negeri. Sekian.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Saya ingin membuat penjelasan dari Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di sini saya nampak ada komplot untuk menjatuhkan imej Ketua Menteri kerana saya ada terima lima (5) soalan yang serupa mengenai kediaman rasmi Yang Amat Berhormat dan antara lima (5) soalan ini, tiga (3) soalan adalah *words by words* tidak lari ke mana. Ada satu soalan ID 449 yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Sungai Acheh yang berbunyi “Kenapakah kediaman rasmi Ketua Menteri tidak didiami sehingga sekarang sedangkan JKR telah mengesahkan bahawa keadaan rumah tersebut dalam keadaan baik dan peruntukan telah banyak dibelanjakan untuk baik pulih”?

Soalan dari Yang Berhormat Penaga ID 251 serupa juga “Kenapa rumah kediaman Ketua Menteri masih tidak didiami sehingga sekarang, sedangkan JKR telah mengesahkan rumah tersebut telah baik setelah banyak perbelanjaan untuk baik pulihnya”?, ID 211 Pinang Tunggal bunyinya pun serupa “kenapa kediaman rasmi Yang Berhormat Ketua Menteri tidak didiami sehingga sekarang sedangkan pihak JKR telah mengesahkan bahawa rumah tersebut dalam keadaan baik dan telah banyak wang belanja untuk membaikinya”?

Ketiga-tiga soalnya semua serupa *words by words* lagi dua (2) soalan. Ini ada sedikit beza tapi maksudnya tak lari. “Berapakah perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk membaiki dan mengubahsuaikan kediaman rasmi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan kenapa sehingga sekarang Y.A.B. Ketua Menteri tidak lagi berpindah ke kediaman rasmi berkenaan.” Ini adalah dari Sungai Dua ID no. 367 dan lagi satu Pulau Betong, Y.B. dari Pulau Betong, ID no. 242 serupa juga dia punya bunyi, “Berapa kos membaiki rumah kediaman rasmi Y.A.B. Ketua Menteri dan berapa jumlah kos penyelenggaraan bulanan yang terkumpul sejaknya dia dibaiki sehingga kenapa rumah itu masih tidak diduduki.” Jadi kelima-lima Ahli Pembangkang dari sebelah sana ini mengemukakan soalan yang *word by word* sama-sama ertinya nampaknya ada satu komplot supaya menjatuhkan maruah dan imej Y.A.B. Ketua Menteri kerana tidak duduk di kediaman rasmi itu.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd Salleh Bin Man):

Minta soalan tambahan. Jadi apa yang telah diperkatakan melalui soalan-soalan yang semacam mungkin itu satu tindakan permuafakatan, bersepakat untuk nak menjatuhkan atau bersubahat untuk nak menjatuhkan kredibiliti sebagai seorang Ketua Menteri, setuju atau tidaklah sejak dulu kini dan selamanya perangai buruk UMNO tidak pernah berubah yang kita rasa setiap kegagalan yang berlaku ini yang mereka telah laksanakan sebelum ini maka dipersalahkan bukan diri mereka sendiri maka pihak lain. Setuju atau tidak itu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. daripada Bagan Jermal dan juga daripada Permatang Pasir atas soalan tadi dan saya rasa memang ini adalah tingkah laku daripada pihak yang sudah tak ada modal, kerana mereka sudah bankrap tak ada modal itulah mereka akan reka perkara-perkara yang tidak berasas untuk membuat serangan seperti ini, tapi saya rasa rakyat akan bezakan siapa yang bersih siapa yang tak bersih, akan bezakan siapa yang betul-betul perjuangkan hak rakyat dan siapa yang perjuangkan hak kroni, siapa yang makruf dan siapa yang mungkar dalam kes seperti ini. Saya rasa bila perkara yang tak jadi isu dijadikan satu kontroversi yang dipaparkan dengan luas sekali dalam media massa utama yang dikuasai oleh BN.

Semua orang hanya dapat menggeleng-geleng kepala saja, tapi kalau kita lihat sebenarnya mengapa mereka begitu marah dan saya rasa kita pun pernah berkongsikan pandangan dan fikiran iaitu sebab utama mengapa UMNO begitu marah dengan Kerajaan PR Pulau Pinang ialah kerana Kerajaan PR Pulau Pinang merupakan Kerajaan pertama yang mengharamkan lesen judi bola bila ia diluluskan oleh Timbalan Menteri Kewangan iaitu Senator Awang Adek dan itulah yang mereka betul-betul geram yang lain-lain dia main politik, tapi ini geram kerana kita sudah potong sama dia punya jalan dan ini jalan bukan kecil itu habuan yang besar bukan setakat berpuluh, beratus-ratus juta saya rasa itulah sebabnya mengapa mereka begitu hasrat dengki atas keputusan ini yang secara langsung telah memaksa Kerajaan Persekutuan menarik balik keputusan awalnya untuk memberikan lesen judi bola kepada syarikat tertentu dan tetapi saya percaya sebagai sebuah parti dan juga pakatan baik daripada Pas, PKR ataupun DAP tetapi dalam Pakatan Rakyat kita bersedia untuk mengharungi sebarang cabaran

demi untuk menegakkan hak rakyat itu bukan satu perjuangan yang senang tapi kalau kita tabah hati dan kita terus berpegang kepada prinsip dan bertawakal kepada Tuhan. Saya percaya rakyat akan tahu dan saya pasti mereka pun tahu rakyat akan tahu bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat benar-benar sebuah kerajaan berjiwa rakyat.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.A.B. tidak duduk rumah itu bukan kerana rumah itu berhantu kah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bila saya duduk dalam rumah ini sepanjang saya ingat setahun lebih tak ada masalah tersebut, hanya anai-anai ini kerana kita takut kerana keselamatan kerana memang ada bangunan yang jatuh dan runtuh kerana anai-anai, so oleh kerana bimbang tentang keselamatan ahli keluarga saya barulah saya putuskan untuk berpindah keluar, apa yang disebutkan oleh Y.B. Dato' Speaker saya rasa tidak pernahlah saya berpeluang untuk merasai apa yang disebabkan pada pengalaman luar biasa.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin teruskan, Y.B. Sungai Bakap telahpun mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menimbang pemberian RM1,000.00 sebagai khairat kematian kepada waris ibu tunggal sebagai lanjutan daripada program sedia ada dan di sini saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa cadangan ini adalah satu cadangan yang baik dan akan dipertimbangkan bagi pelaksanaan masa depan kerana dari segi kewangan kita lihat sejauh manakah impaknya so ini kerana berdasarkan bajet 2011 sumbangan RM100.00 akan diberikan kepada golongan OKU dan ibu tunggal tentang RM1,000.00 ini dan buat masa ini oleh kerana keperluan kewangan ia dikhususkan hanya kepada warga emas melebihi 60 tahun yang telah meninggal dunia ataupun kembali ke rahmatullahlah.

Justeru Kerajaan Negeri terlebih dahulu ingin melihat impak pelaksanaan berkenaan memperluaskan pemberian wang penghargaan RM100.00 kepada OKU dan ibu tunggal sebelum melaksanakan cadangan untuk juga memberikan RM1,000.00 sebagai wang khairat kematian kepada OKU dan ibu tunggal so ini kita akan lihat dan akan kaji untuk bajet yang seterusnya tapi buat masa ini dan tahun depan kadar RM100 untuk OKU dan ibu tunggal. Yang selepas itu bila kita lihat macam mana impaknya Kerajaan Negeri akan mengkaji juga memperluaskan kepada wang khairat kematian. Y.B. Dato' Speaker berkaitan dengan cadangan Y.B. Pantai Jerejak, Padang Lalang, Paya Terubong, Permatang Pasir, Bagan Lalang, Pengkalan Kota, Sungai Pinang dan Jawi Kerajaan menerima baik sebagai cadangan rumah mampu milik seluas 650 kaki persegi dan memperketat syarat-syarat pembelian supaya ia tidak dihuni oleh warga asing, so semua perkara-perkara berbangkit akan dibincangkan ke dalam Lembaga Perumahan Pulau Pinang yang akan digubal pada keesokan hari.

Lembaga ini merupakan satu usaha murni dan bersejarah di Pulau Pinang untuk mengawal pembangunan secara terancang, mampan, efisien dan profesional tanpa menjejaskan bekalan perumahan mampu milik bagi golongan bawah. Kerajaan Negeri juga berharap Lembaga ini bukan saja menumpukan perhatian kepada pembinaan rumah baru tetapi juga pengurusan perumahan yang sedia ada khususnya rumah pangsa di Pulau Pinang. Bagi menjawab pertanyaan Y.B. Komtar berhubung kajian kesesakan lalu lintas di jalan raya negeri ini terutama di beberapa kawasan tertentu termasuk Jambatan Pulau Pinang yang kian dibanjiri

kenderaan dengan mengatakan tidak terselesaikan jalan pintasan menjalankan lebih banyak tapak *park and ride* dibuka bagi menggalakkan orang ramai bagi menggunakan pengangkutan awam ke tempat kerja mulai Disember tahun ini, kajian pelan induk pengangkutan awam Pulau Pinang bagi tempoh setahun akan dijalankan. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri telah memohon peruntukkan daripada Kerajaan Pusat untuk menaik taraf jalan persisiran pantai di bawah peruntukan RMKe-10 untuk sistem *park and ride* fasa pertama dan butiran terperinci saya akan terangkan pada Y.B. daripada Padang Kota, selaku merangkap Ahli EXCO Kerajaan Negeri tempatan dan lalu lintas untuk memberikan penjelasan yang lebih lanjutnya.

Y.B. daripada Seri Delima telah meminta bahawa Imam muda diberikan pengiktirafan saya dengan sukacitanya ingin memberitahu kepada dewan yang mulia ini Kerajaan Negeri telahpun memberikan pengiktirafan dan wang penghargaan kepada Imam Muda Asyraf dan tentu kita boleh menimbangkan apa-apa cadangan yang lain. Ini bukan hanya khusus kepada satu individu tetapi secara amnya sejak Pakatan Rakyat mengambil tampuk pemerintahan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri telah memulakan program untuk memartabatkan cendekiawan dan juga para-para ulama dalam Agama Islam di antaranya ialah para Hufaz dan juga sekolah Agama Rakyat. Sebelum ini para Hufaz tidak diberikan pengiktirafan malah saya rasa mereka hanya dibiarkan begitu saja tapi sejak 2008 bila Pakatan Rakyat memerintah kita selalu mengadakan upacara untuk meraikan kejayaan mereka dan setiap tahun demi tahun kita boleh lihat bilangan para Hufaz yang diraikan bertambah menunjukkan bahawa usaha yang dijalankan oleh Ahli EXCO Agama berkesan untuk menambah keilmuan dan juga ataupun orang-orang yang pakar dalam agama dan juga memperbanyakkan ruang untuk mendalami pendidikan agama.

Pada masa yang sama Kerajaan Negeri memberikan bantuan kepada sekolah Agama Rakyat ini juga buat kali pertamanya dilakukan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini seperti yang disediakan dimaklumkan oleh semua bantuan sekolah agama rakyat dipotong oleh Kerajaan Barisan Nasional tapi disambung balik pula oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dan saya rasa ini menunjukkan perbezaan yang amat jelas di antara yang dulu dan sekarang.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan cadangan Y.B. Batu Uban untuk membenarkan USM menjalankan kajian mengenai Taman Ekologi di Pulau Pinang berkaitan masalah kebakaran di Bukit Gambir di bawah pemaju kumpulan Sunway di mana didapati tiada bekalan air walaupun terdapat paip yang dipasang. Saya ingin meminta Y.B. untuk menunjukkan perkara ini kepada Y.B. Padang Kota yang boleh menjadi pemudah

cara di antara MPPP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dan juga dengan Y.B., saya rasa Y.B. akan aturkan satu mesyuarat di mana beliau akan bersama untuk menyelesaikan perkara ini.

Mengenai pelaburan dari tempoh Januari 2010 jumlah pelaburan yang telah diluluskan oleh MIDA ialah sebanyak RM2.25 billion sebanyak 73 projek. Daripada jumlah ini RM1.15 billion ialah pelaburan langsung asing dan RM738 juta ialah pelaburan domestik. Jumlah pelaburan baru ialah RM1.62 billion manakala jumlah

pelaburan dalam pemasaran ataupun perbelanjaan adalah sebanyak RM623.65 juta. Kerajaan Negeri akan berusaha gigih untuk mencapai sasaran pelaburan sebanyak RM4.2 billion pada tahun ini iaitu dua kali apa yang dicapai pada tahun lepas. Kerajaan Negeri sentiasa memperkukuhkan jalinan kerjasama di antara agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan yang terlibat dalam aktiviti pelaburan seperti MIDA, *Assembly Corp*, *Matrid*, *Multimedia Development Coperation*, *Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)* dan juga *Malaysian Bio-Tecnology Coperation* dalam usaha menarik pelabur asing dan tempatan melalui program dan seminar, perbincangan, sesi perniagaan atau usahasama yang komprehensif.

Maka Ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang bahawa kebanyakan pelaburan adalah inisiatif Kerajaan Persekutuan atau kerajaan terdahulu adalah tidak berasas sama sekali. Mengapa bila pelaburan kurang adalah salah Kerajaan Pakatan Rakyat tetapi bila pelaburan tambah mula bukan pandai Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Saya rasa ini semua tidak adil. Kerajaan Negeri menyambut baik saranan Y.B. Datok Keramat agar enakmen silaturahim kaum digubal bagi memelihara hubungan akrab yang telah terjalin antara kaum di Negeri Pulau Pinang. Enakmen ini kelak sudah pasti dapat dijadikan mekanisme untuk terus mempertahankan keharmonian kaum di negeri ini.

Kerajaan Negeri akan meneliti supaya pemakaian enakmen ini terus mengekalkan perpaduan kaum dan juga dapat menangani politik UMNO yang mainkan sentimen hasad dengki kaum. Kita akan membincangkan terlebih dahulu dengan Y.B. Penasihat Undang-Undang. Dalam keghairahan memenangi pilihan raya, UMNO sedang menekan api perkauman. Jelas sekali bukan saja untuk orang India dan Cina malah untuk orang Melayu miskin pun akan diabaikan kalau UMNO memerintah semula. Ini terbukti dalam skandal saham bumi RM52 billion. RM52 billion yang telah dikebas oleh pemimpin Barisan Nasional tanpa diberikan kepada orang Melayu atau Bumiputera yang miskin. Cuba bayangkan betapa besar impak sekiranya RM52 billion ini dipulangkan dan dibahagikan kepada Melayu dan Bumiputera miskin. Politik balas dendam juga terserlah dengan tingkah laku pegawai awam bersikap *little napoleon* yang bukan saja menjadi pejuang politik UMNO tetapi memusuhi rakyat Pulau Pinang dengan mensabotaj dan tidak menghormati Kerajaan Negeri. Macam mana kita hendak menjadi *world class* ataupun bertaraf antarabangsa sekiranya kita terus mendukung *little napoleon*. Kita harus menjauhi diri daripada pegawai *little napoleon* yang malangnya disokong oleh orang-orang atasan di Kerajaan Persekutuan.

Kalau kita hendak lihat model jadilah macam Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri atau pun Dato' PKN serta pegawai Kerajaan Negeri lain di mana

prestasi baik membolehkan Kerajaan Negeri menerima kepujian daripada laporan ketua audit negara dan bukan menunjukkan kecemerlangan kerana pandai tangkap orang atas. Kita hendak pegawai yang boleh menunjukkan prestasi yang baik dan bukan pandai angkat orang atas, itulah sebabnya Kerajaan Negeri memberikan wang kepada pegawai-pegawai Kerajaan Negeri yang menunjukkan prestasi Kerajaan Negeri memberikan wang sugu hati persekolahan sebanyak RM800.00 untuk akhir tahun ini berbanding dengan RM500.00 yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya ingin meminta agar semua pihak khususnya pihak pembangkang UMNO tidak mainkan hasad dengki kaum dan balas dendam terhadap Pulau Pinang kerana ia akan merugikan negeri dan negara. Jangan perlekehkan sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Negara Malaysia. Mengikut jawapan Y.A.B. Menteri Kewangan di Parlimen pada 2009, antara tahun 2001 hingga 2008, Pulau Pinang menyumbangkan sebanyak 19,147 juta dalam bentuk cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri dan 6,523 juta kepada Kastam Di Raja Malaysia menjadikan keseluruhan sumbangan kepada Kerajaan Persekutuan antara 2001 hingga 2008 sebanyak RM25,670 juta, 25.7 billion, .RM25,670 billion.

Jumlah 25,670 meletakkan Pulau Pinang sebagai penyumbang keempat besar di Malaysia selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Johor tetapi pemberian kepada kerajaan adalah pemberian kepada Negeri Pulau Pinang oleh Kerajaan Persekutuan pada tempoh masa yang sama hanya 794 juta. Hanya 3% daripada apa yang kita sumbangkan. Ini adalah satu ketidakadilan yang serius. Itu sebabnya kita harap bahawa Kerajaan Persekutuan boleh bekerjasama dengan Negeri Pulau Pinang kerana sekiranya Pulau Pinang derita yang derita juga Negara Malaysia. Sekiranya Pulau Pinang terus dipinggirkan dan dianaktirikan maka yang rugi pasti Malaysia sendiri kerana kehilangan negeri penyumbang keempat besar di Malaysia. Mari kita berganding bahu bersatu padu dan saling hormat menghormati agar mengecapi kemajuan dan kemakmuran secara bersama. Hanya dengan memartabatkan baru rakyat akan memartabatkan negeri dan negara. Sekian, saya pohon mencadangkan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Yang Berhormat seterusnya, Y.B. Bukit Tambun.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Dato' Speaker kerana mengizinkan saya untuk bersama dalam sesi penggulungan atas perbahasan Bajet 2011 yang telah pun dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.B. Dato' Speaker, kita amat memberi perhatian tentang Bajet-bajet yang telah dibentangkan dalam sesi sidang menangani negeri ini untuk makluman yang sepintas saya ingin sekali lagi memaklumkan kepada Ahli-ahli mesyuarat bahawa di bawah portfolio yang dipegang oleh saya ketiga-tiga jabatan untuk Bajet 2011 adalah seperti berikut. Untuk JPS peruntukan sebanyak RM11.56 juta telah pun disediakan di dalam maksud pembangunan dan ini berbanding dengan tahun 2010 yang cuma kita lihat RM7.42 juta kita lihat peruntukan bajet untuk JPS ditambah

setinggi 3 juta. Untuk Jabatan Veterinar tahun 2010 kita dapat RM2.98 juta maksud pembangunan untuk tahun 2011 kita mempunyai RM2.75 juta untuk maksud pembangunan. Ini kita lihat satu perbezaan yang kecil yang mampu kita atasi dengan program-program yang kita mampu laksanakan untuk jabatan pertanian tahun 2010 kita mempunyai bajet pembangunan sebanyak RM4.27 juta dan untuk tahun 2011 kita mempunyai bajet sebanyak RM4.47 juta. Satu peningkatan yang juga tidak banyak.

Y.B. Dato' Speaker, dalam penyediaan Bajet untuk ketiga-tiga jabatan ini kita lihat bahawa bukannya kita hendak memastikan pertumbuhan dan pengembangan aktiviti pertanian dan penternakan kita juga hendak memastikan sistem saliran yang baik dan juga kerja-kerja mencegah banjir yang efektif. Di samping itu juga kita tidak lupa bahawa kita perlu letakkan sasaran kerja yang penting dalam penyediaan Bajet 2011 di mana kita lihat bahawa dalam peruntukan Bajet Jabatan Veterinar, peruntukan Bajet yang besar telah pun kita sediakan di bawah maksud pengawalan pencemaran veterinar iaitu sebanyak RM1.09 juta. Jabatan Pertanian juga selain daripada program-program yang disediakan agenda yang penting juga kita letakkan di mana kita menyediakan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk program pembangunan Taman Pertanian di Relau. JPS juga dengan pertambahan bajet yang begitu tinggi kita pun telah meletakkan sasaran kerja yang penting dalam tahun 2011 iaitu kerja-kerja pencegahan banjir kita lihat bajet yang ditambah dengan begitu besar dari tahun 2010 RM1.7 juta ke RM3.8 juta di atas tajuk Pencegahan Banjir. Juga dalam tahun Rancangan Parit Utama kita lihat satu peningkatan bajet yang besar juga iaitu dari RM230,000.00 kita meningkatkan kepada RM1.3 juta. Ini antaranya beberapa kerja-kerja yang penting yang telahpun kita gariskan supaya dengan bajet yang telahpun kita sediakan kita bukan saja menjalankan kerja-kerja yang telahpun dimaksudkan tetapi juga mempunyai sasaran kerja yang penting.

Y.B. Dato' Speaker, kita amat bersyukur kerana Negeri Pulau Pinang kebelakangan ini tidak dilanda banjir yang serius kalau dibandingkan dengan Negeri Kedah ataupun Perlis tetapi kerja-kerja penyelenggaraan untuk sungai longkang ataupun parit oleh jabatan dan agensi seperti PBT perlu selalunya berada dalam keadaan yang bagus supaya faktor kita boleh mengawal itu sentiasa ada dalam keadaan cukup baik dan cukup kita dalam satu keadaan yang bersedia supaya selain daripada faktor yang kita tidak mampu mengawal kita selalu berada dalam satu keadaan yang mampu untuk meminimumkan keadaan banjir di Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, dalam ucapan perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat beberapa masalah telahpun atau pun soalan telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Datok Keramat telah pun sekali lagi membangkitkan bersabit dengan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa 2 di mana Y.B. Datok Keramat selalunya memberi perhatian yang begitu tinggi terhadap Rancangan Tebatan Banjir. Saya hendak memaklumkan kepada dewan ini bahawa status kini terhadap RTB Sungai Pinang Fasa 2 adalah sekarang kita berada dalam proses untuk penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat dalam projek ini. Peruntukan untuk penempatan semula ini pun telah disediakan dan dalam peringkat yang sama juga rumah kos rendah dan rumah untuk mereka yang terlibat dalam penempatan semula pun telah dikenal pasti.

Masalah-masalah yang kita hadapi sekarang adalah bukan setakat masalah teknikal, masalah-masalah teknikal, penempatan semula penduduk-penduduk situ tetapi juga dengan cara-cara kita hendak menyelesaikan masalah-masalah yang ditimbulkan dalam proses penempatan ini. Masalah penempatan juga masalah yang kita hadapi seperti yang disebutkan oleh Y.B. Datok Keramat iaitu terlibat juga bangunan-bangunan ibadat yang perlu kita elakkan supaya kita tidak

menjejaskan ataupun projek RTB ini boleh dijalankan lebih lancar kita telah pun melihat bahawa terdapat masjid yang perlu kita beri perhatian iaitu Masjid Khan Mohamad yang terletak di Jalan Perak dan juga satu kuil Seri Sivasakti di Jalan Datok Keramat. Di mana kedua-dua tempat ibadat ini terletak dalam kawasan projek. Masalah telah pun diatasi Y.B. Datok Keramat melalui perundingan bersama pihak masjid dengan mengambil sebahagian saja kawasan masjid yang melibatkan tandas dan tembok pagar masjid.

Bagi menangani masalah penempatan rumah berhala kuil Seri Sivasakti pula pindaan telah buat melalui *alignment* projek supaya laluan itu tidak perlu diguna dan tidak mengganggu struktur binaan rumah berhala tersebut. Selain daripada itu, untuk maklumat Yang Berhormat Datok Keramat, pembayaran pampasan juga telah pun kita mulakan melalui penyediaan cek-cek dan setakat ini 342 keping cek telah pun kita sediakan dengan jumlahnya RM3.38 juta. Keadaan pembayaran pampasan ini adalah kita telah pun membayar kepada 13 penghuni premis yang telah pun mereka berpindah dan antara formula pembayaran pampasan ini adalah kita mengguna pakai di mana kita membayar pembayaran 40% dari nilai pampasan sebagai tanda persetujuan untuk berpindah dan bakinya 60% akan dibayar pada peringkat kedua setelah penghuni premis itu berpindah dan premis itu dirobuhkan dan bagi rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah yang telah pun kita sediakan melalui MPPP dan Pejabat SSI.

Saya sendiri telah pun membuat lawatan supaya kita hendak memastikan rumah-rumah yang telah pun kita tawar itu adalah dalam satu keadaan yang boleh diterima oleh penduduk-penduduk dan untuk maksud ini juga MPPP telah pun diminta supaya memperbaiki ataupun membuat penyelenggaraan terhadap rumah-rumah yang telah pun kita bersedia untuk membuat tawaran. Kerajaan Negeri faham bahawa masalah teknikal yang kita hadapi khususnya dalam proses penempatan semula ini dan kita juga meminta bahawa penduduk-penduduk yang terlibat dalam projek tebatan banjir ini boleh mengangkat satu sikap yang lebih rasional supaya projek yang berkepentingan rakyat ini boleh dijalankan mengikut jadual yang kita tetapkan di mana kita berusaha supaya masalah penempatan ini kita boleh mendapatkan satu status yang memuaskan sebelum hujung tahun ini supaya kerja-kerja susulan ini boleh dilaksanakan secepat mungkin.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Laluan, penjelasan. Yang Berhormat Ahli EXCO yang berkenaan penempatan semula di bawah pelaksanaan Fasa 2 Rancangan Tebatan Banjir

Sungai Pinang ini dinyatakan tadi ada 342 cek yang telah disediakan dan dinyatakan juga sehingga kini 13 penghuni sahaja yang telah datang menerima cek-cek tersebut. Ini menunjukkan ada banyak yang masih belum tampil ke hadapan. Soalannya ialah sama ada mereka akan tampil ke hadapan sudah pun diterima atau tidak seterusnya tidak diterima apakah sebabnya sudah tentu kemungkinan besar ialah berkenaan jumlah nilai pampasan yang diberikan.

Sekiranya itu adalah keadaan, maka saya cadangkan memohon kepada pihak Yang Berhormat EXCO yang berkenaan supaya *inquiry* atau rundingan yang selanjutnya boleh dibuat dengan mereka supaya kita boleh capai satu tahap atau nilai yang dapat dipersetujui antara mereka dengan Kerajaan Negeri dan sekiranya ada jurang ataupun lebih yang diperlukan dari segi belanjawan untuk menampung kos penempatan semula tersebut, saya merayu kepada pihak Y.B. supaya dapat memohon daripada Kerajaan Pusat supaya menampung kos tersebut kerana ini adalah satu projek yang dibiayai sepenuhnya daripada Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Y.B. Datok Keramat. Memang dalam isu bayaran pampasan penempatan semula ini cek yang disediakan pada peringkat awal adalah seperti yang saya maksudkan iaitu 342 keping di mana telah pun sebahagian telah pun kita bagi kepada mereka yang telah menandatangani perjanjian yang mereka setuju untuk terima pampasan itu, tetapi dalam proses *inquiry* dan proses pembayaran pampasan ini tarikh cek telah pun hadapi masalah di mana telah luput. Ada sebahagian besar cek telah pun luput dan dalam status sekarang kita meminta kepada AG supaya kita dapat melanjutkan tarikh cek itu. Saya juga dapati bahawa melalui mesyuarat kita dapati bahawa memang ada penduduk di situ yang merayu bahawa pampasan yang dicadangkan itu kurang dan kita telah pun melalui surat yang dibuat melalui penduduk-penduduk yang membuat rayuan. Kita telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa di mana terlibat dengan jabatan Penilaian, Pejabat Tanah dengan JPS supaya kita boleh bertemu dengan penduduk yang telah membuat rayuan supaya satu cara yang lebih rasional yang lebih baik kita boleh selesaikan isu ini dan telah pun kita minta bahawa terlibat dengan Pejabat Yang Berhormat juga dalam isu perundingan apabila kita terima rayuan daripada mereka yang telah membuat ketidakpuasan hati tentang pampasan ini dengan ataupun dengan masalah-masalah yang lain, bukan sahaja pampasan. Ada juga masalah-masalah teknikal yang lain dan kita telah tubuhkan satu jawatankuasa untuk *go to the floor* supaya kita membuat kunjungan kepada penduduk di situ supaya kita bincang, selesaikan masalah dengan lebih eloklah. Ini kita akan laporkan kepada Datok Keramat dari semasa ke semasa. Di bahagian pencemaran sungai juga kita lihat itu satu juga isu yang penting di mana semakin tingginya kesedaran alam sekitar semakin banyak kita menerima aduan yang bersabit dengan pencemaran sungai.

Y.B. Telok Bahang juga telah membangkitkan kegunaan *E.M. Mud Ball* yang diguna sebagai satu cara untuk menangani pencemaran sungai. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat penggunaan *E.M. Mud Ball* itu adalah satu

kaedah yang berjangka pendek sahaja dan kita faham bahawa untuk merawat pencemaran sungai itu kita perlu lihat juga satu kaedah yang lebih holistik, iaitu kita perlu menangani sumber pencemaran itu dan tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri. Buat masa sekarang adalah kedua-dua satu jangka pendek yang kita mampu laksanakan melalui penggunaan *E.M. Mud Ball* dan juga kita kenal pasti sumber-sumber pencemaran yang telah pun mampu kita kenal pasti. Sebagai contoh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersabit dengan

pencemaran Sungai Pinang, kita pun telah membuat penyambungan sistem saluran *influence* daripada Pusat Penyembelihan ke sistem kumbahan IWK di Jelutong. Ini menunjukkan satu kaedah yang kita hendak menangani isu pencemaran ini dari punca dan kita faham terdapat banyak lagi punca-punca pencemaran sungai dan kita perlu menguatkuasakan dan supaya mereka yang membuat pencemaran sungai ini boleh disamakan melalui agensi-agensi penguatkuasaan seperti PBT dan Jabatan Alam Sekitar.

Yang Berhormat Jawi telah pun membangkitkan juga masalah yang bersabit dengan sungai iaitu hakisan tebing sungai di Kampung Telok Ipil yang telahpun dikatakan Kerajaan telah meluluskan projek tersebut dengan nilai RM5 juta. Yang Berhormat Jawi, ya, peruntukan kewangan sebanyak RM5 juta bagi mengatasi masalah hakisan tebing sungai di Kuala Ipil telah pun kita luluskan melalui Tabung Caruman Perparitan dan ini kita akan mempercepatkan projek mencegah hakisan tebing sungai ini dan saya rasa kalau tidak silap sekarang dalam proses penyediaan dokumen tender dan kita minta JPS supaya mempercepatkan dan bukan setakat sahaja kita membuat projek hakisan tebing sungai di Sungai Kerian iaitu satu projek hakisan tebing sungai, tetapi kita lihat kita perlu juga menambah nilai projek ini di samping kita mencegah hakisan tebing sungai kita hendak menjadikan lokasi itu sebagai satu lakaran pancing kepada mereka yang suka memancing di situ dan juga satu tempat yang membolehkan penduduk-penduduk sekitar berekreasi di tempat itu. Maka dengan siapnya projek pencegahan hakisan tebing Sungai Kerian ini kita lihat keadaan di situ akan menambah nilai dengan aktiviti-aktiviti rekreasi.

Sungai Acheh juga membangkitkan isu hakisan di mana telah pun Yang Berhormat Sungai Acheh minta supaya kawasan Sungai Kerian yang dekat dengan Taman Ilmu dan USM, Transkrian untuk dilihat supaya adakah projek-projek yang boleh kita laksanakan. Kawasan Sungai Kerian yang berdekatan dengan Taman Ilmu dan USM Transkrian buat masa ini tidak ada masalah hakisan yang ketara. Walau bagaimanapun, kawasan tersebut berpotensi juga untuk dijadikan kawasan rekreasi kerana terdapat ramai pengunjung ke kawasan tersebut untuk menjalan aktiviti memancing dan berekreasi. Kerajaan Negeri melalui JPS sememangnya mempunyai program untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai salah satu kawasan pengindahan dalam usaha menambah kawasan rekreasi sungai di Seberang Perai Selatan. Sehubungan dengan itu, program sejumlah RM500,000 telah dirancang untuk membangun kawasan itu dengan pembinaan jeti, wakaf dan siar kaki di sepanjang koridor Sungai Kerian tersebut dan saya rasa ini juga satu projek yang kita nak membawa kepada Seberang Perai Selatan di mana telah pun Kerajaan Negeri menubuhkan satu

Jawatankuasa Pembangunan Daerah SPS yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II dan juga Pengerusi Jawatankuasa Kecil.

Yang Berhormat Sungai Bakap dan saya juga ingin mengangkat kesempatan ini supaya memaklumkan kepada Dewan ini di mana di Seberang Perai Selatan, JPS bukan sahaja telah menyediakan projek untuk Kampung Telok Ipil, bukan setakat untuk yang dicadangkan di Taman Ilmu tetapi juga projek-projek pencegahan banjir yang telah pun kita lulus dan sedang kita laksanakan di mana

di Kampung Jawi, di Sungai Kechil, di Pekan Nibong Tebal, di Ladang Victoria telah pun kita luluskan projek-projek pencegahan banjir yang beratus ribu untuk kita memastikan kawasan-kawasan luar bandar ini dijaga dengan lebih baik supaya mereka tidak dibebani oleh masalah banjir.

Y.B. Dato' Speaker, Telok Bahang juga membangkitkan masalah yang saya rasa tidak begitu tepat di mana Telok Bahang telah menyatakan Kerajaan Negeri dilihat tidak prihatin kerana tidak menyatakan tentang pengeluaran padi dalam ucapan Bajet. Kerajaan Negeri dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi dalam adalah kita faham bahawa ia adalah satu kerja yang begitu penting untuk Negeri Pulau Pinang, di mana kita lihat juga dalam teks ucapan Bajet 2011, Kerajaan Negeri juga telah menyatakan bahawa kita akan meneruskan usaha pemodenan sistem perairan pelaksanaan Rancangan Pembangunan Sistem Saliran Petani dan rancangan pelbagai tanaman termasuklah pemodenan sistem pengairan bagi skim-skim jelapang padi. Bagi maksud ini melalui program pembangunan tanaman padi dan program bagi maksud ini melalui Program Pembangunan Tanaman Padi dan Program Pembangunan Kejenteraan melalui Jabatan Pertanian peruntukan sebanyak RM600,000.00 dan RM300,000.00 telah pun kita sediakan untuk maksud kedua-dua ini.

Selain daripada itu, untuk menjawab juga soalan Y.B. Sungai Acheh, Kerajaan Negeri telah punewartakan kawasan pengairan sawah padi di Pulau Pinang. Pewartaan telah dilaksanakan kali ini dengan lebih menyeluruh dengan mengambil kira faktor-faktor berikut, kelulusan tanah yang telah pun dipohon keluar dari warta juga faktor yang kedua mengambil kira pewartaan kawasan yang tertinggal semasa pewartaan yang terdahulu. Untuk makluman Ahli-ahli yang bermesyuarat pewartaan disebutkan terdahulu adalah 20 tahun yang terdahulu iaitu 1991 dan juga mengambil faktor pewartaan kawasan-kawasan baru yang dijadikan kawasan pengairan. Kawasan Warta Tali Air ini meliputi ini 13,842 hektar dan dari jumlah ini 12,782 hektar aktif dengan aktiviti tanaman padi manakala 1,060 hektar masih lagi belum diusahakan dengan tanaman padi dan kita lihat bahawa pewartaan kali ini adalah lebih *detail* di mana lot-lot nombor dan keluasannya sekali ada dalam maklumat Sistem Pewartaan Tali Air ini dan untuk juga dalam isu pewartaan ini.

Untuk makluman Y.B. Sungai Acheh pewartaan kawasan pengairan telah pun mendapat restu dan ditandatangani oleh T.Y.T. Yang di-Pertua dan juga oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang maka dengan itu kesemua lot-lot yang tersenarai dalam warta bagi kawasan pengairan Negeri Pulau Pinang termasuk di Seberang Perai Selatan telah sah secara resmi diwartakan semula di bawah seksyen 6 dan 7 Akta Kawasan Pengairan 1953 semua agensi di bawah MMK

Pertanian akan bersama untuk memantau kawasan-kawasan pengairan supaya tidak ada aktiviti-aktiviti lain dibenarkan dalam kawasan pengairan yang telah pun kitaewartakan dan saya ingin merakamkan tahniah dan syabaslah kepada JPS, Pertanian, Pejabat Tanah DBD dan JPBD kerana pewartaan selepas 20 tahun ini akhirnya dapat disempurnakan dan kita lihat bahawa dengan sempurnanya pewartaan ini maka mereka yang hendak menukar kawasan-kawasan sawah padi kepada tujuan-tujuan yang lain boleh kita memantau dan kita boleh mengambil tindakan melalui pewartaan ini dengan lebih jelas tetapi di dalam Dewan yang mulia ini juga.

Saya ingin memberi maklumat di mana selalunya kita terlepas pandang daya saingan pesawah padi kita di Negeri Pulau Pinang. Walaupun Negeri Pulau Pinang memang daya ekonomi kita terletak di perindustrian dan juga pelancongan tetapi dalam aktiviti pertanian juga misalannya padi yang selalu kita terlepas pandang di mana purata hasil padi Negeri Pulau Pinang sememangnya berada dalam tahap memang tinggi. Kalau mengikut laporan yang telah pun saya dapat dalam sesi yang lepas Negeri Pulau Pinang adalah negeri yang mempunyai hasil purata yang paling tinggi di Malaysia. Saya merangkul laporan ini untuk sesi yang lepas, Negeri Pulau Pinang mempunyai 5.39 tan dan di tempat kedua Selangor 5.37 tan keseluruhannya purata hasil padi bersih, dan untuk laporan yang terkini juga Pulau Pinang berada di tempat yang tinggi di mana tempat yang pertama Selangor mempunyai purata hasil padi 5.7 tan, Pulau Pinang duduk di tempat yang kedua mempunyai 5.4 tan dan yang akhir yang paling bawah adalah Sarawak 1.75 tan dan maklumat juga saya ingin sampaikan kepada Dewan yang mulia ini di mana selalu kita minta bahawa adakah petani kita mencapai sasaran 10 tan.

Maklumat yang saya dapat daripada Jabatan Pertanian juga menunjukkan ramai juga petani-petani kita mampu menghasilkan hasil lebih daripada 10 tan di mana rekod yang saya dapat seramai 11 orang mencapai hasil lebih daripada 10 tan, 15 orang mendapat hasil lebih daripada 9 tan dan ini adalah sedikit sebanyak yang di mana juga hala tuju Jabatan Pertanian, kita hendak jadikan peningkatan produktiviti hasil padi ini sebagai satu kerja yang penting kita tahu bahawa keluasan tanaman padi ini mungkin tidak sebesar dengan negeri-negeri jiran kita, tetapi adalah lebih penting produktiviti itu dapat dipertingkatkan melalui program-program yang telah pun kita sediakan dan kita lihat melalui hasil kita adalah cukup yakin bahawa program-program ataupun jenis-jenis bantuan yang telah disalurkan oleh Jabatan Pertanian adalah berhasil dan sebab-sebab juga pesawah padi ingin selalu hendak menukarkan bendang padi mereka ke tanaman yang lain. Antara sebab-sebab yang kita fahami adalah selalunya mereka yang mempunyai keluasan, usaha yang tidak lagi berekonomi dan juga tawaran harga belian tanah sawah yang menarik.

Faktor yang ketiga juga kawasan tanaman padi yang terlibat dengan projek pembangunan selalunya juga jadi sasaran dan keluasan tanah yang dimiliki oleh ramai pemilik yang menghadapi masalah mewarisi tanah pusaka ini tetapi daripada pandangan Jabatan Pertanian dan juga melalui usaha kita telahewartakan kawasan tali air cukup jelas bahawa Kerajaan Negeri memandang serius terhadap isu penukaran bendang padi kepada jenis-jenis tanaman yang lain, misalannya tanaman kelapa sawit kadang-kadang juga saya dalam isu

penukaran kegunaan sawah padi ini kita juga ada dalam satu keadaan di mana kita hendak memantau tetapi juga kita kadang-kadang juga hendak mengambil kira bahawa pesawah padi ataupun tuan punya tanah. Adakah melalui pertukaran tanaman mereka di tanah itu mampu meningkatkan pendapatan mereka, kalau mereka memilih kepada tanaman lain daripada padi mereka boleh mendapat pendapatan yang lebih bagus boleh mendapat satu rezeki yang lebih bagus, kadang-kadang juga menyusahkan pegawai-pegawai kita untuk menolak mereka untuk menukar kepada tanaman yang lain, dan ini adalah satu keadaan yang juga akan menguji kebijaksanaan dan juga dengan penimbangan yang perlu kita

mengambil kira bila kita menghadapi permohonan jenis begini, tetapi walau bagaimanapun dengan usaha Kerajaan Negeri yang tadi saya sebut kita mempunyai keazaman supaya dalam mengekalkan keluasan tanaman padi kita perlu juga mengambil kira faktor-faktor yang lain.

Y.B. Sungai Dua telah pun membangkitkan isu bersabit dengan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Juru di mana status TKPM ini adalah seperti berikut; Y.B. Sungai Dua bertanya tentang masalah bekalan fasiliti di tapak tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, anggaran kos penyediaan *sub station electric* di kawasan tersebut untuk sub sektor penternakan iaitu RM240 juta dan kerja-kerja *sub station* akan dimulakan pada awal tahun hadapan setelah kerja-kerja penyediaan infra-jalan, infra-jalan masuk ke tapak cadangan *sub station* ini diselesaikan. Anggaran kos penyediaan *sub station electric* di kawasan *sub sector* perikanan pula berjumlah RM200,000 dan kerja-kerja pembinaan pencawang elektrik sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada 30 Disember tahun ini.

Bekalan elektrik hanya akan dibekalkan pada tahun 2011 selepas siapnya kedua-dua pencawang berkenaan bagi penyediaan bekalan air kawasan aktiviti *sub sector* perikanan telah pun siap manakala bagi kawasan aktiviti *sub sector* penternakan akan dimulakan pada tahun hadapan. Bagi menjelaskan mengenai deposit pajakan TKPM Jabatan Kewangan Negeri telah mewujudkan akaun deposit amanah dalam akaun pajakan yang diurus oleh Jabatan Pertanian sehingga kini lapan syarikat telah pun membuat pembayaran deposit pajakan dan urusan penerimaan deposit pajakan akan diselesaikan pada minggu hadapan.

Y.B. Ahli Komtar telah pun membangkitkan isu MITP iaitu Malaysia International Tuna Port di Batu Maung di mana perkara ini telah pun banyak kali dan dibangkit juga dalam persidangan Parlimen dan untuk pembangunan MITP di Batu Maung ini saya juga merasa begitu kesal dan kecewalah dengan perkembangan yang terkini dan difahami juga melalui perjumpaan dengan Pengusaha-pengusaha Tuna kita dapati bahawa masa ke masa untuk Industri Tuna ini mungkin telah pun lepas daripada tinjauan-tinjauan pengusaha-pengusaha Tuna International ini, kita lihat bahawa MITP ini mempunyai infra yang bagus kalau dibandingkan dengan beberapa *port* pendaratan di rantau ini tetapi tidak cukup dengan infrastruktur sahaja faktor-faktor yang lain seperti pengurusan *port*, kos pendaratan dan juga industri sokongan faktor-faktor yang perlu juga perlu diambil kira, walaupun Kerajaan Negeri faham bahawa ini adalah satu projek Persekutuan tetapi kita juga berusaha untuk hendak membantukan supaya MITP

ini boleh diaktifkan semula dan bukan sahaja prihatin diberi melalui Jabatan Perikanan tetapi malahan Timbalan Ketua Menteri kita pun juga amat prihatin tentang isu MITP ini.

Satu rombongan telah pun kita adakan bersama dengan Timbalan Ketua Menteri supaya kita pergi melawat ke Negara Taiwan untuk mengetahui sebab-sebabnya mereka tidak hendak membuat pendaratan di Pulau Pinang dan faktor-faktor yang kita perlu mengambil kira kalau kita hendak menarik balik ke Penang International Port ini. Saya rasa usaha Kerajaan Negeri untuk membantu dalam

isu ini adalah amat jelaslah, tetapi pada peringkat ini pentadbiran dan pengurusan MITP yang dimiliki oleh *my force* Sdn. Bhd. dan LKIM agak susah juga Kerajaan Negeri untuk lebih aktif terlibat dalam usaha untuk membantu mereka di mana MITP sekarang telah pun diambil alih oleh LKIM secara langsung. Walaupun operasi MITP berjalan seperti biasa tetapi kadar *charge* yang dikenakan kepada pelanggan adalah berdasarkan kepada perjanjian konsesi usaha untuk mengurangkan kadar *charge* dan melaksanakan pelaksanaan fizikal adalah amat sukar. Buat masa sekarang, kerana tindakan undang-undang kes MITP masih berjalan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sedia untuk membantu mereka kalau perlu.

Y.B. Dato' Speaker, sebelum saya akhiri penggulungan saya satu lagi yang saya ingin maklum kepada Dewan ini bersabit dengan isu lembu dan kambing yang berkeliaran di kawasan taman perumahan dan jalan raya semakin serius. Beberapa kali, bukan sekali telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Bakap, Padang Lalang dan yang lain-lain. Kita memandang...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong bagi laluan. Sebelum Yang Berhormat sentuh mengenai lembu dan kambing saya ada satu persoalan iaitu isu penternakan kerang di Kuala Sungai Udang. Saya difahamkan kebanyakan tapak TOL bagi penternakan kerang adalah disewa daripada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dan kebanyakan penternak menghadapi masalah untuk menggiat penternakan dan aktiviti mereka di sana dan saya difahamkan pihak PNK Kawasan akan halau mereka sekiranya kenaikan sewa tapak tidak diterima oleh pihak Penternak Kerang. Jadi ini adalah satu perkembangan yang kurang sihat di sana. Saya difahamkan juga wang pelaburan untuk mengusahakan kerang di sana terpaksa melalui satu jangka masa yang agak panjang untuk mengembalikan modal mereka. Untuk mengatasi masalah ini saya minta Yang Berhormat kalau boleh minta kepada pihak Pejabat Daerah kalau boleh kenakan TOL secara persendirian kepada pihak penternak pengusaha bidang kerang ini supaya masalah yang dihadapi boleh dikurangkan. Ini satu masalah jangka panjang yang dihadapi oleh penternak kerang di Kuala Sungai Udang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Jawi. Memang dalam usaha kita untuk memberi satu status tanah kepada mereka yang melakukan aktiviti selalunya terlibat dengan hak kegunaan tanah. Saya amat serius dengan soalan yang diangkat oleh Y.B. Jawi

ini. Kita dapati bahawa penternak-penternak kerang ini juga menyampaikan aduan mereka melalui saluran-saluran tertentu dan saya juga minta supaya tapak-tapak penternakan kerang ini boleh disemak semula dan kita juga akan berbincang dalam Jawatankuasa Pertanian dan seterusnya dibangkit dalam Jawatankuasa Tanah bersabit dengan tapak-tapak penternakan kerang yang disewa kepada individu supaya menjalankan aktiviti penternakan pada hal lesen TOL ini diberi kepada PNK maksud Jawi.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang boleh kita lihat dengan lebih serius supaya dalam kapasiti saya sebagai EXCO, saya juga berpendapat bahawa mereka yang membuat ternakan secara langsung perlu mendapat TOL secara terus pada Pejabat Tanah di mana mereka boleh melaksanakan penternakan kerang mereka dengan lebih bagus dan tidak dihantui dengan syarat-syarat yang tertentulah. Tetapi masalah ini saya akan berbincang dengan lebih lanjut melalui mesyuarat-mesyuarat yang akan saya adakan selepas Dewan ini. Mungkin kita akan menjemput Y.B. Jawi supaya boleh juga menyalurkan maklumat supaya kita boleh cari jalan yang lebih bagus. Kita membela kepentingan penternak-penternak kerang ataupun hak-hak penternak-penternak kerang di kawasan Jawilah. Saya nak teruskan dengan isu lembu dan kambinglah.

Isu Lembu dan kambing yang berkeliaran sepertimana yang disebutkan adalah satu masalah yang cukup menyusahkan pihak PBT, Jabatan Veterinar mahupun Pejabat Tanah dan Daerah yang mana kita lihat kalau tidak membuat satu pengurusan ataupun pengawalan terhadap lembu-lembu dan kambing-kambing yang berkeliaran ini akan juga menimbulkan masalah sosial yang mana Y.B. Sungai Bakap, tapak permainan telah menjadi tempat lembu dan kambing bermain di situ. Di jalan raya juga adalah juga amat bahaya untuk pemandu jalan raya. Y.B. Padang Lalang dan Sungai Bakap, antara usaha Kerajaan Negeri dalam memerangi isu lembu dan kambing yang berkeliaran di kawasan perumahan dan jalan raya adalah seperti berikut:-

- (1) Melalui Jabatan Veterinar, kita telah membuat penandaan berwarna tag ke atas haiwan ternakan secara berperingkat mengikut nama pemilik dan daerah. Sekiranya haiwan ternakan ini didapati berkeliaran, haiwan tersebut akan dikenal pasti dan dipanggil untuk berbincang. Tujuan untuk berbincang adalah untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh penternak.
- (2) Bagi pemilik haiwan ternakan yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan, kompaun akan dikenakan dan haiwan ternakan yang ditahan dan yang tidak dituntut kemudian akan dilelong.
- (3) Mengambil langkah untuk mengenalpastikan beberapa kawasan yang bersesuaian yang mana peringkat sekarang kita telah pun mengenalpastikan beberapa lokasi yang telah pun kita bincang dalam Jawatankuasa Tanah supaya lembu-lembu atau haiwan ini boleh ditempatkan di tempat yang lebih sesuai seperti di Kuala Sungai Pinang telah pun kita pastikan

satu tempat supaya aktiviti penternakan lembu dan kambing dapat ditempatkan di situ.

- (4) Memastikan bilangan lembu dan kambing mempunyai lesen yang sah. Melalui lesen yang sah, pemilik perlu mematuhi peraturan lesen yang ditetapkan seperti memastikan najis haiwan ternakan yang bertaburan di atas jalan raya dibersihkan dan memakai jaket keselamatan semasa membawa haiwan ternakan ke padang ragut.

Ini adalah beberapa usaha yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Veterinar tetapi saya juga tahu melalui usaha PBT, MPPP dan MPSP mereka juga sedang usaha supaya juga bersama-sama memerangi isu lembu dan kambing yang berkeliaran ini. Tempat-tempat *force port* yang selalunya bermasalah ini telah pun dikenal pasti oleh Jabatan Veterinar dan peringkat ini kita sedang berusaha untuk mencari lokasi-lokasi yang sesuai supaya bagi penternak mereka juga boleh rela nak berpindah ke tempat-tempat yang dikenal pasti dan supaya satu pengurusan kandang yang lebih bagus boleh dijalankan atas aktiviti ini dan seterusnya kita...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta sedikit penjelasan. Terima kasih. Kepada Y.B. Bukit Tambun memang terdapat jawapan tetapi pada pandangan saya masih kurang jelas. Adakah *date line* untuk Kerajaan Negeri menunaikan apa-apa yang tadi Y.B. sebut kata di mana tempat yang akan menentukan tapak yang sesuai sebab isu-isu lembu dan kambing yang melepak di atas jalan bukan sehari dua, ini sudah berpuluh tahun dan saya harap kita jangan hanya agak-agak hari ini atau bulan depan sampai penggal yang baru kita masih bersempang isu lembu kambing melepak di atas jalan. Sebab ada beberapa isu sebab alam sekitar kurang dijaga dan bau busuk, kacau ganggu tanaman orang-orang semua diganggu oleh ini lembu kambing dan bila masa bicara di atas jalan raya memang merbahaya, dan di kawasan Paya Terubong, pernah terdapat sudah berlaku *accident* dan isu ini kita tidak boleh diselesaikan dan slogan kita kata Kerajaan Berjiwa Rakyat nampaknya binatang diutamakan dan bukan rakyat diutamakan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

Minta laluan. Saya memang sokong dan setuju dengan apa yang dikatakan oleh Padang Lalang. Jawapan Yang Berhormat tadi tidak lama selalu kata nak cari lokasi-lokasi dan saya memang difahamkan oleh Jabatan Veterinar bahawa lokasi telah dibincangkan dan ditentukan di Kuala Sungai Pinang. Jadi saya ingin tahu apakah tindakan selanjutnya yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini sekiranya penternak-penternak degil dan *refuse* untuk berpindah ke lokasi yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Y.B. Paya Terubong dan Padang Lalang. Itu menjadi masalah yang susahkan jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang terlibat. Misalannya di bahagian pulau kita telah kenal pasti bukan kenal pasti sahaja, kandang pun telah disediakan di Kuala Sungai Pinang tetapi menghadapi masalah mengambil segala alasan mereka tidak hendak berpindah ke situ, ini adalah masalah yang dihadapi. Kalau kita hendak memaksa mereka, berpindah ke situ mereka tidak rela berpindah ia menjadi masalah juga. Baiknya kalau kita juga boleh mengambil kira faktor penternak di dalam usaha kita nak mencadangkan tempat-tempat yang sesuai untuk dipindah maksud. Maksud-maksud sesuai selalunya atas budi bicara masing-masing, di mana kita rasa cukup baik memindahkan mereka ke Kuala Sungai Pinang tetapi mereka yang membuat tindakan di Paya Terubong, mereka

tak mahu pergi so kalau kita nak paksa mengambil tindakan *yes i think* MPPP pun telah diberi arahan supaya kalau mereka tak nak berpindah mereka tanggung risiko. Tetapi ini bukan satu cara yang secara keseluruhan menyelesaikan masalah ini dan cukup susah juga kita nak pengenalpastian lokasi yang begitu dekat tempat mereka membuat penternakan sekarang. Mesti ada satu jalan yang mereka perlu berpindah dan inilah selalunya menjadi halangan oleh penternak mereka tidak rela nak berpindah ke tempat-tempat yang dicadangkan.

Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa isu lembu dan kambing ini yang berkeliaran ini adalah satu yang perlulah Kerajaan Negeri menangani walaupun saya mengeluarkan sedikit pandangan yang berbeza dengan Yang Berhormat tetapi saya rasa dalam status sekarang bukan saja di Pulau kita kenal pasti tetapi di Seberang kita sudah pun kenal pasti selalunya kalau kita memaksa dan mengangkat satu langkah yang lebih keras terhadap penternakan ataupun penternak begini itu adalah satu langkah yang paling akhirlah sebelum kita mengambil satu tindakan yang amat keras terhadap mereka tapi untuk Padang Lalang juga jangan risau dua orang penternak di kawasan Yang Berhormat kita telah kenal pastikan di satu tempat yang lebih dekat dan kita rasa kita boleh mungkin boleh memulakan perpindahan ini dalam jangka masa yang pendek ini tetapi juga saya minta supaya Ahli-ahli Kawasan kalau ada masalah yang sedemikian juga *try to proceed* lah nasihatkan penternak-penternak itu supaya boleh dipindahkan ke tempat yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri supaya mereka tidak menangguhkan orang ramai saya rasa Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya ..(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Saya rasa belum-belum lagi sedikit lagi, terima kasih Y.B. Bukit Tambun walaupun sudah bagi penjelasan begitu terang tapi pendapat saya di Seberang Perai kita ada 290 lebih dan kambing dengan lembu 750 lebih dan cuma dua saja untuk menempatkan semula kandang lembu saja kita ambil masa setahun lebih dan saya tak tahu sejak tahun bila nak selesaikan sebegitu banyak. Saya rasa kita kena mengambil budi bicara baik tapi kalau pada pandangan saya undang-undang tetap undang-undang jikalau yang penternak nak tempat itu lebih terdekat dengan kediaman memang tak sesuai dan adakah Kerajaan Negeri kita ada *politic will* menjalankan tugas sebab mungkin daripada segi Kerajaan Negeri kita ada 1000 alasan untuk kata susah payah nak pindah ini tapi pandangan untuk orang awam mungkin rasa ini adalah satu kelemahan untuk kita, lembu dan kambing pun tidak

boleh dijaga dengan elok jangan pandang lain-lain kita boleh buat apa lagi jadi kalau kita bercita-cita nak ke Putrajaya pada pandangan saya lebih baik selesaikan isu lembu, kambing lempar di atas jalan raya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Y.B. Padang Lalang mungkin perlu faham juga ini saya rasa kalau nak bicara tentang aktiviti penternakan yang berhampiran dengan rumah, saya mempunyai hujah yang lain juga di mana Y.B. Padang Lalang perlu tahu juga adakah mereka pergi menghampiri kawasan perumahan ataupun perumahan pergi menghampiri kawasan penternakan. Ini adalah pendapat yang lain atau hujah

yang lain dan saya tak mahu nak masuk ke topik ini di mana saya rasa kadang-kadang Yang Berhormat-Yang Berhormat perlu tahu juga kalau kita nak menangani isu penternakan ini juga kita perlu juga menangani perancangan perumahan, perancangan tertentu saya nak contoh-contoh yang begitu banyak membuat contoh kepada Y.B. Padang Lalang di mana kalaulah Yang Berhormat faham bahasa ternakan, bahasa haiwan, saya rasa mereka mengeluarkan lebih banyak aduan daripada manusia kalau nak berbicara sedemikian kerana banyak yang perumahan-perumahan kerana atas nama pembangunan kita perlu pergi mendekati kawasan ternakan. Kawasan pertanian yang di mana kita rasa tidak boleh kita tolak pembangunan so adalah jadi juga satu faktor yang keadaan ini timbul tetapi bukannya kerana alasan ini.

Saya ataupun Kerajaan Negeri tidak pandang serius terhadap masalah sedemikian tetapi ia adalah satu masalah yang ber *structure problem* bukan masalah individu kalau masalah kes begitu senang tetapi macam mana pun kita ambil pandangan Y.B. Padang Lalang, memang kalau kita nak menangani isu ini antaranya adalah satunya *political view* untuk menangani isu inilah tetapi juga kalau kita memang mengambil kira juga pandangan daripada penternak kita sentiasa juga perlu *balance* kan kedua-dua ini supaya satu langkah yang boleh diterima oleh kedua-dua pihaklah dan tidak jadinya satu pihak yang rugi tetapi satu pihak yang untung saja so saya rasa pandangan dan daripada Y.B. Padang Lalang itu kita akan ambil maklumlah. Saya ingat itu sahaja Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Persilakan Ahli Y.B. Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Terima kasih Y.B. Dato' Timbalan Speaker. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua ADUN yang telah berucap dan kreatif mencadangkan dan juga berbohong dalam Dewan yang mulia ini atas Y.B. menyentuh portfolio saya dan juga saya ambil kesempatan ini ingin mengucapkan selamat Hari Deepavali kepada semua kaum Hindu dan untuk orang beragama Islam Selamat Hari Raya Korban.

Di sini. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya inginkan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga UPEN, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar dan Perhutanan khususnya dan semua agensi-agensi kerajaan amnya yang telah bekerja kuat dan cemerlang kerana kerja kuat mereka dari pelbagai Program Kesedaran yang telah dijalankan sejak tahun 2008 memang amat berkesan sekali. Di sini saya ingin rakamkan bahawanya prestasi daripada tahun 2007 iaitu Disember jumlah penerima bantuan am daripada Jabatan Kebajikan 7,397 dan pada kini sehingga Oktober 2010 jumlah penerima bantuan adalah 19,023 bermaksud lebih dua kali ganda ini bermaksud bahawa Kerajaan Negeri amat prihatin kepada orang-orang miskin di Pulau Pinang dan bantuan telah sampai kepada mereka dan khususnya adalah satu program yang selalu Barisan Nasional cuba putar belit adalah Program BOT atau Bantuan Orang

Tua pada tahun 2007, 31 Disember hanya 1,966 kini, 10 Oktober terdapat 6,095 Bantuan Orang Tua ini tiap-tiap bulan mereka menerima RM300.00. Dulu saya nyatakan di sini walaupun saya ingin memaklumkan pada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat Kerajaan Negeri telah melancarkan beberapa program *social transformation* khususnya Program Pembasmian Miskin Tegar, Program Penghargaan Warga Emas, Kesedaran OKU dan... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Y.B. Terima kasih Y.B. Sungai Puyu saya ingin tanya adakah kerajaan berhasrat untuk mengambil apa-apa tindakan ataupun membuat laporan Polis berkenaan dengan pengambilan balik wang RM100.00 daripada warga emas yang kononnya diambil balik daripada warga emas tetapi sehingga hari ini memang tidak dikembalikan supaya tindakan ataupun siasatan dibuat untuk kita mengetahui adakah sebenarnya wang itu dikembalikan oleh warga emas yang mendapat wang itu ataupun ini keduanya adalah satu agenda politik pihak UMNO dan yang ketiganya kalau betul wang itu betul-betul dikutip mengapa tidak wang itu dikembalikan sehingga sekarang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Terima kasih. Saya akan sampaikan sebentar lagi yang itu kata saya juga amat berasa amat dukacita bahawa dalam *social transformation* ini seperti program untuk Ibu Tunggal saya tidak dapat apa-apa kerjasama daripada Kementerian Pembangunan Wanita dan hari ini saya tidak di Dewan yang mulia pada malam saya dengan bahawa ini Ahli Y.B. Teluk Air Tawar menghebat-hebatkan kehendak tolong-menolong Ibu Tunggal tetapi bila saya minta data-data melalui UPEN, UPEN tulis surat dia pun tak mahu bagi kerjasama itulah orang kata Satu Malaysia tipu kuat, Y.B. Dato' Timbalan Speaker..(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Y.B. sedikit saja, minta maaf. Adakah ini bermaksud bukan saja Program Membasmi Miskin Tegar tapi semua program-program kebajikan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mendapatkan apa-apa sambutan atau bantuan atau kerjasama daripada semua Yang Berhormat

daripada Pembangkang adakah ini diambil oleh mereka untuk jumpa dengan Yang Berhormat mendapatkan maklumat, borang-borang dan sebagainya umpamanya katakan Borang Pemberian RM100.00 kepada warga emas atau mana-mana Program Membasmi Kemiskinan, menjaga kebajikan orang-orang miskin di kawasan-kawasan mereka adakah apa-apa bantuan kerjasama diberikan oleh mereka atau mereka langsung tidak pedulikan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ahli Y.B. Seri Delima, memang bila umumkan Program Penghargaan Warga Emas saya sendiri telah berhubung dengan Ketua Pembangkang dan ahli Y.B. Telok Bahang, saya memohon mereka beri kerjasama supaya datang ke Kompleks Masyarakat Penyayang untuk ambil borang-borang itu mereka kata

mereka tak senang tak mai angkat saya lagi masih simpan satu harapan bahawa mereka boleh bersama-sama saya untuk menjalankan tugas ini tetapi amat dukacitanya bahawa dalam membuat pendaftaran saya telah dapat beberapa banyak teguran daripada khasnya Ahli Y.B. Penaga mengatakan bahawa jangan isi borang itu, bila isi borang itu sudah jadi apa jadi Ahli DAP itulah sikap mereka dan juga saya dah nampak bahawa Y.B. Seberang Jaya bahawanya bila saya semasa ada di Dubai, dia nak telefon saya kata nak borang, saya cukup gembira saya cakap akan bagi bila saya balik tapi dia juga tak mai pejabat saya dia juga tulis sepucuk surat kepada Y.B. Timbalan SUK nak minta daripada SUK saya enggan nak bagi itulah perangai mereka dan di sini apabila diumumkan saya juga dapat banyak teguran daripada mereka haknya RM100.00 mereka hina warga emas dan lagipun ada mengatakan bahawa ini orang kata ini ada rasuah tetapi ada yang dikatakan Kerajaan Negeri juga akan jalankan tugas juga kerana Program Penghargaan bukan Sumbangan Penghargaan dan amat jelas di sini dan apabila mereka mengatakan bahawa duit ini daripada *Turf Club* haram, semua penjelasan tetapi mereka degil atau mereka "*vien*". Tahu tak apa itu "*vien*", "*vien*" itu "*bonau*", "*bonau*" tak ada otak.

Y.B. Permatang Pasir telah bagi penjelasan panjang dan semua orang faham tetapi mereka tak berapa faham atau tak mahu faham dan cadangan daripada Ahli Y.B. Datok Keramat dan daripada Y.B. Seri Delima bahawa kehendak adakah buatlah laporan Polis pernah memang dalam surat khabar lebih daripada 1000 orang telah kembalikan wang itu kalau seratus memang seratus ribu lebih tetapi pada hari itu bila dia dalam Dewan yang mulia ini telah semua hari kedua mereka datang dengan RM23,700.00 mengapa begitu sedikit dia kata sudah ada belanja. Ada bayar RM1.00, ada bayar RM5.00, ada bayar RM10.00 tetapi jumlah mengapa hanya RM23,700.00, mengapa hanya cuma RM23,700.00. Ahli Y.B. Datok Keramat kata nak cadangkan buat laporan Polis, saya ada kata saya tidak yakinlah, kenapa saya tidak ada keyakinan untuk buat laporan Polis pihak Polis pun tak akan siasat bukan Polis tak mahu siasat Y.B. Dato' Timbalan Speaker, bukan Polis tak mahu siasat kerana mereka takut kepada orang atasan khasnya apabila satu kenyataan IGP nya hendak berhenti dia kata saya tukar kerja kerana ada campur tangan pada orang atas contohnya saya tunjuk satu bukti saya tidak tahu Dewan ini telah diperalatkan oleh sesiapa kerana saya telah menerima satu surat dan kemungkinan mereka adalah tidak puas hati kepada UMNO mereka bagi tau sama kami dan kandungan dia kata apa, "Membuat laporan Polis atas

Ketua Pemuda Mohd Zaidi Said pada 1hb Ogos 2007 Perai report, nombor report 014/07 siasatan di bawah 376 Kanun Keseksaan ini kes apa, ini kes apa? Ini... (gangguan) kes ni kata kes.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kes rogol.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Dia tulis di sini, dia tulis di sini semua ...(dengan izin), Y.B. Dato' Timbalan Speaker boleh saya baca sedikit saja, Nor Azliana binti Ramli, 28 tahun bekas staf EON Taman Inderawasih, jawatan sekarang sebagai *Sales Executive Pearl View Hotel*, Taman Chai Leng, beralamat di No, 1133, Jalan Tunku Putra, Kilang Sagu Baru Kulim, dia kata apa mengaku dipukul, dirogol, diliwat oleh Mohd Zaidi Ketua Pemuda UMNO Permatang Pauh pada 26 Oktober 2006 di No. 11, Halaman Kikik, Taman Inderawasih, Perai.

Ahli Yang Berhormat daripada Datok Keramat kes macam ini, laporan Polis pun ada, semua pun ada, siasat, ini nak siasat ke? Ingat saya nak siasat ke? Saya tak ada keyakinan kerana kes rogol pun tidak boleh disiasat. Kalau kes kata kewangan hilang sedikit, dia kata sedikit saja. Dia tak ada bukti, betul tak? tetapi kalau *mental principle* kalau Ahli Yang Berhormat buat laporan, boleh buat laporan. Amat dukacita oleh Ahli Yang Berhormat daripada UMNO di sini tidak menjawab kerana saya juga ada dengar kes besar pun tak siasat, kecil pun tak besar. Bukan kerana ada satu kes, mereka ada beritahu, saya tak tahu betul ke tak betul ke? Tetapi ada salah guna kuasa, kalau dia ada hari ini, saya nak dia bagi dia satu pintas bersihkan nama dia sendiri, bersihkan nama anak dia kerana dia ada satu tuduhan, tuduhan apa bahawa anak dia terlibat dengan satu kes tipu dan laporan Polis telah dibuat, tetapi tidak boleh siasat kerana bapa dia adalah seorang Y.B. Kalau macam ini kes tipu tak boleh disiasat, kalau kes rogol tak boleh disiasat apakah harapan jika saya minta Ahli Yang Berhormat Datok Keramat pergi buat laporan Polis bahawa kewangan telah hilang. Betul tak? Ya, hati nak buat laporan tetapi memang tau ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, tapi Yang Berhormat dalam kes ini saya terima nasihat yang diberi oleh Yang Berhormat, tapi tugas kita harus dilaksanakan juga, saya khuatir, kita sebenarnya risau bahawa warga emas-warga emas yang sebenarnya memerlukan wang itu telah dinafikan penggunaan wang tersebut dan kita mempunyai suspek-suspek dan saya guna istilah undang-undang. Tidak lain suspek-suspek yang muka mereka tersiar dalam surat khabar, siapa lagi ketua pembangkang Y.B. Penaga, suspek utama, kita buat laporan Polis kerana dia adalah suspek utama, kerana dia adalah orang yang dipaparkan dalam surat khabar menunjukkan, menggunakan satu tong untuk mengutip wang tersebut. Soalannya di manakah wang itu disimpan? Dalam akaun siapa? siapa yang mengutip faedah wang itu, bagaimanakah wang itu sampai kepada tangan Norman Zahalan? Dari tangan Norman Zahalan kepada Yang Berhormat Telok Bahang dalam perjalanan wang ini *the change of evidence* kalau kot-kot RM20.00,

RM5.00 duk hilang, masuk poket siapa, dan kalau orang itu masih tidak sampai ke tangan kita lagi, boleh kita biarkan benda ini berleluasa berlaku, jadi memandangkan suspek-suspek sudah pun ada, kita buat laporan Polis tengoklah sama ada pihak Polis boleh menyiasat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya, memang Ahli Yang Berhormat kepada Seri Delima berhak untuk membuat laporan Polis, itu juga tugas seorang sebagai wakil rakyat bila nampak ada satu masalah, *you* ada berhak untuk buat laporan Polis *as a matter principle* yang saya rasa bimbang tidak akan siasat kerana ini RM saja lah, Ringgit Malaysia atau *refer to Majistret*, ini saja, kalau nak buat laporan Polis, buatlah laporan Polis. Saya tidak berkeyakinan kerana macam bekas IGP dia nak bersara, dia kata

selalu ada kes-kes penting, bila ada kes-kes penting dia menghadapi masalah campur tangan daripada orang atasan. Siapa orang atasan, dia tak sebut. Apa kes tu tak sebut, tapi di sini saya beritahu bahawa mengapa dewan ini diperalatkan oleh orang tertentu...(gangguan), berkenaan dengan satu kes Pemuda UMNO di hantar ke sini, saya tak faham.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya juga ingin mengatakanlah bahawa sememang ada salah laku terhadap wang yang telah diterima oleh pihak UMNO, selalunya laporan Polis harus dibuat dan Polis boleh siasat sama ada, ada elemen jenayah yang terlibat, tetapi saya juga kongsi kekhuatiran Y.B. Sungai Puyu yang tadi menyatakan bahawa IGP sendiri atau yang bekas IGP sebelum dia bersara menyatakan ada banyak campur tangan terhadap banyak laporan-laporan yang dibuat. Tetapi, sekiranya kita nak menjustifikasikan kekhuatiran kita terhadap apa yang dikatakan IGP kekhuatiran kita semakin dijustifikasi ataupun disokong memandangkan apa yang berlaku di parlimen baru-baru ini di mana selain daripada IGP sendiri yang mengatakan itu, Menteri Dalam Negeri, Hishammudin tak mahu menjawab soalan Ahli Parlimen daripada Puchong kerana dia takut, takut nak jawab, sampai tanya-tanya dia ditendang keluar, so tiada jawapan. Kita sememang khuatir kepada Polis, dan Polis di bawah Menteri, Menteri sendiri tak mahu jawab, *the facts speak itself*.(dengan izin) Yang Berhormat Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Kita satu belum habis pukul semua, demikian saya merayu bahawanya, seorang Y.B. buat laporan Polis dan harap dia boleh siasatlah. Tadi saya umumkan kepada UMNO dia kena tunjukkan bahawa dia akan siasat. Supaya siasat kalau dia benar, undang-undang, jika dia tak dak bagi satu peluang kepada puak UMNO ni untuk bersihkan nama, *I'm not saying that he is guilty because siasatan*, tetapi kerana kes rogol tua-tua pun tak dapat tindakan yang saya amat khuatir mereka akan hantar surat. Surat macam ini hantar mai Dewan, ini satu perkara yang penting harus disiasat.

Oleh demikian saya nasihat bahawa selepas keterangan Ahli Yang Berhormat daripada Permatang Pasir dan hari ini penjelasan terhadap UMNO yang selalu kata mereka tidak terlibat dengan RM100.00 minta orang tua kembalikan wang mereka keluar dengan satu kenyataan kata UMNO tidak terlibat dan wang yang diserahkan kepada warga emas itu wang haram.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta laluan, sedikit sahaja. Saya tak mahu memperlekehkan prosiding Pembangkang tak ada pun kita tak boleh syok. So, oleh itu, saya ada ruang untuk tanya. *Actually* apa yang saya nak bangkitkan berkenaan dengan RM100.00 yang didakwa ialah wang haram. Saya akan bangkitkan hujahan saya, sekiranya itu tidak benar dan itu telah dibuktikan tidak benar oleh pihak Kerajaan Negeri. Selain

ia merupakan satu dosa dia merupakan satu fitnah dan sisi undang-undang satu tindakan undang-undang boleh diambil untuk saman fitnah. So saya telah berhujah memohon dan mencadangkan supaya satu saman itu dapat diambil, dan kita cadangkan satu jumlah RM20 juta, untuk ganti rugi teruk dan teladan, dan daripada poket Penaga sendiri sudah tentu duit itu halal punya, so kita pakai itu duit so saya haraplah saya pasti halal dan saya salurkan pada warga emas pada tahun yang akan datang. *Actually the Dewan not need*, saya cadangkan kepada Penasihat Undang-undang Negeri supaya *because this is the serious allegations its not the laughing matter actually, its a serious allegations which I think really-really assume* Sungai Puyu, so this can be done. That is my suggestion.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, minta maaf, ini juga adalah pendirian saya, saya memang menyokong sahabat saya dari Y.B. Datok Keramat, saya ada lebih kurang 35 warga emas di kawasan saya yang semuanya adalah orang Melayu. Pendirian mereka adalah kalau perkara ini tidak benar dan mereka memang tak percaya bahawa wang ini adalah wang haram mereka mengatakan sepatutnya kita mengambil tindakan satu laporan Polis difailkan ataupun seperti yang dicadangkan oleh Y.B. Datok Keramat difailkan terhadap suspek utama iaitu Y.B. Penaga dan ganti rugi yang diperolehi daripada itu, mungkin Kerajaan Negeri boleh gunakan mungkin naikkan lagi pemberian wang imbuhan ini kepada warga emas, masalah-masalahnya dalam kes ini kita mendapati kalau tindakan begini tidak diambil, maka, kita benarkan mereka teruskan dengan fitnah dan tohmahan ini, dan ada banyak orang di luar itu mengatakan mereka satu sen pun tak dapat. Ini orang dok bagi duit, pasal apa kacau pula, jadi nak bagi pengajaran kepada mereka, satu-satunya perkara yang boleh kita buat adalah buat laporan Polis dan kita ikuti dengan saman malu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Terima kasih kerana akan diberi pertimbangan kerana memang 53 tahun rakyat tidak menerima apa satu sen dari Barisan Nasional apabila hal ini diberi kepada warga emas, ada orang warga emas kata tak bagi sudah teruk, sudah bagi

nak balik. Memang ada dua cara, satu di sisi perundangan, satu lagi dari keagamaan iaitu saya kata selalu minta mereka bertaubatlah.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, Negeri Pulau Pinang adalah seluas 5,139 hektar yang telah diwartakan sebagai hutan simpanan kekal. Daripada keluasannya tersebut, 376 hektar merupakan hutan bakau atau paya laut. Selain daripada itu, Jabatan Perhutanan sedang menyediakan kertas cadangan untuk pewartaan bakau laut seluas 6,666 hektar. Ini adalah tempat-tempat yang dikenal pasti dan kajian sedang dibuat.

Oleh yang demikian, Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong Bunga mencadangkan tapak yang berdekatan dengan Marina Bay dengan seluas 5 ekar untuk diperuntukkan menjadi *mangrove agropark* dan perkara ini boleh dipertimbangkan. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, walaupun kesihatan dan perkhidmatan adalah di bawah Kementerian Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri

Pulau Pinang sentiasa memberi kerjasama kepada Kementerian kerana kelmarin petang di sini Ahli Yang Berhormat dari Seberang Jaya seolah-olah bahawa semua kesilapan Hospital Seberang Jaya adalah tanggungjawab saya. Tetapi saya memang tidak akan lari pada tanggungjawab saya jawab satu demi satu kerana memang saya ditangani perkara ini. Di Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan beberapa program kesedaran dilaksanakan untuk mempertingkatkan taraf hidup Negeri Pulau Pinang seperti "Tak Nak Merokok". Bila saya umumkan "Tak Nak Merokok," di sini saya juga umumkan kawasan di Dewan ini adalah satu kawasan dilarang merokok, *Smoke Free Penang, Smoke Free Dewan Undangan Negeri*. Di sini saya mendapat bantahan dari Y.B. Penaga, beliau membuat bantahan tetapi dia tahu bila kita beritahu supaya "Tak Nak Merokok" adalah kerana ambil berat kepada dia dan keluarga namun kalau dia masih degil dan tidak mahu buat rawatan nikotin, itu adalah hak dia.

Program seperti *Diabetes Day* iaitu pada 14 hari bulan ini ada satu program raksasa untuk *International Diabetes Day* dan juga Kanser, Denggi, Malaria, TIBI dan lain-lain. Berikut adalah statistik penyakit Denggi, Chikungunya dan Malaria bagi tahun 2008, 2009 kerana gambaran yang diberi oleh Y.B. Seberang Jaya seolah-olah tahun ini penyakit tidak dapat dikawal. Maklumat ini dikongsi dengan Kementerian. Untuk tahun 2008, Denggi adalah 2,329 kes, tahun 2009 ada 2,044 kes dan untuk tahun 2010 iaitu sehingga bulan November jumlah adalah 1,479 kes. Untuk Chikungunya tahun 2008, 6 kes, tahun 2009, 344 kes, tahun 2010, 5 kes. Malaria 2008, 194 kes, tahun 2009, 86 kes dan tahun 2010, 92 kes.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti mengambil tindakan-tindakan dengan memeriksa premis-premis. Pada tahun 2008, 414,181 tapak yang telah diperiksa, 2009, 458,582 tapak telah diperiksa dan untuk tahun 2010, 373,702 tapak diperiksa. Kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2008, adalah RM1,231.00, tahun 2009, RM1,482.00 dan tahun 2010, RM1,314.00. Di sini ada banyak program telah dijalankan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang bahaya penyakit Demam Denggi seperti kaedah menghapus nyamuk aedes dan pencegahan jangkitan melalui ceramah, media dan promosi di pasar raya dan tempat-tempat tumpuan orang awam. Kini di semua Pejabat Daerah

telah mewujudkan satu jawatankuasa dan setiap minggu mereka ada satu mesyuarat.

Pihak Kerajaan Negeri juga telah mengatur banyak Program Gotong-Royong iaitu kerjasama antara Kerajaan Tempatan dan Jabatan Kesihatan turun padang dan selepas itu telah mengeluarkan surat akujanji untuk ditandatangani semua. Juga di sini satu kursus khas(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong beri laluan. Saya puji dengan program di mana pihak Kerajaan Negeri adakan iaitu program gotong-royong di kelima-lima kawasan. Saya mendapati kesannya sudah ada, tetapi di kawasan saya dapati longgokan tayar adalah punca utama bagi menjana Denggi. Jadi saya hendak tahu apakah kedudukan mengenai longgokan tayar itu sehingga sekarang kerana saya difahamkan mungkin 5, 9 dan 10, 9 dan 10 dalam Seberang Perai Selatan adalah

kawasan yang terlibat dengan Denggi tetapi kawasan 9 dan 10 kebetulannya adalah kawasan yang terdapat longgokan tayar. Bolehkah Yang Berhormat jelaskan keadaan ini dan kedudukan tentang kes yang telah dibawa ke mahkamah tempoh hari.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer al/ Rajaji):

Satu lagi Yang Berhormat, ini adalah berkenaan dengan kemungkinan yang saya terkeluar sebentar tadi. Satu perkara yang perlu kita jelaskan kepada rakyat Pulau Pinang, kita dapati bahawa ada satu laporan akhbar yang mengatakan bahawa terdapat kejadian kes-kes Denggi di mana jentik-jentik juga dijumpai di kawasan Hospital Besar Pulau Pinang. Perkara yang saya ingin minta penjelasan ialah pengawalan atau pembersihan di kawasan Hospital Pulau Pinang ini adalah sebenarnya di bawah kuasa siapa? Adakah ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau di bawah Kerajaan Persekutuan. Jika di bawah Kerajaan Persekutuan, adakah pihak mereka yang perlu dipertanggungjawabkan. Bila kita menjadi seorang sama ada warga Pulau Pinang ataupun seorang *tourist* yang datang ke Pulau Pinang, baca dalam surat khabar The Star, di mana ada satu persepsi negatif bahawa di Pulau Pinang yang kita ingin menjadikan satu *international city* sebagainya, Hospital Besar Pulau Pinang menjadi sarang Denggi pula. Jadi siapa yang sepatutnya dipertanggungjawabkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun Kerajaan Persekutuan. Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Terima kasih. Semua perkhidmatan atau *services* selain daripada *services medical* telah diswastakan kepada satu Syarikat Favour Mediserve. Ini adalah untuk seluruh Malaysia dan tidak ada apa-apa pilihan dan pembersihan adalah tanggungjawab mereka. Tetapi saya menghadapi satu masalah, kalau saya pergi ke rumah Ahli Yang Berhormat, rumah Ahli Yang Berhormat ada jentik-jentik, saya tak boleh saman kepada pembantu rumah, saya kena saman kepada tuan rumah dan tuan rumah hospital adalah Kerajaan Pusatlah. Saya terpaksa keluar saman

kepada Kerajaan Pusatlah dan satu saman RM500.00 telah dikeluarkan dan dibayar. Kompaun telah dijelaskan tetapi yang dipertanggungjawab itu adalah Favour Mediserve di mana tidak hak untuk keluar saman pada dia kerana ia seolah-olah pembantu khas dalam rumah saja.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer al/ Rajaji):

Saya mohon penjelasan lagi. Favour Mediserve itu merupakan sebuah syarikat di mana kontrak itu telah diberikan oleh siapa? Oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Siapakah yang mempunyai mandat untuk mengawal kegiatan mereka, memberi kontrak itu kepada mereka, memastikan mereka menjalankan tugas pembersihan dan sebagainya kerana sebagai seorang rakyat Pulau Pinang saya pergi ke sana untuk mendapatkan rawatan. Bayangkan saya pergi ke sana kerana mungkin sakit jantung baik kita boleh pulih daripada sakit jantung kena pula Denggi. Didapati bahawa Denggi ini daripada Hospital Besar Pulau Pinang, jadi siapa yang sebenarnya

bertanggungjawab memantau Syarikat Favour dan siapakah yang memberikan kontrak kepada mereka untuk menjalankan kerja-kerja pemantauan, pembersihan dan sebagainya di kawasan Hospital Besar Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya, terima kasih. Ini adalah satu kes tertentu, Ahli Yang Berhormat. Memang Favour Mediserve adalah satu syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Pusat dan tidak melalui satu *open tender*. Selalunya apabila ini terjadi tidak ada sesiapa boleh menyoalkan kepada mereka, tidak boleh. Seperti kes macam IGP, ia sudah bagi berterus terang. Kalau sesiapa pandai-pandai nak cuba nak soal kepada dia, kemungkinan esok Posmen sampai di rumah bagi satu surat, *you* telah ditukar pergi lain tempat. Itulah masalahnya, bukan salah kakitangan kerajaan kerana ada kekuatan politik dalam ini semua di mana kontrak-kontrak telah dibagi dan apabila terjadi pegawai-pegawai kerajaan yang jadi mangsa. Mengapa? Kalau saya tekan kepada mereka dan tekan kepada syarikat ini kemungkinannya dia tak boleh tukar saya pi luar tetapi pegawai kerajaan boleh.

Walau bagaimanapun, saya telah bagi sokongan sepenuh-penuh kepada warga Hospital Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan tugas *without fear or favour, we fight them all the way* jangan niaya kepada orang saja. Tetapi apa kita yang buat, buat lah laporan kepada Kementerian, salinan kepada saya supaya jikalau ada apa-apa saya tahu untuk berucap untuk mempertahankan apa yang adil dan betul.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer al/ Rajaji):

Sedikit lagi Yang Berhormat, jadi maksudnya yang saya dapat *raid between the light,...*(dengan izin), adalah syarikat ini diberi kontrak kerana kemungkinan syarikat ini mempunyai kaitan atau kita gunakan istilah kabel kuat dengan pemimpin-pemimpin tertinggi Barisan Nasional, itu soalan pertama saya. Kedua, kalau sebenarnya syarikat ini terlibat ataupun lalai dalam melakukan kerja, adakah

ada apa-apa tindakan yang boleh diambil oleh kita sendiri ke atas syarikat ini? Itu persoalan saya, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Memang mereka tidak dilindungi oleh mana-mana pihak, memang dan memang kalau kontrak sebegitu dan keseluruhan Malaysia dan kesemua perkhidmatan kalau kabel tak kuat, macam mana boleh dapat. *Come on my friend*, bukan *you* tak tau.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Sedikit penjelasan. Saya kurang faham apakah semua perkhidmatan termasuk lain-lain bidang selain daripada hospital dan apakah lagi yang kerajaan punya perkhidmatan?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, bukan saya tak mahu jawab sama tetapi masa yang tidak izin kalau sat ni minum kopi saya boleh bagi panjang lebar kerana memang masa tak izin.

Y.B. Dato' Speaker, satu kursus *Combee* telah dianjurkan oleh pejabat saya itu pada 16 dan 17 Oktober di Air Itam *Teambuilding Centre* kepada Pegawai Seranta dan Penyelaras KADUN termasuk ADUN-ADUN. Di sana terdapat 26 lokasi *Combee* di Negeri Pulau Pinang akan ditubuhkan menjelang akhir tahun ini iaitu di mana ADUN yang belum wujudkan pusat *Combee* saya nasihatkan untuk menubuhkan satu pasukan *Combee*. *Combee* ini penting untuk membersihkan kawasan anda dan juga mengawalkan masalah-masalah Denggi khususnya daripada Jawi. Saya menasihatkan Jawi kenalah kerana hari itu saya tak nampak Jawi atau wakil Jawi hadir di sanalah.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tolong bagi laluan. Saya rasa satu tuduhan daripada Y.B. Sungai Puyu, tak logik. Padahal saya ada hantar dua orang peserta *Combee* untuk menghadiri kursus tersebut. Masalah Denggi di kawasan saya bukan satu masalah yang ringan kita tahukah berekar-ekar sampai hampir lima ekar kawasan tanah dalam kelapa sawit digunakan untuk melonggokkan tayar dan juga kawasan Byram hampir berpuluh ekar tetapi ia bersepah-sepah, hampir berpuluh ekar dalam kelapa sawit digunakan sebagai kawasan tonggokkan tayar. Bayangkan macam mana kalau kita adakan gotong royong pun tidak berkesan, saya amat serius tentang perkara ini sebab saya was-was, sebagaimana yang telah kejadian-kejadian yang lepas kita tahu mungkin 9, mungkin 10 adalah mempunyai kesan yang positif kerana orang yang disyaki telah pun memperoleh kesan positif di sana. Inilah kawasan dia yang saya maksudkan, tadi soalan saya tanya berulang-ulang kali. Itu saja, saya minta jasa baik Yang Berhormat tolong jelaskan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Jawi telah menjelaskan tentang perkara ini lagi saya nak jelas kerana telah bawa dia ke mahkamah dan apa yang dibincangkan di mahkamah tidak boleh dibincangkan di sini kerana banyak kompaun dikeluarkan dan dia tidak ambil tindakan untuk membersihkan, hak Jabatan Kesihatan turun padang untuk menyiasat sekiranya ada akan kompaun akan tetapi dia telah bawa pergi ke mahkamah dan perlu tunggu bicara dan keputusan dari mahkamah. Ini bukannya Y.B. dari Jawi tidak tahu, sudah tahu lagi nak tanya lagi. Kena sabar la itu, saya bukan Yang Arif, mahkamah bukan saya yang punya, tunggulah.

Masalah kesesakan di Hospital Seberang Jaya yang dibangkitkan oleh Y.B Seberang Jaya dia berkata begitu banyak masalah, memang ada banyak masalah kerana hospital ini telah dibina dengan kemudahan infrastruktur tidak mencukupi ini kerana *design and view*, *design and view* bukan daripada Pakar Hospital tetapi mengikut *developer design and view* dan di sana juga tidak ada banyak kemudahan seperti contohnya tiada bilik *burn room* iaitu bilik itu sangat penting

kerana jika orang terlibat dengan kebakaran letak di sana dan saya sendiri nampak seorang mati di hadapan saya kerana macam *explosion* tidak ada satu *burn room* nampak dengan muka saya dia sakit-sakit sampai mati. Ini memang wujud sejak tahun 1995 hospital ini telah dibina memang *extended date* ini sejak 2004.

Sejak tahun 2004 sudah ada dan ada beberapa cadangan yang telah dibuat dan prestasi hospital ini semenjak ditubuhkan pada tahun 1995 beban kerja hospital telah meningkat dengan pesat di mana pada tahun 2009 telah menunjukkan 84,848 kedatangan pesakit kepada klinik-klinik pakar dan 90,389 kedatangan pesakit kepada jabatan kecemasan sahaja, iaitu kata untuk kecemasan sahaja untuk tahun 2009 adalah 90,389 dan sejumlah 12,875 pembedahan dijalankan dan di sana juga ada 7.785 kelahiran dan pakar purata *autopsy rate* 1.05%, iaitu kalau ada 100 katil yang setiap semasa mesti ada 1.05 tambah lagi dengan lima *bed*, iaitu itu *extra five bed*.

Pihak Kementerian kesihatan telah maklum berkenaan sesi ini dan beberapa tindakan terkini projek terbaru sedang dilaksanakan mengenai peningkatan pesakit hospital dan meningkatkan mutu perkhidmatan. Di sana baru-baru ini bekalan elektrik telah dinaiktarafkan kerana bekalan elektrik tidak cukup, walaupun ada *sub station*, elektrik pun tidak cukup, kadang-kadang sedang dibuat pembedahan gelap, elektrik tidak ada. Oleh yang demikian telah berhenti dinaik taraf, ini telah disiapkan, tetapi pentadbiran Hospital Seberang Jaya telah membuat permohonan untuk bajet tambahan untuk RM200,000.00 bukan RM250,000.00 ribu untuk memperluaskan wad pembedahan kini hanya ada 6 nak tambah 12 sehingga jadi 18. Sehingga hari ini, walaupun telah maklumkan kepada Kementerian masalah-masalah sosial yang dihadapi sampai sekarang belum dapat peruntukan RM200,000.00 untuk tambahan 12 katil di Hospital Seberang Jaya. Tetapi saya amat hairan ini bukan hari ini, sudah begitu lama dan di hospital ada satu lembaga pelawat di *visitors board* yang semua penuh dengan Ahli hendak buat apa, Ahli-ahli Barisan Nasional. Walaupun sudah ada satu

pertukaran kerajaan, semua pun ahli-ahli datang dari Barisan Nasional mereka ada dibayar untuk elaun. Mengapa Kerajaan Pusat adalah Barisan Nasional, pelawat adalah Barisan Nasional, jadi dalam KADUN mana, KADUN Seberang Jaya, dia bawa tunggu sampai mai sini baru cakap. Mengapa buat macam ini? Inilah yang menunjukkan kelemahan ADUN Kawasan, dan kerana dia tidak ada di sini saya tidak mahu sentuh lebih, sampai sini cukuplah.

Satu isu yang telah dibangkit ialah kekurangan tenaga pakar di Hospital Seberang Jaya. Saya ingin memaklumkan bahawa kini ada 28 orang Doktor Pakar dan mereka terpaksa memberikan perkhidmatan kepakaran, jadi satu daripada Hospital Kepala Batas, Bukit Mertajam ke Hospital Sungai Bakap. Ini amat sedih kerana bahawa tahun 1991 Perdana Menteri pada masa itu telah umumkan Wawasan 2020 dan Wawasan 2020 sudah tahu sehingga bila kehendak berapa pakar-pakar kian telah buat. Betul tak? Nak salahkan siapa? Salahkan sendirilah.

Y.B. Dato' Speaker di alam sekitar memang saya bangga memaklumkan bahawa Negeri Pulau Pinang duduk tempat yang pertama di antara negeri-negeri dalam aspek pemilihan alam sekitar. Selalu saya dengar 1Malaysia, 1Malaysia memang 1Malaysia Pulau Pinang No.1, ini tidak dinafikan. Bila dia kata 1Malaysia memang Pulau Pinang No. 1 di banyak bidang, juga di alam sekitar, kerana kesedaran ada 15% berbanding dengan Nasional hanya 5%.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.B. Telok Bahang kerana mencadangkan penggunaan plastik beg di *biodegradable*. Di sini saya berasa bangga kerana sokongan penuh dari warga Negeri Pulau Pinang apabila Kerajaan Negeri mengumumkan dan melancarkan hari tanpa plastik beg *reduce used of plastic bag* ..(cakap bahasa Cina) *we launch*, sudah *launch* dan mendapat sokong penuh daripada warga-warga Negeri Pulau Pinang. Sehingga Kerajaan Pusat hari ini mengumumkan juga hendak melibatkan diri hari telah mengumumkan bahawa Kerajaan Pusat juga ingin mengadakan hari tanpa plastik beg tiap-tiap hari Sabtu mulai 1 Januari 2011. Ini menunjukkan apa, *Penang Leads*. Ini menunjuk apa *not need a leads, we leads*. Di sini bila saya semak minit-minit mesyuarat 80% cara untuk *no plastic beg* telah mengikut cara Negeri Pulau Pinang. Hanya hanya 20% yang tidak serupa. 20% itu 20 sen. Di Negeri Pulau Pinang itu setiap 20 sen disalurkan untuk Pembasmian Miskin Tegar. Di Kerajaan Pusat tidak hendak taruh di mana, tak tahu hendak umumkan satu tabung untuk miskin tegar, dia hanya letak dekat *satu gray area* untuk NGO. Itulah satu kelemahan dan mereka...(gangguan)

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tadi YB. Sungai Puyu ada mengatakan bahawa *Penang Leads* dan usaha kita untuk *no plastic bag day* ini sekarang ditiru ataupun dicelup oleh Kerajaan Pusat. Saya ingin mengatakan atau tanyalah Kerajaan Negeri melalui EXCO yang berkenaan dapat siapkan satu senarai semua usaha dan projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2008 yang telah dicelup dan ditiru oleh Kerajaan Pusat.

Kerana saya boleh beri beberapa contoh di sini sekarang juga, Pertama, Miskin tegar kita yang *start* tapi mereka belum capai lagi.

Kedua, *Greener Cleaner* Penang tiba-tiba Ng Yen Yen datang ada besar punya *signboard* di merata-rata *Greener Cleaner* Malaysia. Satu *Green and Clean* Malaysia. Selain daripada itu saya ingat, bonus Hari Raya Penang bagi dulu RM400.00 Najib pun kata kita bagi RM500.00 ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional ketandusan idea. Sekiranya Pulau Pinang tidak ada semua ini usaha-usaha dan langkah-langkah yang diterajui dimulakan oleh Pulau Pinang tidak akan dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jadi tidak perlulah kita ada Barisan Nasional di peringkat Pusat. Saya hendak tahu senarai penuh kerana kita ini semua ditiru.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man):

Satu lagi tambahan yang menunjukkan Kerajaan Persekutuan meniru Kerajaan Pakatan Rakyat. Kelantan pernah memberi cuti bersalin 90 hari bermakna apa yang dilakukan oleh kerajaan pembangkang kononnya ditiru oleh Kerajaan Persekutuan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker selaras dengan Peraturan 6A (1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan pada hari ini 10 November 2010 dilanjutkan ke 6.45 petang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ada sokongan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya menyokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A (1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 10 November 2010 sehingga 6.45 petang.

Yang bersetuju katakan "Ya," yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sebulat suara. Usul dipersetujui.

Ahli Sungai Puyu telah mengambil masa lebih kurang 1 jam. Sila gulung.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya sedang digulung...(ketawa).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Gulungan apa. Sila gulung, gulung apa?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya sedang digulungkan. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, memang ada banyak usaha-usaha yang dijalankan oleh Negeri Pulau Pinang cuba ditiru oleh Kerajaan Pusat, seperti pada tahun 2008 pada mulanya bila ada masalah kurang beras di pasaran, Kerajaan Negeri telah mengumumkan memberi beras kepada penerima bantuan yang disenaraikan dalam JKM, dalam masa dua minggu Kerajaan Negeri dapat terus membuat sumbangan ini semua. Ini sudah menunjukkan kecekapan pegawai-pegawai kerajaan dan juga Kerajaan Negeri di sebaliknya Kerajaan Pusat juga buat program macam ini, hebat dan di perhebatkan di Parlimen tetapi mereka gagal. Mengapa? Kerana apabila menjalankan program semua kakitangan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri dan juga ADUN semua tidak ada ambil kepentingan diri sendiri. Tidak ada, dia tu kata bagi, bagi, bukan cari kesempatan ini untuk kayakan diri. Saya berani kata Kerajaan Pusat bila mereka hendak memberi pengagihan beras kepada rakyat di seluruh Negeri Malaysia, mereka gagal kerana mereka lawan antara mereka sendiri, siapa hendak dapat kontrak itu, siapa hendak dapat kontrak itu? Tak payah minta Ketua Bahagian untuk daftar, tak payah kerana percaya kepada jabatan-jabatan kerajaan iaitu kata macam JKM memang semua senarai nama penerima bantuan bulanan ada di sana, tiap-tiap negeri ada, minta JKM uruskan sudahlah, mengapa kehendak lagi dari Barisan Nasional, Penyelarasan Kawasan KADUN buat macam ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Yang Berhormat, sedikit kata tadi saya amat tertarik kata daripada 20 sen, saya hendak tahu semenjak kita menjalankan ini berapa banyak sudah dipungut dan duit itu taruh di mana dan mana pihak yang sudah terima untuk bersifat kita sebagai CAT. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya tadi telah mengatakan bahawa semua ini diserahkan kepada tabung untuk membasmi kemiskinan tegar di Negeri Pulau Pinang akan tetapi untuk Pusat mereka teragak-agak yang mana tabung hendak pergi, sementara waktu taruh dari *carrier* NGO. Okey saya harap kalau hendak penjelasan yang panjang di luar Dewan saya sedia. Di sini masa terhad.

Di sini juga saya telah mencadangkan bahawa semua ADUN-ADUN kena ambil perhatian bahawa ini projek adalah untuk hari tanpa plastik beg bukan *totally banned the plastic bag*, bukan, tetapi mengurangkan penggunaan plastik beg, mengurangkan penggunaannya. Tadi saya ada kata bahawa Kerajaan Pusat mereka tidak faham apa itu plastik beg dan mengumumkan bahawa kena pakai *biodegradable, biodegradable bag* ada beberapa macam dan jika ianya tidak diselaraskan beg-beg ini akan lebih mencemarkan perindustrian plastik ini dan juga kalau tidak diselaraskan akan lebih plastik beg pergi *salutary land field*. Oleh yang demikian saya telah membuat beberapa perbincangan dengan pengusaha-pengusaha yang membuat plastik beg dan berkemungkinan satu dasar akan dikeluarkan di sana.

Y.B. Pulau Betong juga membangkitkan masalah berkaitan rungutan daripada di Nibong Tebal mengenai masalah bau busuk yang datang daripada ladang khinzir ini Nibong Tebal. Memang ini benar, tetapi apa yang saya tidak faham “gajah di depan mata tak nampak, semut di Nibong Tebal dia nampak,” kerana saya percaya di Pulau Betong ada satu, tetapi saya difahamkan bahawa ini kawan karib, kemungkinan kawan karib dia tidak mahu sentuhlah, dia sentuh di Nibong Tebal. Tak apa, tetapi ini memang Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan telah sedar perkara ini dan telah wujudkan satu *task force*, iaitu MPPP ada *task force*, MPSP ada satu *task force* untuk siasat, mencari dan mencadangkan satu syarat tertentu supaya dapat mengatasi masalah ini. Jika Y.B. Pulau Betong dia berminat pada hari Sabtu ini ada satu mesyuarat di antara pengusaha-pengusaha penternak ladang khinzir dan MPSP lagi ada, ini adalah mesyuarat yang keempat, mereka tidak tahu kerana bukan satu dasar PR belum buat untuk umumkan semua, kami buat ada hasil baru umum.

Y.B. Pulau Tikus telah mencadangkan adalah agak *Green Institute of Penang* ditubuhkan, saya ucapkan ribuan terima kasih, ini memang boleh bagi perhatian tetapi kena buat kajian sebelum membuat satu keputusan dan di sini juga saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada beberapa ADUN seperti daripada Pulau Tikus yang begitu berjaya dalam di Sekolah Hijau dan Y.B. Komtar yang berjaya dalam Pelancaran Warga Hijau.

Ada satu kes yang dibangkit oleh Pulau Tikus iaitu terdapat kes menggugurkan anak kembar di Hospital Pulau Pinang yang telah berlaku selama 4 bulan tetapi masih belum disiasat dan Kerajaan dipohon untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk menyiasat kes-kes sebegini. Memang kes ini telah disiasat iaitu dua mesyuarat telah diadakan kerana kes ini saya ada juga menghantar pembantu khas saya untuk menghadiri dan ada ambil *independence panel of doctor* iaitu dalam siasatan itu ada kata tidak menggunakan doktor dari Hospital Pulau Pinang tetapi doktor-doktor dari luar negeri iaitu dari Perak dan Kedah untuk siasat, dan siasatan ini memang sudah dijalankan dan laporan pun sudah ada tetapi tidak boleh diberitahu kepada semua pihak sehingga mendapat

satu kefahaman daripada ibu dia supaya dapat uruskan ini semua. Jika Ahli Yang Berhormat masih berminat boleh jumpa saya di pejabat saya, saya boleh bagi tengok laporan itu semua ada di sana. Oleh yang demikian Dato' Timbalan Speaker, saya memohon untuk sokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Persilakan Ahli Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya mengambil bahagian untuk dalam penggugungan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2011 dan Usul Pembangunan 2011. Ahli-ahli Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Pulau Pinang sememangnya destinasi tumpuan pelancongan yang penting di Negara Malaysia dan sektor pelancongan disenaraikan sebagai salah satu sumber pendapatan penting bagi ekonomi Negeri. Justeru itu, dengan pelantikan Pulau

Pinang sebagai Bandar Warisan Sedunia UNESCO pada tahun 2008, nama dan reputasi Pulau Pinang telah dijadikan tumpuan dan perhatian seluruh dunia. Kemasukan pelancong ke Negeri Pulau Pinang pada tahun 2009 mendapat tempat ketiga iaitu sebanyak 5.9 juta selepas Kuala Lumpur tempat pertama dan Negeri Pahang di tempat kedua. Kemasukan pelancong ini bukan sahaja berupaya meningkatkan pendapatan ekonomi Negeri Pulau Pinang tetapi impak sosial yang positif berikutan dengan kemasukan jumlah pelancong-pelancong membantu Negeri Pulau Pinang menyebabkan reputasi serta nama baiknya ke luar Negara.

Y.B Dato' Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini saya sebagai EXCO pembangunan, pelancongan dan kebudayaan ingin menyatakan tentang statistik-statistik yang diperolehi oleh Tourism Malaysia iaitu selaku agensi promosi pelancongan yang didirikan oleh Kerajaan Pusat menerusi statistik ini kita akan dapat lihat bahawa perkembangan dan prestasi pelancongan Negeri Pulau Pinang berasaskan data yang bukan dikutip dalam Negeri Pulau Pinang sahaja malah bersama-sama negeri lain di Malaysia. Pada tahun 2008 jumlah pelancong yang berkunjung adalah 6.38% iaitu tempat keempat keseluruhan dengan peningkatan sebanyak 23.5% berbanding dengan tahun 2007. Pada tahun 2009 pula, Negeri Pulau Pinang berjaya mengatasi Negeri Sabah dari segi jumlah pelancong di negara kita. Jumlah pelancong ke Negeri Pulau Pinang mencatat 5.9 juta pelancong berbanding dengan Negeri Sabah iaitu 5.3 juta sahaja dan Negeri Melaka hanya mendapat tempat keenam dengan jumlah 3.7 juta pelancong dan dalam tempat keenam. Mengikut statistik yang ditunjukkan pada awal tahun ini dan semua statistik ini juga adalah diperolehi dari *tourism* Malaysia iaitu dari bulan Januari hingga Mac dan Pulau Pinang masih menduduki tempat yang ketiga dari segi jumlah kemasukan pelancong iaitu sebanyak 943,491 orang pelancong dan Kuala Lumpur masih di tempat pertama dengan jumlah 1.78 juta orang pelancong dan Pahang di tempat kedua dengan jumlah... (gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih, Dato Speaker, saya ingin tahu baru-baru ini ada pertikaian, Menteri Pelancongan Y.B Ng Yen Yen dia katakan bahawa status Pulau Pinang sudah turun mungkin di belakang Melaka jadi ini menimbulkan kekhuatiran di sini adakah angka-angka yang diberi dan pun tahu bahawa Yang Berhormat Batu Lancang ini telah memberikan angka-angka yang alternatif untuk mengatakan bahawa apa yang dikatakan oleh Menteri Pelancongan ini bukanlah betul, jadi saya nak tanya adakah Menteri ini yang merupakan satu Menteri yang sentiasa pergi ke luar negeri adakah mereka betul-betul Menteri Pelancongan ataupun pelancong sendiri. Jadi saya rasa kita tidak ada apa-apa bantuan dari Kerajaan Pusat, kita cuma bergantung kepada sumber-sumber di sini, jadi ini satu gambaran yang saya rasa kita perlu hakislah, kalau tidak Melaka padahal Pulau Pinang *is performing is not bad* jadi saya fakta-fakta yang salah mesti dipolitikkan dan mesti dihakis atau tolak. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya setuju dengan apa Y.B. Perai katakan memang dia Menteri Pelancongan pasal dia sentiasa melancong di luar negara dia tidak tahu apa yang berlaku di Malaysia. Itu adalah jawapan dan kemungkinan juga ini adalah mungkin Yang Berhormat EXCO lebih berwibawa untuk menjawab, saya cuma memberi pandangan. Mungkin juga disebabkan oleh prasangka, prasangka dia terhadap Kerajaan Pakatan Rakyat, mungkin ini juga agenda Barisan Nasional semata-mata untuk memberi persepsi negatif terhadap Pulau Pinang supaya kita tidak mendapat pelancong, dia tak sedar bahawa banyak rakyat di Pulau Pinang yang bergantung punca pendapatan daripada pelancong. Mengeluarkan perkataan-perkataan seperti ini langsung tidak bertanggungjawab, memberi persepsi seolah-olah kita ketandusan tidak ada tempat yang menarik lagi untuk dilawat....(dengan izin).

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Terima kasih. Y.B. Dato' Speaker, memang semua statistik ini diperolehi dari Tourism Malaysia dan juga statistik ini di paparkan dalam *webside Tourism Malaysia* dan untuk suku tahun pertama ini di mana Kuala Lumpur masih tempat pertama, Pahang di tempat kedua kerana ada Genting, kita Negeri Pulau Pinang masih di tangga ketiga, dan pada masa yang sama Negeri Melaka masih di tempat yang keenam di mana Negeri Melaka hanya mempunyai 558,668 orang pelancong sahaja setakat dari bulan Januari hingga Mac tahun ini.

Jadi Y.B. Dato' Timbalan Speaker, tahun ini juga Negeri Pulau Pinang yang terkenal dengan budaya warisannya serta kemenangannya telah menarik perhatian dan kunjungan kru produksi rancangan televisyen serta tayangan gambar untuk menjalankan kerja-kerja penggambaran dan perfileman di negeri kita. Ini merupakan satu perantaraan yang amat bagus bagi mempromosikan imej Negeri Pulau Pinang dan sekali gus merupakan promosi yang baik bagi sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang bagi para penduduk-penduduk seluruh dunia. Selain daripada *Amazing Race* daripada Amerika Syarikat untuk membuat perfileman rancangan pertandingan dan telah disiarkan dalam bulan Mac tahun ini, rancangan tersebut yang popular telah menyebar ke luar negara dan dijangka mempunyai 30 juta penduduk dan sebaliknya juga *Amazing Race Asia* juga

datang ke Negeri Pulau Pinang untuk membuat perfileman dan telah di siarkan dalam bulan September tahun ini. Selain daripada itu produksi perfileman dan televisyen seperti tersebut:-

Pada bulan September tahun ini filem yang bertajuk *Love and Death In Java* yang diproduksi oleh syarikat Negara Jerman juga datang ke negeri ini. Terdapat juga syarikat dari Beijing China yang datang ke negeri kita untuk membuat perfileman yang bertajuk *Battle or War*. Selain daripada itu tajuk *China Model Competitions* juga diproduksi kru penggambaran dari Guangzhou China datang ke Negeri Pulau Pinang dan juga *Third China International Overseas Beauty Pageant* yang merupakan pertandingan ratu cantik peringkat bertaraf antarabangsa dari Wuhan China juga membuat penggambaran di Pulau Pinang dan juga *world movie travel* yang diproduksi oleh rangkaian stesen televisyen Beijing turut memilih Pulau Pinang sebagai lokasi penggambaran dan bagi rancangan mereka yang fokus kepada kebudayaan dan makanan tempatan Negeri Pulau Pinang.

Selain daripada itu, dari mulai 26 hari bulan sehingga 28 haribulan November ini juga terdapat sebuah stesen televisyen pelancongan yang datang dari Beijing China juga akan untuk membuat penggambaran terhadap kebudayaan, makanan dan masakan istimewa yang ada di Negeri Pulau Pinang. Akhirnya ada satu juga untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada 17 haribulan. Hingga 23 haribulan. Disember tahun ini terdapat sebuah stesen televisyen dari Guang Dong dan Fujian China akan membuat penggambaran dan perfileman di negeri ini.

Selain daripada itu, Negeri Pulau Pinang adalah terkenal dengan pemandangan laut dan pantai yang indah, ini telah berjaya menarik perhatian kru untuk memilih Negeri Pulau Pinang sebagai Pelabuhan Perhentian utama mereka.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin bertanya berkenaan dengan pemandangan laut yang indah itu, dalam persidangan yang lalu saya telah membangkitkan kerisauan saya tentang keadaan laut berdekatan dengan Pulau Jerejak, di mana kita dapati bahawa terdapat banyaknya sampah sarap yang begitu banyak yang masih sedang hanyut di permukaan laut ketika sedang menaiki bot ke pulau tersebut. Baru-baru ini juga saya telah menyertai satu rombongan ke situ, tetapi kita masih mendapati bahawa masalah itu masih tidak diberi perhatian di mana banyaknya sampah sarap yang sedang hanyut di atas permukaan air. Selain daripada itu saya ingin tanya, adakah apa-apa inisiatif yang telah diambil untuk kita mempromosikan Pulau Jerejak, kerana ialah adalah memang satu tempat yang begitu indah sekali bagi kita melawat, tapi saya mendapati bahawa ketika ini cuma terdapat satu hotel sahaja dan selain daripada aktiviti *ecotourism* yang begitu terhad. Bahagian sebelah laut yang berdekatan dengan Jambatan Pulau Pinang itu langsung tidak digunakan. Jadi saya percaya kemungkinan kerajaan boleh memberikan perhatian kepada pulau ini dan menawarkannya pada satu-satu tempat untuk menarik pelancong yang lebih

banyak ke tempat tersebut kerana kita mendapati adalah lebih kurang kalau tidak silap saya 300 hingga 400 orang yang sedang bekerja di situ dan kedatangan pelancong ke tempat tersebut hanyalah tinggi ketika hari Sabtu dan Ahad. Pada hari-hari biasa yang lain tidak ada pelancong yang datang ke tempat itu. Jadi kalau boleh perkara ini diberi perhatian, dan saya ingin bertanya apa-apa tindakan yang bakal diambil untuk mempromosikan Pulau Jerejak. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Mengenai sampah sarap itu memang perkara lama iaitu bukan sahaja sampah-sampah ini datang dari Pulau Pinang, tetapi juga dari negeri-negeri lain seperti Kedah dan Perak, sampah-sampah hanyut datang ke sini. Apabila air pasang sampah-sampah tersebut datang ke sini dan memang kita ada syarikat swasta untuk mengutip sampah-sampah tersebut dan mengenai produk di Pulau Jerjak memang seperti di Dewan yang lalu, saya juga menjawab bahawa Pulau Jerjak ini adalah telah diswastakan kepada satu syarikat iaitu Tropical Island Resort di mana 51% adalah dikuasai oleh Syarikat Uda di mana adalah syarikat agensi Kementerian Pusat. Jadi kita tidak ada kuasa yang penuh untuk membuat pembangunan dan *promotion* di sana juga.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan,...(dengan izin), Yang Berhormat, satu lagi perkara yang ingin saya bawa adalah Y.B. mungkin juga harus dimaklumkan bahawa satu lagi faktor yang memberi kedatangan pelancong ke Pulau Pinang dengan penerbangan Air Asia daripada Pulau Pinang ke Chennai terus dan itu juga telah meningkatkan lagi kedatangan pelancong daripada India ke Pulau Pinang kerana ia merupakan penerbangan terus, *direct flight* dan sejak kebelakangan ini, saya difahamkan bahawa penerbangan-penerbangan itu terus dari Pulau Pinang ke Chennai telah pun dibatalkan oleh Syarikat Air Asia. Adakah Yang Berhormat dimaklumkan mengenai perkara ini dan adakah cadangan untuk kita mungkin berunding dengan Air Asia untuk menggesa mereka meneruskan penerbangan-penerbangan tersebut kerana kita dapati bahawa ada pelancong-pelancong daripada Kedah, Perlis dan mungkin ada juga daripada Ipoh, saudara mara saya sendiri datang ke Pulau Pinang menghabiskan masa dua, tiga hari dan mengambil penerbangan daripada Pulau Pinang ke Chennai. Jadi penerbangan itu secara tidak langsung menyumbang kepada penarikan pelancong daripada dalam Negera Malaysia ke Pulau Pinang. Bolehkah perkara ini diberikan perhatian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Untuk penerbangan terus, tahun lepas di mana Air Asia mempunyai penerbangan terus ke Macau, dan ini memang mendapat sambutan yang baik di mana setiap hari seminggu ada tiga kali untuk pergi ke Macau dan sehingga sekarang memang penerbangan terus itu mendapat sambutan yang baik, baik pun dari Malaysia pergi ke Macau ataupun China datang ke Negeri Pulau Pinang memang ada penumpang-penumpang yang memuaskan, tetapi sejak penerbangan terus dari Chennai ke Pulau Pinang dan Pulau Pinang ke Chennai sambutannya tidak menggalakkan dan ini mereka katakan mungkin akan menghentikan penerbangan terus ini, tetapi ini mereka masih berbincang lagi

belum tahu lagi sama ada diputuskan. Satu lagi di akhir bulan ini juga memang ada satu lagi penerbangan terus dari Pulau Pinang ke Indonesia ke Surabaya. Jadi ini adalah penerbangan Air Asia, kita berharap hubungan terus ini boleh mendapat sambutan yang baik.

Mengenai *Cruise*, memang mendapat sambutan yang baik di mana juga selalu setiap hari kita mempunyai *Star Cruise Pisces* di sini dan juga *Cruise-Cruise* yang lain seperti *Wegrow* mendapat penumpang-penumpang dari luar negara datang ke Pulau Pinang dan juga untuk tahun hadapan mereka juga ingin menukar *Star Cruise Pisces* kepada *Cruise* yang lebih besar kepada *Libra*, di mana *Libra* boleh menampung lebih kurang 2,000 penumpang di mana *Libra* ini akan membawa penumpang ke Puket dan Krabi kemudian balik ke Pulau Pinang, ini adalah cadang *Star Cruise*.

Y.B. ADUN Pulau Tikus telah membangkitkan agar kerajaan Negeri memudahkan urusan permohonan mendirikan hotel serta insentif kepada penubuhan *Medical Hotel* bagi mengatasi masalah penginapan yang dihadapi oleh keluarga pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital swasta di sekitar Pulau Tikus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas pengiktirafan UNESCO George Town sebagai Tapak Warisan Dunia hotel-hotel bajet di Negeri Pulau Pinang khususnya di kawasan George Town telah menerima sambutan yang menggalakkan. Tempahan bagi hotel-hotel ini meningkat terutamanya ketika musim cuti sekolah atau cuti perayaan. Selain daripada itu, terdapat ramai pelabur asing datang dari tempatan yang berminat untuk membeli rumah-rumah warisan untuk dijadikan hotel, butik iaitu Hotel Cita Rasa Istimewa yang unik seperti di Lebu Chulia, Lebu Maccalister, Jalan Armonia dan juga kawasan Khoo Kongsi.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, sektor pelancongan perubatan merupakan salah satu penyumbang terbesar kepada pendapatan negeri. Pendapatan sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang menyumbang dua pertiga daripada jumlah keseluruhan pendapatan pelancongan pendapatan Negara. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri mengalu-alukan hasrat pelabur untuk mendirikan hotel bertaraf tiga atau empat bintang berdekatan dengan hospital swasta untuk kemudahan keluarga pesakit untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta di negeri ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji);

Minta laluan Yang Berhormat. Boleh saya mencadangkan satu lagi perkara diberi pertimbangan oleh Kerajaan, kita mendapati bahawa *Water Theam Park* ini memang popular di kalangan pelancong seperti kalau di Pulau Pinang, kita pergi sama ada di Bukit Tambun ataupun di Ipoh pun ada, dan sekarang kita dapati di Sungai Petani pun ada *Water Theam Park*. Kalau boleh kita memberi perhatian ... (dengan izin), A *Water Theam Park* di Pulau Pinang, ia akan juga menjadi satu tarikan kepada Pulau Pinang sebagai Pusat Pelancong dan memang ia merupakan satu aktiviti keluarga semasa hari minggu dan pada cuti am. Kalau boleh perkara itu juga diberikan perhatian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Untuk maklumat ADUN Kawasan Seri Delima, Kerajaan Negeri telah meluluskan satu syarikat untuk membuat *Eco Fun Park* di Telok Bahang. Kerajaan Negeri mensasarkan peningkatan pendapatan sektor pelancongan pertumbuhan sebanyak 20% bagi tahun 2010 berbanding pendapatan tahun lalu. Pendapatan sektor ini dijangka meningkat RM200 juta bagi tahun ini, berbanding dengan RM165 juta pada tahun lalu. Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Y.B. ADUN Pulau Tikus juga berhubung dengan cadangan agar Kerajaan Negeri memperkenalkan penggunaan beca, kereta solar dan tarikan-tarikan lain di Bukit Bendera. Kerajaan Negeri bersedia menimbang cadangan tersebut sebagai usaha untuk menarik kedatangan lebih ramai pelancong dari dalam dan luar ke Bukit Bendera. Y.B. Telok Bahang juga membangkitkan agar Kerajaan Negeri mempromosi program *homestay* dalam bentuk pakej dan cadangan agar Kerajaan Negeri memperbaiki kemudahan pelancongan seperti kekurangan tandas awam dan tempat letak kereta.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak 20,000 risalah berhubung dengan *homestay* telah disediakan oleh Koperasi Pelancongan Pulau Pinang iaitu KOPEL dengan bantuan Kerajaan Negeri yang bertujuan mempromosikan *homestay* di Balik Pulau dan juga di Daerah Seberang Perai. Berhubung dengan cadangan agar Kerajaan Negeri mempromosikan program *homestay* dalam bentuk pakej sememangnya terdapat pakej program *homestay* disediakan kepada pelancong-pelancong yang menyertai *homestay* ini. Kumpulan pelancong yang terdiri daripada minimum 20 orang akan menikmati pakej penginapan dan pengalaman melibatkan diri dengan permainan tradisional seperti pancing ikan dan juga kunjungan ke sawah padi. Selain daripada itu, promosi juga pakej penginapan satu malam turut juga disediakan dengan hidangan tempatan. Sebagai contoh pelancong yang menyertai *homestay* di Pulau Aman juga akan menikmati laut yang memangnya terkenal di Pulau Pinang. Berhubung dengan cadangan agar Kerajaan memperbaiki kemudahan pelancongan seperti kekurangan tandas awam dan tempat letak kereta. Kerajaan Negeri sedang menjalankan beberapa projek untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan awam yang sedia ada seperti tandas awam, tempat letak kereta dan menaik taraf kompleks sedia ada bagi keselesaan orang ramai dan pelancong.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui MPPP telah mengambil inisiatif untuk memperbaiki keselesaan perkhidmatan bas awam di negeri ini untuk keselesaan rakyat negeri ini dan juga pelancong yang berkunjung ke Pulau Pinang. MPPP dengan kerjasama RapidPenang telah mengambil beberapa langkah untuk menambah baik perkhidmatan bas awam di negeri ini. Tindakan ini juga bertujuan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian dan mengurangkan keperluan untuk menambah tempat letak kereta awam. Pihak MPPP telah menambah lapan (8) buah pondok bas serta sebuah hub di kawasan Telok Bahang. Perhentian-perhentian bas berbumbung juga telah disediakan dan akan dinaik taraf secara berperingkat. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan papan tanda penerangan pelancongan yang menerangkan sejarah-sejarah Bandaraya George Town Pulau Pinang. Ini akan memudahkan pelancong

untuk mendapatkan maklumat berhubung bandar ini. Kerajaan Negeri juga telah menaik taraf tandas awam di Pengkalan Weld,

Yang Berhormat dari Seri Delima membangkitkan isu mengenai cadangan agar diadakan pertandingan Ratu Kebaya, Sari Queen atau Ratu Cheongsam sebagai acara tahunan untuk menarik minat pelancong. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, pertandingan Ratu Kebaya telah dianjurkan buat julung kalinya pada tahun ini dan mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada orang ramai. Kerajaan Negeri ini bersedia menganjurkan pertandingan Ratu Kebaya, Sari Queen atau Ratu Cheongsam pada masa hadapan sebagai tarikan baru di negeri dan akan dijadikan acara tahunan pelancongan negeri ini. Acara ini seperti ini dapat memperkenalkan kepelbagaian seni dan kebudayaan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang kepada pengunjung luar.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga ingin cadangkan kita tidak boleh bersikap diskriminasi. Kita juga perlu adakan satu pakaian Punjabi *Contest* kerana itu juga merupakan satu pakaian yang bukan sahaja orang-orang Punjabi sahaja tetapi banyak orang. Ada orang kalangan di orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Cina yang pakai pakaian itu. Jadi kita menganjurkan apa ini program-program ini bukan sahaja untuk penglibatan satu kaum sahaja tetapi kita mendapati banyak orang yang memakai. Ada orang India pakai Baju Kebaya, ada orang Melayu pakai Baju Cheongsam dan sebagainya. Saya juga ingin mencadangkan kalau kita boleh juga mengadakan *Punjabi Dress Contest* juga (dengan izin). Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Ini diambil perhatian di mana satu acara boleh mempunyai berbagai pakaian tradisi juga boleh dimasukkan. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, seperti di sini dan beberapa acara kebudayaan serta pelancongan yang dapat mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelancongan yang bercorak dengan keunikan dan warna-warni berbagai kebudayaan dan kaum yang dijalankan sepanjang tahun dan seperti *Bon Odori* dan juga kita mempunyai *Thai Food Culture Festival* dan juga Chingay dan juga Pesta Bunga, Pesta Pulau Pinang dan juga yang akan berlangsungnya pada 21 hari bulan iaitu *Penang Bridge International Run* di mana kita telah mencatat jumlah penyertaan hampir 24,000 peserta. Ini merupakan acara sukan yang terbesar sekali di negara kita dan ini memang kita mendapat sambutan daripada peserta dari luar negeri juga.

Kita juga mempunyai *countdown* pada 31 Disember di mana di Padang Kota Lama, Queensbay, Auto City dan juga Tapak Pesta Pulau Pinang. Selain daripada terdapat acara yang akan berlangsung sepanjang bulan Disember tahun ini antaranya ialah di Pesta Pulau Pinang yang mempunyai banyak acara termasuk *boxing* dan juga lain-lain pameran-pameran juga. Jadi inilah acara-acara yang akan dilaksanakan untuk Negeri Pulau Pinang ini dan juga untuk tahun hadapan. Jadi dengan itu, saya menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih Yang Berhormat Batu Lancang. Saya baru hendak suruh buat kesimpulan. Seterusnya Yang Berhormat Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Telok Bahang, Sungai Dua, Pengkalan Kota, Tanjong Bunga, Komtar, Kebun Bunga, Batu Uban, Padang Lalang yang masing-masing membangkitkan perkara-perkara yang ada berkaitan dengan portfolio saya.

Izinkan saya menjawab secara ringkas berkenaan dengan isu-isu yang dibangkitkan. Yang Berhormat Telok Bahang secara amnya banyak menyentuh jasa-jasa dan perkara-perkara yang Kerajaan Pusat menyumbang kepada Negeri Pulau Pinang seolah-olah beliau sedang menjawab soalan-soalan di Dewan Rakyat. Beliau sendiri yang cerita dan sendiri yang menjawabnya. Jadi tidak ada banyak perkara yang perlu dijawab oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, ini adalah tanggungjawab wajib Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Telok Bahang ada membangkitkan projek Landasan Berkembar KTMB. Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia, perunding projek iaitu Konsortium Kinta Samudra-Emenea-Techart (KSET) dan kontraktor projek itu iaitu MMC Gamuda Joint Venture dalam menyelesaikan apa jua isu berkaitan pelaksanaan projek ini. Dakwaan yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri menghasut penduduk setinggan agar menuntut pampasan yang tinggi adalah tidak benar sama sekali kerana Kerajaan Negeri secara prinsipnya masih mengguna pakai garis panduan bayaran pampasan atau wang ihsan kepada penduduk-penduduk setinggan yang terlibat dengan projek kerajaan yang diguna pakai sejak lagi tahun 2003.

Atas dasar kebajikan penduduk-penduduk dan setinggan-setinggan yang terlibat, Kerajaan Negeri memohon agar kadar pampasan dinaikkan kepada RM42,000 selaras dengan harga rumah kos rendah mengikut garis panduan pelaksanaan harga baru rumah kos rendah, pindaan 2002 yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar kehidupan mereka yang kehilangan tempat tinggal mereka ini tidak terjejas teruk akibat daripada pelaksanaan projek ini dan dapat membeli sebuah rumah kos rendah yang selesa. Adalah menjadi tanggungjawab negeri untuk memastikan disebabkan oleh pembangunan dan pada masa sekarang semua setinggan-setinggan dan halangan-halangan telah diselesaikan dan projek ini dijalankan dengan lancar tanpa ada apa-apa rintangan.

Y.B. Dato' Speaker, perkara yang kedua yang beliau membangkitkan adalah setelah siap membinanya Jambatan Kedua, trafik di Pulau Pinang ini akan menjadi lebih sesak dan beliau hendak mengetahui apa cara atau apa langkah yang diambil untuk mengatasi perkara ini. Y.B. Dato' Speaker, secara umum di bahagian pulau selain daripada jambatan utama itu yang pakej ketiga iaitu di atas pulau iaitu Batu Maung *Interchange* telah ditawarkan kepada satu syarikat namanya

Cergas Murni Sdn Bhd dengan kos projek RM150 juta dan beliau menanya selepas projek *interchange* ini sudah disiapkan, bagaimana pula kenderaan-kenderaan yang pada masa sekarang menggunakan *coastal road* iaitu dari Queensbay Mall ke Batu Maung, bagaimana hendak mengatasinya.

Y.B. Dato' Speaker, dalam Rancangan Malaysia Ke-10, Kerajaan Pulau Pinang melalui JKR telah memohon supaya satu jumlah menaik taraf atau menaikkan paras muka jalan ini dan juga menurap semula jalan ini dipohon dari Kerajaan Pusat dan jumlah yang dipohon adalah RM14 juta untuk 6 kilometer panjang. Y.B. Dato' Speaker, buat masa sekarang kerja-kerja penyenggaraan sedang giat dijalankan oleh sebuah syarikat iaitu Melati Wangsa Sdn. Bhd., dengan kos RM1 juta sedang dijalankan.

Y.B. Dato' Speaker, di samping itu Kerajaan Negeri juga melalui JKR telah memohon supaya di Rancangan Malaysia Ke-10 ini dibina jejambat di atas jalan yang sedia ada ini. Sekarang kita ada *coastal road* dan buat masa ini kita memohon RM14 juta diberi untuk menaik taraf kerana jalan selalu beralun-alun

dan dinaik parasnya dan diturap semula dan atas itu kita mencadangkan supaya satu *fly over* atau satu jalan bertingkat dibina di atas jalan ini, dan ini adalah 8 km dengan perbelanjaan lebih kurang RM724 juta.

Yang ketiga, dari Batu Maung kita pergi ke Teluk Kumbar pula kita juga ada meminta di bawah RM Ke -10 di mana RM128 juta dipohon untuk membina satu (1) jalan lebih kurang 10 kilometer di kawasan ini. Sekiranya ketiga-tiga projek ini dapat diluluskan maka apabila Jambatan Kedua disiapkan nanti, lalu lintas dan kenderaan-kenderaan yang menggunakan kawasan ini dapat diselesaikan dengan sempurna.

Satu perkara juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batu Uban beliau mengadu bahawa ada *bottle neck* dari Jambatan Pertama hendak menuju ke Bayan Mutiara dan ini adalah disebabkan oleh sebatang jejantas pejalan kaki di depan bangunan LLM di Sungai Nibong. Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) telah memohon kepada JKR Pusat untuk memberi peruntukan supaya jejantas pejalan kaki ini di *extend* atau dipanjangkannya supaya menjadi di bawah jejantas ini menjadi satu lorong lagi menambah kepada tiga (3) lorong supaya ia tidak menjadi satu *bottleneck* dan sekiranya perkara ini dapat diluluskan ianya akan dilaksanakan pada 2011.

Y.B. Dato' Speaker, saya telah selesai dengan Yang Berhormat Telok Kumbar dan yang keduanya Sungai Dua beliau menanyakan dengan kenaikan kadar *charge* air dan beliau mempertikaikan oleh kerana dengan kadar *charge* air kedai kopi akan menaikkan secawan kopi dengan 10 sen, saya pun tidak tahulah bagaimana dia boleh dapat imbalan sebegini, dan apa yang beliau perlu menanya juga baru-baru ini harga rokok sekotak rokok dinaikkan lebih RM2 lebih dia tak tanya. Petrol Ron 95 dinaikkan 0.05 sen seliter beliau tidak tanya. Saya tak sangka dan tak jangka juga sekiranya kadar air di naikkan dan harga kopi boleh dinaikkan sehingga 10 sen satu cawan. Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menjelaskan di sini bahawa PBA mencadangkan penyelarasan kadar air dan

bukan kenaikan kadar air yang kita hendak menjalankan ialah *water conservation surcharge* yang di mana pada masa sekarang pengguna di Pulau Pinang yang menggunakan air adalah yang tertinggi sekali di dalam negara kita ini iaitu 286 liter *per kapita* sehari.

Purata Nasional adalah 202 liter *per kapita* sehari, dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu turut mengesyorkan ialah 165 liter/ *per kapita* sehari. Sasaran Kerajaan Negeri adalah kita hendak mensasarkan kepada 233 liter seorang sehari, sebab itu kita datang dengan satu angka yang di mana sekiranya satu keluarga yang menggunakan air yang menggunakan lebih 35,000 liter atau 35 meter sepadu ia akan dikenakan *surcharge* iaitu satu *charge* yang lebih, dan bagaimana kita mengira 35,000 liter sebulan itu. Andaikan sasaran kita 233 liter sehari untuk seorang maka dalam satu keluarga ada lima (5) orang jadi 233 liter x 5 orang x 30 hari jadi kita dapat 35,000 liter untuk 1 bulan dan sekiranya menggunakan melebihi 35,000 liter sekeluarga sebulan, maka setiap 1,000 liter air tambahan kepada 35,000 itu akan dikenakan 0.24 sen 1,000 liter atas kadar yang sedia ada ini. Itulah kita menggalakkan pengguna-pengguna supaya mereka tidak mengguna air dengan sewenang-wenangnya tetapi mengguna dengan lebih cermat dan jimat.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengatakan di sini bahawa bilangan keluarga yang akan terlibat dengan *surcharge* ini adalah lebih kurang 30% sahaja. Dari statistik yang direkodkan oleh PBA sepanjang sejarah ini hanya 30% keluarga sahaja akan dikenakan *surcharge* ini dan 70% keluarga yang mengguna air kurang dari paras 35,000 liter itu tidak akan dikenakan. Dari itu adalah satu kebenaran di mana PBA telah membuat satu kajian bahawa begitu teliti untuk menyelesaikan perkara-perkara ini.

Y.B. Dato' Speaker, izinkan saya memberi sedikit asas-asas untuk merasionalkan *water conservation surcharge* ini. Tadi saya ada kata di Pulau Pinang pengguna yang menggunakan air adalah tertinggi sekali di dalam Malaysia ini dan kita yang tertinggi sekali 286 liter sehari seorang pakai. Selangor 235 liter dan terendah sekali di Sabah dan Sarawak hanya 129 liter sehari seorang dan purata di negara kita ini adalah 200 dan 2 liter seorang sehari. Jadi 286 adalah tertinggi sekali di dalam negara kita ini.

Y.B. Dato' Speaker, katalah kita selaras selepas penyelarasan buat masa ini, harga air di Pulau Pinang ada juga terendah di negara kita ini iaitu purata iaitu 0.31 sen 1,000 liter atau 1 *cubic* meter, dan yang kedua tertinggi adalah Terengganu iaitu 0.52 sen untuk 1,000 liter dan Kedah 0.55 sen, Kelantan 0.55 sen yang tertinggi sekali adalah Johor 0.98 sen untuk 1,000 liter. Jadi Pulau Pinang harga air di Pulau Pinang adalah terendah, kadar penggunaan air adalah tertinggi di negara kita.

Y.B. Dato' Speaker, itu adalah kegunaan domestik dan untuk kegunaan perniagaan kita mencadangkan supaya ia dinaikkan 27%, ikut skala yang sedia ada, ke atas skala yang sedia ada sekarang, dan setelah kenaikan kadar 27% harga air di Pulau Pinang adalah di tempat kelima tinggi di dalam negara kita ini. Yang termurah sekali sebelum mereka menyelaras ataupun mereka belum naik harga Sabah adalah 0.90 sen 1,000 liter, Labuan 0.90 sen juga, Sarawak RM1.06,

Terengganu RM1.15 dan Pulau Pinang kedudukan kelima RM1.19. Kedah RM1.20 adalah harga lama kira sekarang mereka lagi tinggi kepada kita dan Johor adalah tertinggi kegunaan air perniagaan iaitu RM2.93 1,000 liter. Y.B. Dato' Speaker, kalau dibandingkan negara-negara di Asia ini Pulau Pinang selepas kenaikan harga 0.27 sen untuk air perniagaan dan kita mencapai RM1.19 purata dan 1 November 2010 ini masih terendah di rantau ini, iaitu kalau dibandingkan dengan Bangkok RM1.24, Laos RM1.38, kalau kita banding dengan Kuala Lumpur RM2.27 dan Singapura lagi mahal RM3.55. Jadi walaupun selepas menyelaras harga air ini, air perniagaan kegunaan perniagaan kita masih dalam satu keadaan yang memuaskan dan Y.B. Dato' Speaker, kalau kita mengingat balik harga air tidak naik selama 10 tahun di Negeri Pulau Pinang.

Kali yang terakhir mereka menyelaras air harga air adalah 2001 dan kini sudah 2010 sudah 10 tahun tidak ada menyelaraskan air ini dan kalau kita bandingkan dengan kegunaan bil elektrik. Bil Elektrik satu keluarga kurang-kurangnya RM40, RM50 walhal mereka hanya pakai RM2, RM3 air. Kalau kita pakai ASTRO sekurang-kurangnya pun RM38 lebih kurang atau maksimum RM139.95. Kalau kita pakai internet RM90.00, kalau kita pakai telefon pun lebih kurang pun RM70.00, RM80.00 dan semua ini kalau dibandingkan dengan

kemudahan atau keperluan satu keluarga atau sehari kehidupannya, air adalah terendah sekali dalam kehidupan mereka itu. Jadi saya berharaplah agar *conservations water surcharge* ini tidak menjadi satu bebanan kepada keluarga-keluarga yang menggunakan air dan kepada pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga ini tidak dapat disangka sebagai satu harga kenaikan yang mendadak. Itu cuma penyelaras sahaja. Bil elektrik dinaikkan beberapa kali. Harga barangan-barangan beberapa kali tapi air sahaja dalam 10 tahun satu (1) kali dia beri *adjust* penyelarasan sekali lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan dengan Yang Berhormat ...(dengan izin). Penjelasan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dengan penjelasan yang begitu komprehensif penjelasan yang begitu merangkumi setiap aspek mengapa *surcharge* itu dikenakan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa dengan kenaikan itu adalah kenaikan lebih selepas 10 tahun jika dibandingkan dengan petrol, gula, tol dan sebagainya yang semua ini di bawah kawalan oleh Kerajaan Persekutuan dan kita dapati kenaikannya mendadak bukan sahaja kenaikan mendadak, kenaikan yang telah berlangsung dalam masa dua, tiga tahun. Setiap dua, tiga tahun petrol naik setiap dua, tiga tahun gula dan sebagainya tentu naik.

Memang saya berterima kasih tentang penjelasan yang diberikan dan tentang *surcharge* air, *now* satu perkara lagi yang saya bangkitkan dalam penghujahan saya adalah berkenaan dengan pembayaran tol di Jambatan Pulau Pinang. Mungkin Yang Berhormat akan jawab kemudian. Tapi saya akan tanya *now*, sebagai suara rakyat Pulau Pinang saya ingin mengetahui mengapakah kita masih sedang membayar bayaran tol ini? Nombor satu.

Kedua, mengapakah tidak sebarang diskaun diberikan sewaktu perayaan Hari Raya, Deepavali dan sebagainya. Kita lihat bahawa di Lebuhraya NKVE umpamanya di kawasan Wilayah Persekutuan, Selangor, Plus Highway dan sebagainya memang diskaun-diskaun diberikan dan pengumuman ini dibuat oleh Menteri Kerja Raya sendiri. Menteri Kerja Raya adalah Menteri Barisan Nasional yang membuat pengumuman tentang diskaun atau potongan untuk lebuhraya tersebut tetapi Pulau Pinang langsung tidak ada apa-apa pengumuman. Bolehkah kita tanya di sini mengapakah rakyat di Pulau Pinang dianaktirikan kerana sewaktu Hari Raya kita dapati kaum keluarga pulang sewaktu Deepavali, Krismas dan perayaan lain. Ada kaum keluarga tinggal asalnya di Pulau Pinang pulang.

Jadi kita tertanya-tanya adakah ini kerana Negeri Pulau Pinang ini diperintah oleh ataupun dikuasai oleh pakatan rakyat dan bolehkah adakah apa-apa cadangan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk merunding perkara ini dengan Pihak Berwajib sama ada untuk mengurangkan kutipan tol semasa musim perayaan ataupun sekurang-kurangnya memberi potongan tersebut. Mengapakah sejak sampai bilakah lagi rakyat Pulau Pinang akan dikenakan bayar. Saya sendiri pun pernah datang ke jambatan tol sekali dan tinggal pada hari tersebut tidak mengambil wang daripada ATM terlupa, terpaksa saya tunggu di jambatan Pulau Pinang sehingga seorang lagi kawan saya datang bawa lebih kurang RM7.00

untuk saya bayar sebelum saya dapat melintas daripada seberang ke Pulau Pinang. Bayangkan kalau keadaan kita begitu kalau ada seseorang yang perlu pulang alik ke seberang umpamanya. Ada keluarga yang tinggal di seberang, tiga kali beliau berulang alik tiga kali beliau kena bayar. Jadi bolehkan perkara ini diberi perhatian dan mengapakah Kerajaan Barisan Nasional sehingga sekarang tidak begitu telus tentang perkara ini. Sekian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih. Isu yang sama supaya satu jawapan sekali gus dapat diberikan. Tahukah Seri Delima bahawa pungutan kita sekarang bahawa tol ini RM7.00 begitu tinggi dan sudah begitu lama konsesi ini berterusan walaupun saya percaya kalau angka-angka dilihat sudah pun *collect* berkali ganda apa yang perlu dikutip di pihak *concession* Air tetapi tahukah Seri Delima dan saya ingin pengesahan daripada Yang Berhormat EXCO berkenaan ada cadangan untuk menaikkan kadar tol di Jambatan Pulau Pinang. Saya difahamkan bahawa orang bertanggungjawab di pejabat Kementerian yang berkenaan Kementerian Perdana Menteri tidak selain daripada Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon yang telah membuat satu pengumuman bahawa ini akan berlaku apakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan isu ini sama ada kita akan membuat bantahan ataupun ada apa usul yang akan dikeluarkan untuk membantah kenaikan kadar tol tersebut.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sedikit lagi Yang Berhormat. Satu lagi perkara yang saya ingin tambah. Dua-dua agensi yang mengawal cara rakyat keluar masuk ke Pulau Pinang adalah agensi Kerajaan Persekutuan. Jambatan Pulau Pinang dan Penang Port.

Bayangkan kalau terdapat kenaikan kutipan tol, feri dan juga jambatan Pulau Pinang. Kedua-dua agensi ini dikuasai oleh Kerajaan Barisan Nasional. Mengapa tidak apa-apa diskaun diberikan sampai sekarang. Itu persoalan saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih kepada Y.B. Seri Delima dan juga Datok Keramat. Itu adalah satu dasar Kerajaan Pusat di mana mereka kata *privatization* tetapi kita mengatakan mereka ini *privatization*. Mereka "*pirate tization*", mereka *pirate* kan kita, merompak hak kita. Berbalik kepada jambatan pertama. Ia dibuka kepada penggunaan pada tahun 1985 dan antara perjanjian konsesi Kerajaan Pusat dengan satu syarikat iaitu Mekar Idaman pada masa itu ialah konsesi untuk 25 tahun. Jadi 1985 *plus* 25 2010. Sekarang sepatutnya pada masa sekarang kita kena berhenti tapi malangnya Mekar Idaman pada masa itu telah muflis dan telah digulung oleh kerajaan dan satu *agreement* baru telah dimaterai dengan Y-yen. Jadi mereka tidak ambil kira tahun 1985 lagi, mereka kira baru. So kita kena ikut konsesi itu tapi dalam hal ini Kerajaan Negeri pada masa itu melalui PDC memang ada bahagian ada *share* dalam konsesi ini tapi sekarang dengan muflis Mekar Idaman kerajaan habis semua borang itu. Tiada apa-apa *share*. Jadi jambatan
ini

pun bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri tidak ada bidang kuasa dalam menentukan *charge* atau apa-apa *agreement* dengan *concession* Air. Jadi apa yang kita boleh buat hanya merayu kepada mereka supaya mereka mementingkan rakyat Negeri Pulau Pinang sebab itu *Concession* Air jambatan ini mereka ada memberi 20% *rebat* kepada rakyat Pulau Pinang sekiranya anda sekiranya yang berhormat memakai *cash* dia kena bayar RM7.00 sekiranya yang berhormat memilih untuk memakai *Touch & Go* yang dibeli tol plaza di jambatan itu hanya dikenakan RM5.60 buat masa sekarang. Jadi itu adalah sedikit sebanyak mengenai.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sedikit saja Yang Berhormat. Minta laluan, sedikit saja. Ada desas-desus Yang Berhormat saya minta supaya Yang Berhormat kalau boleh jelaskan desas-desus bahawa ada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional melibatkan diri dalam syarikat tersebut termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pembangkang daripada UMNO khususnya yang sehingga hari ini mempunyai kepentingan dalam syarikat yang mengelolakan ataupun yang mengawal kutipan tol ini di Jambatan Pulau Pinang, sebab itu sehingga hari ini perkara ini tidak pernah dibangkitkan bukan saja di Parlimen tapi di Dewan Undangan Negeri tidak pernah perkara ini dibangkitkan langsung oleh mereka. Bolehkah perkara ini diperjelaskan. Adakah sebab mereka mempunyai kepentingan dan sikap yang menunjukkan bahawa kepentingan diri didahulukan, kepentingan rakyat tidak diberi perhatian.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Yang Berhormat mintalah saya kerana saya tiada maklumat seperti ini di mana ada terlibatnya Ahli-ahli Pembangkang adalah rakan kongsi di dalam *Concession* Air ini tapi apa yang kita boleh bayangkan adalah pada masa sekarang satu hari lebih kurang ada 64,000 buah kenderaan mengguna Jambatan ini *one way, couse you can only count one way* masuk ke Pulau Pinang saja balik kita tidak tahu mungkin dia akan mengguna feri. Jadi kalau kira RM7.00 sebuah maka satu hari lebih kurang 500.000 mereka akan kutip. Jadi pada masa sekarang boleh dikatakan Jambatan Pulau Pinang ini adalah satu *the goose that laid the golden eggs*. Saya seekor angsa yang menelurkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sorry Yang Berhormat, sedikit saja komen saya. Kalau tidak ada apa-apa yang dilakukan, dulu, kini dan selama-lamanya, dulu kini dan selama-lamanya mereka akan bersekongkol, rakyat memang tidak akan diberi perhatian. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Panjang lagi Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Saya baru menggulung dengan dua orang saja masih ada enam Ahli Yang Berhormat belum saya menyentuh.

Y.B. Dato' Speaker:

Ambil *point* saja.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Ya. Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota menanya mengenai *common trenching*. *Common trenching* untuk menjawab soalan ini *common trenching* atau lebih dikenali sebagai perparitan bersepadu di Negeri Pulau Pinang ini iaitu semua kerja pengorekan pemasangan dan penyelenggaraan kabel pada masa ini dijalankan oleh sebuah syarikat saja iaitu Tanjong Serbaneka Sdn. Bhd. Tiada penyediaan perkhidmatan rangkaian telekomunikasi dibenarkan menjalankan kerja-kerja tersebut secara persendirian. Di Seberang Perai ia tidak terhad kepada Tanjong serbaneka mana-mana satu kontraktor yang ingin mengorek kabel atau *trenching* mereka dibenarkan untuk membuat demikian dengan syarat mereka perlu mendapat permit dari JKR dan MPSP tetapi di Pulau Pinang ini hanya satu syarikat saja iaitu Syarikat Tanjong Serbaneka Sdn. Bhd. yang dapat menjalankan pengorekan-pengorekan ini. Sebenarnya *common trenching* ini adalah satu konsep yang baik di mana di bawah sebatang jalan itu mereka menyediakan satu saluran dan mereka menanam *casing-casing* atau saluran-saluran sedia mungkin 10 batang, lapan batang atau enam batang memandangkan keperluan. Jadi, siapa-siapa yang hendak memakai kabel atau telekomunikasi baik, TNB baik atau

lain-lain yang baik juga boleh pakai *trenching* itu, tapi ia tidak sempurna. Tanjong Serba nika pada masa sekarang hanya menyiapkan 240 km *common trenching* ini dan sekarang Kerajaan Negeri pada masa itu juga ini bukan satu *decision binding* sebab itu pada masa itu tahun 1996 atau 1997 ada seorang EXCO Kerajaan Negeri yang mengeluarkan arahan ini. Hanya untuk Tanjong Serbaneka menjalankan kerja-kerja di Pulau. Jadi kerajaan sekarang ingin menyemak balik perkara ini dan pihak PDC Delco juga ada lesen dan ada kepakaran untuk menjalankan kerja-kerja pengorekan *common trenching* ini dan kita sedang semak satu kertas kerja sedang disediakan oleh UPEN untuk ditimbang oleh Kerajaan Negeri supaya ia membuka ruang ini atau peluang ini kepada syarikat-syarikat yang lain untuk menjalankan pengorekan untuk menjadi satu *competition* yang sihat antara kontraktor-kontraktor ini, tetapi ini tertakluk kepada pertimbangan kerajaan ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Penjelasan. Sekarang masalah yang kita hadapi ialah seperti jalan yang baru ditarik oleh MPPP tidak sampai setahun dalam keadaan yang baik telah dikorek semula bukan semua MPPP mengetar satu jalan, sepanjang jalan tapi mereka korek di depan atau di tengah jalan, lepas itu mereka akan tar balik dengan tiga meter dengan syarat yang ditentukan, so selepas tar balik selepas

dua bulan mereka kerja sempurna kita boleh nampak sepanjang jalan ini terdapat separuh yang tar kerana yang barunya memang lebih tinggi daripada sudah lama dan masalah di sini ialah bolehkah Kerajaan Tempatan atau mana-mana syarikat pun bila hendak membuat kerja pengorekan tanah atau menanam kabel kena *check* dengan *Council* dulu sebelum *Council* tar semula jalan ini dan buat kerja-kerja tersebut. Ini pun tidak mahu membazir duit rakyat juga, selepas *Council* tar jika lebih baik mereka hendak buat, selepas mereka korek semua dan panggil syarikat yang tertentu tar semula jalan tersebut. *Council* pun boleh *save* banyak duit dan JKR boleh *save* duit. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih. Sebab itu lah kalau konsep perparitan bersepadu diwujudkan di semua jalan-jalan maka pengorekan ini tidak perlu dikorek tetapi tidak sempurna maka di mana-mana mereka perlu korek. Sekarang kerajaan apabila kontraktor perlu mengorek untuk menanam kabel mereka perlu dapat permit daripada JKR dan kalau jalan itu diselenggarakan oleh JKR, mereka perlu dapat permit MPPP kalau MPPP yang jaga jalan itu dan mereka perlu membayar cagaran atau deposit untuk baik pulih apa yang mereka korek. Setiap syarikat seperti Telekom, Celcom dan lain-lain mereka perlu menandatangani satu *revolving funds* RM100,000.00 untuk disimpan oleh kerajaan sekiranya mereka gagal untuk membaikinya, maka kerajaan akan menggunakan wang ini untuk membaikinya. Pada masa dahulu kerajaan dahulu mereka hadkan kepada RM50 ribu sahaja tapi baru-baru ini kita tambah satu kali ganda kita panggil mereka menandatangani jumlah RM100,000.00. Jadi sekiranya kontraktor-kontraktor mendapat permit, selepas menanam kabel ini dan membaiki dengan sempurna maka masalah ini tidak timbul. Tetapi sekiranya mereka lalai atau buat dengan sesuka hati maka jalan itu akan jadi keadaan seperti Yang Berhormat sebut tadi. Di situlah Kerajaan Negeri melalui JKR

ataupun MPPP sering kali menulis surat kepada kontraktor-kontraktor atau mana-mana satu syarikat di mana mereka bertanggungjawab untuk kerja-kerja itu memperingatkan mereka membaikinya dalam tempoh tertentu. Sekiranya mereka tidak membaikinya, maka Kerajaan Negeri akan masuk untuk membaikinya dan segala kos caj akan dikenakan kepada syarikat kontraktor itu. Itulah cara kita untuk selesaikan perkara ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Bolehkah kita minta kontraktor mengetar balik tempat yang dia korek tiga meter sahaja. Jika mana-mana syarikat kerana ini perparitan bersepadu untuk satu syarikat bolehkah minta jika selepas dia korek dia kena tar sepanjang jalan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Ini pernah dijalankan di Jalan Kek Lok Si, Jalan Air Itam Pasar. Mereka mengorek satu batang *trenching* mungkin dalam dua kaki lebar sahaja dan selepas menanam kabel itu mereka kena mendap atau *compact trenching* itu selepas itu mereka kena menurap *premix* itu dan selepas itu mereka kena disyaratkan untuk mengetar jalan sebatang jalan sepanjang jalan itu dan selebar jalan itu. Tetapi kalau di jalan-jalan mungkin 40 kaki, katakanlah jalan itu 40 kaki

dan ada tiga lorong, kalau dia korek satu *trenching* dua (2) kaki sahaja tak akan kita panggil dia buat untuk 40 kaki punya jalan semua dia nak turap sekali, itu tidak adil juga. Tapi kita mensyaratkan kepada mereka bahawa mereka bukan sahaja menurap dua (2) kaki itu sahaja tetapi lebih dari itu mungkin 10 kaki untuk dia turap. Ini cara kita untuk menangani masalah itu.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Tanjong Bunga mengenai North Coaster Expressway. Tidak dinafikan bahawa dari Tanjong Bunga ke Batu Feringghi, Telok Bahang memang jalan *coastal road* itu memang sempit dan Kerajaan ada mencadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 supaya kita membina *pair road* atau jalan berkembar iaitu dari Jalan Permai Indah untuk pergi ke Batu Feringghi. *Pair road* atau jalan berkembar ini sekiranya diluluskan oleh Kerajaan Pusat maka jalan lama *coastal road* akan digunakan sebagai *scenic road* dan jalan ini dihadkan kepada kenderaan persendirian dan bas pelancong sahaja kerana *coastal road* yang sedia ada itu pemandangannya adalah cantik dan elok sekiranya *pair road* dibina maka ia dihadkan kepada kenderaan perdagangan dan kenderaan persendirian untuk menggunakan *pair road* ini. Buat masa ini kita mencadangkan kepada Kerajaan Pusat supaya diperuntukkan jumlah itu untuk membina jalan itu dari Tanjong Bunga ke Hard Rock Batu Feringghi dan pada masa akan datang kalau ada kemampuan dari Batu Feringghi sambung ke Telok Bahang. Itulah North Coaster Expressway yang dicadangkan.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Kebun Bunga menanya mengenai (JeWay) Jelutong Expressway. Suka saya mengumumkan di sini bahawa selepas perundingan Kerajaan Negeri dengan pemaju di kawasan sana iaitu IJM telah bersetuju dan menyiapkan satu fasa kerja-kerja pembaikan di Jelutong Expressway iaitu mereka telah membelanjakan satu jumlah iaitu lebih kurang

RM300,314 untuk menaik taraf peringkat jalan itu. *corporate social responsibility*. Antara kerja-kerja yang mereka buat ialah menurap tempat-tempat yang tenggelam, membaik pulih *straight* wayar atau *guard rail* sepanjang jalan itu, ada 12 tiang lampu jalan, yang 50 kaki tinggi telah dilanggar oleh kereta dan tumbang mereka baik pulih atau *replace* 12 tiang ini. Sepanjang jalan itu ada kerja-kerja sampingan dan ini juga yang telah jawab dalam Dewan yang mulia ini bahawa JKR mencadangkan untuk membina *new jersey concrete barrier* di pertengahan Jelutong Expressway supaya kenderaan tidak melanggar untuk pergi ke jalan lawan. Jadi dalam persidangan ini yang lepas JKR telah menjalankan satu kajian dan mengesyorkan supaya *new jersey concrete barrier* dibina tetapi selepas berunding dengan IJM kita mendapati di bawah medium ini ada saluran kabel-kabel dan saluran parit di mana ia perlu dibuka untuk diselenggarakan selalu sebab itu kita tidak dapat membina *barrier* yang *permanent* di atas jalan ini. Jadi selepas berunding dengan IJM, IJM pun bersetuju supaya membina *guard rail* logam dipasang di tempat-tempat selekoh dan ini kita boleh buat lebih kurang 500 meter panjang. Jalan lurus itu kita tidak buat untuk masa sekarang tapi di selekoh itu kita akan pasanginya pada 21 November 2010 untuk membina *guard rail* ini kita perlukan satu jumlah RM265,000.00. Jadi kita mengucapkan kepada IJM kerana memberi satu sumbangan CSR lebih kurang RM500,000.00 ribu untuk membaik pulih dan mengukuhkan keselamatan di Jelutong Expressway. Y.B. Komtar... (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Minta penjelasan. Sebelum itu tentang Jelutong Expressway saya pernah difahamkan daripada Y.B. Bagan Jermal bahawa IJM dalam mesyuarat itu ada bincang dari *traffic light* dari Lebuh Cecil sampai ke Lebuh Magazine akan mendirikan satu pagar di tengah jalan tersebut supaya penduduk-penduduk di kawasan Lebuh Macallum mereka tidak melintas jalan raya sesuka hati dan mengikut tempat jalan kaki dan melalui trafik supaya kemalangan untuk penduduk dilanggar kereta dapat dikurangkan. So adakah ini akan dilaksanakan juga dan bilakah boleh dilaksanakan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Pihak JKR dan MPPP memang tahu bahawa ada beberapa *accident* di Peringkat Sisir Street dengan Jalan Magazine ini. Ini adalah disebabkan oleh orang-orang tua dan juga pekerja asing, mereka suka melintas jalan itu sesuka hati dan oleh kerana jalan itu lebar sangat dan mereka tidak sempat untuk melaluinya kereta di sana pun pada masa-masa biasa, kalau pada masa kemuncak *slow* pulak tapi pada masa biasa tidak sesak mereka laju sangat. Jadi ada beberapa kes yang telah berlaku kemalangan maut di tempat itu. Memang Kerajaan Negeri sedar berkenaan dengan perkara ini dan JKR ada juga mengkaji supaya dibina *defensing* untuk menghalang pejalan-pejalan kaki untuk melintasi jalan ini tetapi belum sampai masa kita ada peruntukan untuk membinanya dan kita akan mengkaji lagi untuk mencari peruntukan supaya ia dilaksanakan di peringkat tertentu.

Y.B. Komtar ada menanya mengenai persimpangan jalan Paya Terubong dengan Sungai Ara, suka saya memberitahu bahawa pemaju di kawasan sana

atau di tanah-tanah pekeliling sana Koperasi Tunas Muda disyaratkan untuk menaik taraf persimpangan itu, melebarkan jalan, memasang lampu isyarat di tempat itu. Berkenaan dengan *bottleneck* saya sudah jawab, cuma dua saja lagi soalan. Y.B. Batu Uban ada membangkitkan bahawa Bukit Gambir telah diganggu atas beberapa isu. Isu yang ada kaitan dengan portfolio saya adalah Y.B. Batu Uban katakan bahawa situ adalah tempat tadahan air dan saya telah menyemak dengan pihak PBA dan didapati Bukit Gambir bukanlah satu kawasan tadahan air di mana ada terjumpa sumber-sumber air. Jadi kita tidak gunakan air itu untuk kegunaan PBA. Yang Berhormat juga ada bertanya berkenaan dengan *costal expressway* yang beralun-alun tadi saya telah jawab juga ada bertanya tentang *hydrant* yang rosak. Sebenarnya pada sesi yang lepas saya telah panjang lebar untuk menerangkan *hydrant* yang hilang *elbow* itu dan saya juga ada bawa alat-alat ganti (fasa 6), satu jenis alat di mana ia boleh diguna pakai untuk menyambung *hydrant* yang hilang kedua-duanya supaya ia boleh diguna pakai dan Yang Berhormat ingin mengetahui di manakah tempat-tempat yang sudah hilang *hydrant* ini, boleh saya mengatakan kita memang ada lokasi-lokasinya di lima-lima daerah semua ada. Kehilangan *elbow* pili bomba di Pulau Pinang dan Seberang adalah 1,552 buah, *one thousand five hundred and fifty two* biji yang telah hilang *elbow* dan bukan itu sahaja yang lain-lain kecacatan pun ada seperti *valve* nya ditutup dengan tanah atau *premix* seperti pili bomba dihalang kerana orang bina bangunan di tepinya semua ada maklumat tetapi kalau hendak pergi satu demi satu ia akan ambil masa yang panjang.

Satu yang saya merasa aneh ialah kalau kita kira kehilangan atas sabotaj atau *vandalisme* pili-pili bomba ini di Pulau Pinang ini kita mencatat angka 8.93% walhal di Perak hanya 4.3% sahaja . Di Kedah 0.8% sahaja tidak sampai 0.5%. Ini bermakna ada pencuri yang lebih banyak di Pulau Pinang ini. Pencuri yang lebih banyak di Pulau Pinang ini yang suka mencuri.....(ketawa), kalau satu pencuri yang mencuri banyak-banyak tangkap pencuri itu sudah selesaikan perkara ini. Jadi Yang Berhormat untuk menjimatkan masa, saya ada untuk menjimatkan masa saya ada butir-butir kelima-lima daerah yang kehilangan *elbow-elbow* sampai di mana-mana jalan itu pun ada setebal seperti ini, saya boleh bekalkan sekiranya berminat.

Yang akhir sekali ialah Yang Berhormat dari Bertam pagi ini beliau ada menyentuh mengenai satu *test track* projek di Batu Kawan. Seperti saya sudah menjawab di sesi lepas sebuah syarikat bernama *Em Rail* telah menunjuk minat untuk memiliki sebidang tanah di Batu Kawan untuk mendirikan sebuah *test track* untuk *coach monorail*. Perlu diterangkan ini tidak ada kena mengena dengan cadangan projek monorel di Pulau Pinang. Ada orang salah faham, dia kata Batu Kawan hendak buat satu kilang monorel dan Pulau Pinang akan membina monorel dan mereka tanya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi kita tidak mampu buat monorel buat masa sekarang. Ini adalah sebuah kilang untuk menguji *coach-coach* buatan Negara China yang diimport ke Malaysia. Selepas diuji dan dapat dipasarkan kepada Negara-negara yang minat membelinya. Memandangkan tanah yang disebutkan adalah lot tanah Kerajaan Negeri, PDC sebagai sebuah penyelaras utama atau *main coordinator* telah menyediakan satu draf kertas pajakan tanah untuk dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu MMK Kerajaan Negeri. Itu sahajalah Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Neethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat sebelum habis Yang Berhormat, sedikit sahaja, ada masakah Yang Berhormat? Ini adalah berkenaan dengan komen-komen daripada Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar mungkin saya kurang pasti kurang pasti minta maaf kalau bukan Yang Berhormat boleh menjawab perkara ini di mana beliau mengatakan bahawa padan muka Mat Rempit dan dia kata Minah Rempit kerana mereka ditangkap dan dipaksa jalan lebih kurang 5 kilometer daripada tempat tangkapan ke balai Polis.

Adakah Kerajaan Negeri bercadang berhasrat untuk menyediakan satu tapak di mana macam negeri-negeri lain di mana aktiviti-aktiviti ini dijalankan tanpa membahayakan orang awam kerana kita mendapati bahawa ada di kalangan Mat Rempit - Mat Rempit ini yang kalau diberi mungkin *training* dan sebagainya boleh menjadi *professional racer*. Jadi tidak boleh kita mengeluarkan satu *sweeping statement* seperti Telok Ayer Tawar ini di mana beliau kata padan muka Mat Rempit ini kerana banyak pemuda pemudi kita ini mungkin berhasrat untuk melibatkan diri di dalam bidang ini jadi adakah cadangan untuk mendirikan satu tempat khusus kepada mereka untuk menjalankan aktiviti ini dengan selamat tanpa membahayakan orang awam. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Y.B. Dato' Speaker, memanglah ini satu konsep atau satu idea sahaja. Kalau kita menyediakan satu tempat di mana tempat itu adalah terpencil atau tiada mengganggu orang yang memakai jalan itu, maka Mat Rempit ini tidak berminat untuk berlumba-lumba di kawasan sana kerana tiada penonton, tiada penonton seperti kalau Yang Berhormat menyanyi di bilik mandi tidak berapa minat, tetapi bila berdiri di atas pentas di mana ada ramai-ramai penonton maka Yang Berhormat gembiralah sangat hendak menyanyi jadi ini serupalah juga ...(ketawa) Jadi Yang Berhormat pada masa sekarang sebenarnya Batu Kawan, kompleks sukan tempat yang sangat luas. Kita boleh menghadkan tempat itu untuk mereka berlumba-lumba di sana tetapi mereka tidak berminat. Mereka minat tempat-tempat yang sibuk seperti di JeWay seperti di *Butterworth Outer Ring Road*, dekat Pantai Bersih di mana bukan sahaja mereka berlumba tetapi ada *betting*, ada orang atau penonton-penonton berdiri di tepi jalan untuk *betting*. Jadi inilah yang mereka minat dan dengan kerjasama dan penguatkuasaan yang ketat dari pihak PDRM, gejala-gejala Mat Rempit ini telah berkurangan di Pulau Pinang ini. Kita perlu mengucapkan terima kasih kepada pihak Polis kerana untuk membanteras kegiatan yang merbahaya ini. Terima kasih...(tepek meja).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Neethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya rasa begitu berpuas hatilah bahawa pendekatan Kerajaan Pakatan Rakyat, pendekatan kita berbeza daripada pendekatan Barisan Nasional yang sebenarnya mereka katakan bertindak lebih menggunakan cara kuku besilah. Mereka mengatakan kita bertindak seperti kuku

besi tetapi mereka sebenarnya mereka bertindak kuku besi, kita menggunakan pendekatan lain. Pendekatan untuk mendampingi pemuda pemudi kita untuk mereformasi mereka kepada cara yang elok. Saya berterima kasih kerana inisiatif Kerajaan kita kerana menyediakan tapak supaya aktiviti ini boleh dijalankan dengan senang, selesa dan selamat. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. sebelum semua habis, tanya satu sahaja, tertinggal saya punya Jalan Song Ban Kheng, saya tanya bila boleh buat, tolong-tolong jawab dengan jelas dengan tempoh bila nak buat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Jalan Song Ban Kheng, saya tidak perlu rujuk kepada jawapan, saya boleh jawablah. Kerajaan Negeri seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat telah memperuntukkan satu jumlah RM10 juta untuk membina dua (2) buah jambatan merentasi Sungai Rambai. Yang ini yang mustahak, yang ini yang susah dilaksanakan sebab sungainya lebar dan kerja-kerja ukur telah pun disiapkan. *Surveying* telah disiapkan dan sekarang dalam peringkat reka bentuk, *design stage* jadi kita akan memanggil tender selepas reka bentuk disiapkan dan pasti jambatan ini akan bermula kerja pada tahun yang akan datang, 2011 dan

buat masa sekarang peringkat-peringkat di mana terlibat dengan pembangunan perumahan JKR telah mensyaratkan pemaju supaya membina empat (4) lorong dua (2) hala, jadi di sepanjang Jalan Song Ban Kheng di mana ada pemajuan perumahan mereka disyaratkan untuk membina empat (4) lorong dua (2) hala. Ini adalah minimumnya dan Syarikat Gamuda MMC mereka membuat landasan kereta api di Jalan Maju, perlu juga berbuat demikian dan setakat ini kerja-kerja sedang giat dijalankan jadi dengan ketiga-tiga pihak ini di mana-mana yang belum ada sesiapa hendak membinanya Kerajaan Negeri akan masuk tempat itu untuk membina. Pemaju perumahan perlu membina, Gamuda MMC perlu membinanya dan seluruh Jalan Song Ban Kheng ini boleh disiapkan tahun 2012, okey *next year we do the bridge, then the other year.*

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih tetapi pandangan saya sedikit cadangan bolehkah adakah mungkin kita buat *no right turn* di sepanjang Jalan Song Ban Kheng seperti di Jalan Baru sebab memandangkan sepanjang 3.4 km di Song Ban Kheng kita ada enam (6) buah *traffic light* dan akan tambah lagi dua (2) dan *traffic light* ini akan mengganggu ataupun mengadakan kereta sehingga di atas jalan. Kalau kita buat *no right turn* dan cuma ada *turn* di depan dengan hujung, ada dua untuk mereka pusing saya rasa lebih selaras untuk jalan raya untuk lebih lancar.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih Yang Berhormat. Selain daripada membangkitkan perkara ini dalam Dewan ini beliau juga ada berbisik-bisik di luar mengenai hal ini dan JKR perlu menjalankan satu kajian di mana kalau ada jalan yang hendak membelok ke

kanan, perlu ada satu kajian di mana ia disyaratkan untuk membelok ke kiri dan ke manakah mereka ada satu tempat yang cukup elok, cukup sempurna, cukup selamat untuk membuat *U turn*. Jadi inilah perlu dikajikan dan JKR sedang mengkaji perkara ini dan sekiranya ia boleh dilaksanakan maka Kerajaan Negeri pasti akan melaksanakan *median* atau *divider* di tengah-tengah jalan ini supaya kereta-kereta tidak membelok ke kanan untuk menyelesaikan perkara-perkara kesesakan lalu lintas dan juga persimpangan-persimpangan di mana ia perlu memasang lampu isyarat. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker, itu sahaja saya dapat menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat , sebelum kita tangguhkan sidang Dewan pada hari ini, untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum menggulung, kita hadkan hanya selama 30 minit sahaja besok dan Dewan sebagai peringatan jadi Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula esok hari Khamis, 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.45 petang.